

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Setiap manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Melalui bahasa seseorang dapat menyampaikan maklumat dan hasrat kepada orang lain. Justeru, setiap bangsa, puak dan suku kaum mempunyai bahasa dan peraturan yang tersendiri untuk menyampaikan maklumat. Maklumat atau hasrat akan terbatas sekiranya kegagalan menguasai bidang pragmatik. Bidang pragmatik adalah kajian mengenai konteks ujaran dan maksud penutur seperti yang dinyatakan oleh Thomas (1995) bahawa pragmatik adalah maksud di dalam suatu interaksi antara penutur dan pendengar. Yule (1996) berpendapat bahawa pragmatik adalah kajian mengenai maksud yang dikehendaki penutur.

Oleh hal demikian, bidang pragmatik di dalam bahasa Arab amat penting bagi membantu para pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi di dalam bahasa Arab. Leech (1993) berpendapat bahawa seseorang itu tidak memahami sifat sebenar bahasa itu sekiranya tidak menguasai bidang pragmatik iaitu bagaimana bahasa itu digunakan di dalam komunikasi.

Menurut Mohammad bin Haron (1996) di dalam kajian beliau bertajuk “Mekanisme Komunikasi Verbal Dalam Mesyuarat”, kadang-kadang mesej yang diterima tidak dapat difahami oleh penerima maklumat dan ini disebabkan oleh hal berikut:

1. Salah faham
2. Masalah semantik dan tafsiran
3. Kendala (gangguan) persekitaran
4. Sikap dan ciri penutur

5. Ketiadaan maklum balas
6. Perbezaan budaya penutur
7. Perbezaan status penutur

Kajian dalam bidang pragmatik dapat meningkatkan kemahiran komunikasi para pelajar melalui ujaran-ujaran yang sopan oleh masyarakat Arab ketika berkomunikasi iaitu dari aspek penggunaan ungkapan yang berunsur keIslaman, penggunaan kata tanya, penggunaan kata ganti diri dan sebagainya.

### **1.1 Permasalahan**

Bagi pelajar-pelajar Malaysia di Timur Tengah, cabaran yang mereka hadapi bukan hanya dalam bidang pengajian, tetapi juga berkomunikasi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kelemahan ini adalah hasil dari ketiadaan kepentingan terhadap kemahiran berkomunikasi secara efektif di dalam silibus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kerajaan Malaysia memperkenalkan STAM kepada para pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Pada tahun 2010 seramai 2,399 orang pelajar daripada 6,537 orang pelajar menduduki peperiksaan ini tidak layak mendapat sijil. Mereka yang lulus dan ingin menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar perlu menduduki ujian yang ditetapkan oleh kerajaan Mesir (dipetik daripada Harian Metro, 1 Februari 2011). Ini adalah kerana tahap pencapaian para pelajar yang lulus STAM masih tidak memuaskan dan menepati kehendak pengajian di sana. Sekiranya gagal dalam ujian tersebut, mereka perlu menduduki satu program khas pembelajaran bahasa Arab selama satu tahun.

Menurut Aiman, seorang warganegara Mesir yang bekerja dengan Kedutaan Malaysia di Kaherah, Mesir, para pelajar Malaysia tidak mesra dan ramah serta agak sombong ketika bertutur. Kenyataan di atas menunjukkan bahawa tahap kemahiran

berkomunikasi mereka masih ditahap yang rendah dan tidak memahami budaya masyarakat Arab Mesir ketika berkomunikasi. Pandangan yang sama disokong oleh Syuwaikar, bekas kerani di Universiti Al-Azhar, terhadap penguasaan bahasa Arab yang lemah dalam kalangan para pelajar Malaysia di Mesir.

Melalui pengalaman pengkaji mengajar para pelajar perubatan Program Timur Tengah di Pusat Pendidikan Antarabangsa (INTEC) di Seksyen 17, Shah Alam dalam bidang komunikasi bahasa Arab kolokial dan bahasa Arab standard, meskipun pragmatik tidak diajar secara khusus, akan tetapi penerapan budaya masyarakat Arab ketika berkomunikasi dan kesopanan ketika berbicara ditekankan sewaktu sesi pembelajaran bahasa Arab. Ini merupakan sebagai persiapan dan kelangsungan hidup para pelajar perubatan di Mesir nanti.

Pengajaran ilmu pragmatik khususnya kesopanan masyarakat Arab perlu diberi penekanan kepada para pelajar di peringkat menengah agar dapat menguasai kemahiran pertuturan dan komunikasi sepenuhnya di dalam bahasa Arab. Pendedahan mengenai unsur-unsur kesopanan budaya masyarakat Arab melalui animasi tanah liat merupakan langkah permulaan ke arah pemantapan bahasa Arab dari aspek komunikasi di kalangan para pelajar. Hal ini kerana, melalui animasi tanah liat Arab para pelajar dapat melihat dan mendengar setiap ujaran yang dituturkan oleh penutur jati sendiri dengan jelas dan nyata. Ini secara tidak langsung para pelajar didedahkan dengan budaya masyarakat Arab bertutur melalui ujaran yang terdapat di dalam animasi.

Di samping itu juga, para pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke Timur Tengah perlu didedahkan dengan kesopanan ketika berbicara agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru serta dapat menangkis persepsi masyarakat Arab bahawa para

pelajar Malaysia sombong dan tidak mesra. Justeru, Prinsip Kesopanan Leech dapat menghuraikan kesopanan masyarakat Arab melalui animasi tanah liat Arab khususnya kepada para pelajar sebagai salah satu strategi komunikasi dan dapat meningkatkan pemahaman budaya masyarakat Arab ketika berkomunikasi.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengetahui pasti unsur-unsur kesopanan yang terdapat di dalam animasi Arab.
- b. Mengukur sama ada unsur-unsur kesopanan dalam komunikasi masyarakat Arab melalui animasi tanah liat Arab mematuhi Prinsip Kesopanan Leech.

## **1.3 Persoalan kajian**

- a. Apakah unsur-unsur kesopanan yang terdapat di dalam animasi tanah liat Arab?
- b. Adakah unsur-unsur kesopanan yang wujud di dalam animasi tanah liat Arab mematuhi Prinsip Kesopanan Leech?

## **1.4 Skop dan Batasan**

Kajian ini menggunakan animasi tanah liat di dalam bahasa Arab standard “fushah” iaitu bahasa Arab standard digunakan seluruh dunia Arab sebagai lingua franca. Pengkaji memilih dua tajuk daripada animasi tersebut. Tajuk-tajuk tersebut adalah kisah Nabi Muhammad s.a.w di Gua Thur serta anakanda beliau Siti Fatimah r.a. Setiap satu tajuk berdurasi 30 minit. Bahasa Arab yang digunakan di dalam animasi tersebut disusun dengan teliti oleh “إِدَارَةُ الْبَحْوثِ وَالتَّأْلِيفِ وَالتَّرْجَمَةِ بِالْأَزْهَرِ” iaitu Bahagian Penyelidikan,

Penulisan dan Penterjemahan Universiti Al-Azhar Mesir. Hal ini adalah kerana menjaga

kemasukan anasir-anasir luar seperti penggunaan dialek atau slanga yang merosakkan bahasa Arab.

Pemilihan tajuk-tajuk ini ialah kerana terdapat banyak nilai kesopanan budaya Arab di dalamnya. Pemilihan tajuk gua Thur kerana tajuk tersebut berkisar tentang kehidupan masyarakat Arab secara umum yang sarat dengan nilai murni. Selain itu, pemilihan tajuk Siti Fatimah r.a adalah kerana pengkaji melihat seorang wanita sentiasa menjaga pertuturan ketika berbicara dengan nilai kesopanan diberi penekanan. Di samping itu, tajuk animasi tersebut berkisar tentang agama Islam yang mementingkan ujaran yang sopan dalam berkomunikasi yang sesuai diketengahkan. Animasi tersebut berkisar cerita-cerita yang dipetik dari al-Quran dan sirah-sirah Nabi dan masyarakat Arab di zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Justifikasi pemilihan animasi berkaitan sirah-sirah Nabi adalah bahasa yang dituturkan mempunyai nilai-nilai kesopanan. Sebaliknya berbeza dengan kebanyakan animasi-animasi moden di zaman sekarang yang berunsurkan hiburan dan keseronokan semata-mata tanpa menjaga aspek-aspek kesopanan dalam berkomunikasi. Selain itu, pemilihan animasi tanah liat dan bukannya filem adalah kerana animasi-animasi ini menggunakan bahasa yang mudah difahami, ringkas dan menarik sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Aspek-aspek pertuturan di dalam komunikasi tidak dikaji dan dikupas oleh pengkaji seperti sebutan, tekanan, intonasi, jeda, mora, nada dan lain-lain.

Pemilihan teori Leech iaitu Prinsip Kesopanan amat sesuai kerana terdapat banyak nilai kesopanan masyarakat Arab yang ditonjolkan melalui ungkapan-ungkapan di dalam animasi ini yang menepati teori tersebut. Pengkaji tidak memilih teori lain seperti yang diutarakan oleh Austin (1969), Brown dan Levinson (1983) iaitu kesopanan berasaskan Strategi Lakuan Tindakan Ancaman Muka dan Tidak Lakukan Tindakan Ancaman

Muka. Hal ini kerana unsur-unsur berkaitan mimik muka seseorang kurang ditonjolkan di dalam animasi tersebut. Selain itu, terdapat watak-watak yang hanya digambarkan berbentuk cahaya seperti watak Nabi Muhammad s.a.w yang tidak boleh digambarkan melalui mimik muka. Selain itu, Prinsip Kerjasama oleh Grice (1975), Teori Relevan oleh Speber dan Wilson (1986) tidak sesuai digunakan kerana teori-teori ini tidak memfokuskan kepada kesopanan yang wujud dalam kalangan masyarakat Arab berbanding dengan teori Kesopanan Leech (1993) yang meletakkan aspek kesopanan sebagai aspek yang penting di dalam perbualan.

### **1.5 Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian ini antaranya ialah:

- a. Dari sudut pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab, kajian ini meningkatkan minat para pelajar untuk belajar bahasa Arab dengan mengetahui budaya masyarakat Arab seperti nilai-nilai kesopanan yang terdapat di dalam animasi ini. Kajian Nuramilah Husnah Binti Alan (2011) menunjukkan bahawa animasi memainkan peranan yang penting di dalam memahami sesuatu budaya masyarakat. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa animasi dapat membantu memahami budaya Jepun. Sebanyak 53% daripada 98 responden sangat bersetuju bahawa animasi dapat membantu pelajar memahami suatu budaya.
  
- b. Para pelajar dapat mengaplikasikan ujaran-ujaran tersebut semasa aktiviti bahasa di dalam kelas seperti lakonan, stimulasi dan sebagainya. Contohnya di UiTM Shah Alam, para pelajar yang mengambil bahasa ketiga seperti bahasa Arab dikehendaki melakonkan sebuah cerita pendek berdasarkan silibus yang diberikan. Penilaian sebanyak 30 peratus daripada ujian berterusan dinilai untuk melihat keberkesanan para pelajar berkomunikasi.

c. Kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan bagi program bahasa Arab j-QAF dan Sijil Tinggi Agama Malaysia untuk membantu penggubal kurikulum bahasa Arab di Malaysia menghasilkan buku-buku teks yang lebih berkualiti di peringkat rendah dan menengah. Bahasa-bahasa yang terdapat di dalam animasi ini sesuai diketengahkan kepada para pelajar seperti ujaran-ujaran meminta maaf, simpati, kerendahan hati dan sebagainya.

d. Meningkatkan minat para pelajar mempelajari bahasa Arab. Kajian yang dijalankan oleh Saw Bin (2002) menunjukkan penggunaan animasi boleh meningkatkan minat pelajar mempelajari subjek biologi. Sebanyak 98% dari 18 orang responden dari Maktab Tentera Diraja Malaysia yang lemah pencapaian di dalam Penilaian Menengah Rendah telah bersetuju animasi dapat meningkatkan minat mempelajari subjek biologi.

## **1.6 Kajian Terdahulu**

Sehingga kini, berdasarkan pemerhatian penulis tiada kajian berkaitan kesopanan mengenai bahasa Arab khususnya dengan penggunaan teori Leech sebagai landasan kajian. Pengkaji mengetengahkan beberapa kajian yang mempunyai sedikit perkaitan dengan Prinsip Kesopanan Leech seperti kajian mengenai kesopanan berbahasa keluarga Melayu telah dijalankan oleh Mohammad bin Idris (2000). Prinsip Kesopanan Leech digunakan bagi melihat ungkapan-ungkapan masyarakat Melayu yang terkesan dengan ungkapan-ungkapan Arab yang selari dengan nilai-nilai ajaran agama Islam. Di samping itu, beliau menyentuh aspek sistem panggilan yang merujuk sebagai tanda hormat di dalam masyarakat Melayu.

Kajian Nor Azian Ab Aziz (2005) melihat unsur-unsur kesopanan yang terdapat di dalam novel karangan Tuan Faridah Syed Abdullah iaitu Seteguh Karang. Novel

tersebut merupakan silibus KOMSAS tingkat lima. Kepentingan kajian beliau adalah teori Kesopanan Leech (1993) adalah bersifat universal iaitu novel tersebut berkisar dengan budaya masyarakat Melayu yang kaya dengan adab sopan santun.

Selain itu, terdapat kajian lain yang menyentuh aspek kesopanan seperti kesantunan bahasa di dalam perbualan keluarga India oleh Ravi Krisnan (2009). Beliau menggunakan teori Brown dan Levinson (1983) sebagai kerangka kajian. Meskipun kajian beliau tidak menggunakan teori Leech akan tetapi, pengkaji melihat bahawa setiap masyarakat di dunia memiliki kesopanan yang tersendiri dan pemilihan teori adalah sebagai alat untuk menghuraikan kesopanan yang terdapat di dalam sesuatu masyarakat. Rumusannya ialah tiada kajian pragmatik mengenai bahasa yang digunakan di dalam animasi tanah liat Arab serta kesopanan masyarakat Arab berteraskan Prinsip Kesopanan Leech.

## **1.7 Rangka Kajian**

Kajian ini mengandungi lima bab. Bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

- i. Bab yang pertama “Pendahuluan”,
- ii. Bab yang kedua “Kajian literatur”.
- iii. Bab yang ketiga “Metodologi kajian”
- iv. Bab yang keempat “Analisis kajian”.
- v. Bab yang kelima “Kesimpulan dan cadangan”.

### **1.7.1 Bab Pertama: Pendahuluan.**

Bab ini menerangkan gambaran keseluruhan kajian yang dijalankan. Di dalam bab ini menyentuh permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, ,skop dan batasan, kepentingan kajian, kajian terdahulu serta rangka kajian.



### **1.7.2 Bab Kedua: Kajian Literatur**

Bab ini melihat kajian-kajian lepas yang merangkumi definisi, perbandingan pragmatik dengan disiplin yang lain, aspek-aspek pragmatik dan sebagainya. Selain itu, di dalam bab dua juga membahaskan definisi kesopanan, model-model kesopanan, animasi serta sejarah perkembangan animasi.

### **1.7.3 Bab Ketiga: Metodologi Kajian**

Di dalam bab ini merangkumi kerangka kajian, cara data dianalisis mengikut Prinsip Kesopanan Leech serta kaedah pengumpulan data. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu data dianalisis mengikut kekerapan enam maksim di dalam animasi tanah liat.

### **1.7.4 Bab Keempat: Analisis Kajian**

Bab ini melihat analisis secara terperinci dijalankan terhadap konteks ujaran di dalam animasi. Ujaran-ujaran seperti meminta maaf, simpati, rendah diri dan sebagainya dikupas mengikut Prinsip Kesopanan Leech serta huraian secara ringkas seperti penggunaan kata tanya, sistem panggilan dan sebagainya.

### **1.7.5 Bab Kelima: Kesimpulan dan Cadangan**

Bab ini, pengkaji membuat kesimpulan hasil daripada analisis yang dijalankan terhadap animasi tanah liat seterusnya cadangan-cadangan umum kepada pihak yang berkaitan agar kajian di dalam bidang pragmatik dijalankan secara khusus kepada para pelajar.

## **1.8 Penutup**

Di dalam bab satu pengkaji telah menerangkan dengan terperinci terhadap tajuk yang telah dijalankan. Pemilihan Prinsip Kesopanan Leech amat sesuai digunakan terhadap

animasi yang digunakan dalam mengkaji unsur-unsur kesopanan yang wujud di dalam animasi.

## BAB DUA

### KAJIAN BERKAITAN

#### 2.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan secara terperinci bidang pragmatik khususnya berkaitan dengan kesopanan sejagat yang dipelopori oleh sarjana Barat. Di samping itu, kajian bidang pragmatik seperti definisi, perbandingan pragmatik dengan ilmu balaghah dan sebagainya dijalankan oleh pengkaji serta membuat kupasan secara terperinci terhadap animasi tanah liat Arab.

#### 2.1 Pragmatik

Pada masa kini bidang pragmatik mendapat perhatian dalam kalangan pelopor Barat sejak era 30an dengan teori-teori yang membahaskan aspek-aspek yang terdapat di dalam komunikasi seharian. Istilah tersebut digunakan sehingga kini oleh sesetengah sarjana Arab di dalam kajian mereka yang disebut sebagai البراغمة أو علم التخاطب.

##### 2.1.1 Definisi Pragmatik

Pragmatik merupakan satu cabang linguistik yang mula mendapat perhatian dan menapak pada akhir 1970an. Mengikut Jens Allwood (1983), pragmatik berasal daripada perkataan “pragma” yang berasal daripada bahasa Greek yang membawa makna “aksi atau aktiviti”. Istilah pragmatik pertama kali digunakan adalah pada tahun 1938 oleh Charles Morris (1938) di dalam bidang linguistik. Beliau menyatakan bahawa pragmatik merupakan sebahagian dari *ilmu tanda* atau *semiotics* atau *semiotika*. Beliau merupakan tokoh falsafah yang terkenal dan pakar di dalam bidang semiotik pada ketika itu. Hasil kepakaran dan pengetahuan beliau di dalam ilmu pengetahuan tentang tanda-tanda (semiotics), Morris menggariskan tiga cabang yang berbeza dalam penyelidikannya iaitu

:

i. Sintaksis: Iaitu menempatkan kata menjadi kelompok ayat/kata. Sintaktik (*syntactics*) atau sintaksis (*syntax*) ialah cabang ilmu bahasa yang membicarakan selok belok ayat, klausa, dan frasa.

ii. Semantik (*semantics*): Ujaran yang dituturkan dan mempunyai makna. Perkataan-perkataan tersebut terhasil daripada akal fikiran, perasaan, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian manusia. Perbendaharaan kata merupakan aspek penting untuk mewujudkan komunikasi yang sempurna. Hasil daripada penguasaan perbendaharaan kata, seseorang individu dapat menjana idea yang bernas dan makna yang mantap. Semakin banyak kata dikuasai oleh seseorang, semakin banyak idea yang mampu diungkapkannya.

iii. Pragmatik ialah hubungan ilmu tanda (semiotik) dengan pentafsir (*interpreters*). Contoh yang boleh diberi pengkaji ialah sekiranya pemandu kereta melalui kawasan angin melintang dan melihat papan tanda, maka beliau akan memperlahankan kenderaan dan memandu dengan had laju yang ditetapkan. Tindakan pemandu mentafsir papan tanda serta melakukan tingkah laku pragmatik: iaitu memperlahankan kenderaan dan memandu pada had laju yang ditetapkan, itulah yang dikatakan pragmatik. Oleh hal demikian, pragmatik mempunyai hubungan dengan ilmu semiotik dan mengungkap makna tingkah laku pentafsir.

Ketiga-tiga cabang tersebut dikenali dengan teori trikotomi. Oleh hal demikian, bidang pragmatik menurut beliau dikenali sebagai analisis perbualan (*conversation analysis*) atau lebih umum dikenali sebagai analisis wacana (*discourse analysis*). Yule (1996) mengemukakan empat definisi pragmatik, iaitu :

i. Bidang yang mengkaji maksud penutur yang merangkumi makna ujaran penutur

semasa berkomunikasi dengan pendengar.

ii. Bidang yang mengkaji makna menurut konteks perbualan. Penutur mengujarkan sesuatu ujaran bergantung kepada situasi atau keadaan tersebut dengan pemilihan kosa kata, masa ujaran tersebut, objektif ujaran tersebut dan sebagainya.

iii. Bidang yang melebihi kajian tentang makna yang diujarkan iaitu makna tersurat dan tersirat.

iv. Bidang yang mengkaji hubungan keakraban dan jarak antara penutur dengan pendengar berdasarkan konteks.

Contoh dibawah dapat menghuraikan definisi pragmatik mengikut Yule (1996):

Guru : Ahmad, siapakah Perdana Menteri Malaysia yang pertama?

Pelajar : Jawapannya cikgu, adalah Tun Dr. Mahathir

Guru : Bagus betul jawapan awak.

Ujaran guru tersebut merupakan sindiran kepada jawapan yang diberi oleh Ahmad kerana dia tidak mengetahui Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Situasi dan keadaan penutur perlu diambil kira seperti adakah jawapan Ahmad merupakan satu gurauan terhadap guru itu. Sekiranya tujuan pelajar tersebut sekadar bergurau dengan gurunya maka, jawapan yang diberi oleh guru tersebut merupakan gurauan dan bukan sindiran. Oleh hal demikian, pragmatik merupakan satu bidang yang dapat menghuraikan maksud penutur dengan lebih jelas ketika berkomunikasi. Sekiranya Ahmad ataupun guru tersebut tidak memahami maksud yang dikehendaki di dalam konteks ujaran, kemungkinan salah faham akan berlaku dan komunikasi akan terbatas pada tahap yang tertentu. Di samping itu, jarak sosial antara penutur diambil kira seperti perbualan di atas seorang pelajar memanggil “cikgu” terhadap seorang guru. Ini menunjukkan ciri-ciri kesopanan sebagai seorang pelajar.

Rumusan daripada definisi Yule (1996) adalah seperti berikut:

- i. Maksud yang dikehendaki antara kedua-dua penutur iaitu guru dengan pelajar di sebalik ujaran yang dinyatakan.
- ii. Ujaran guru dan pelajar tersebut bergantung kepada situasi konteks perbualan seperti objektif ujaran guru tersebut sindiran atau gurauan.
- iii. Setelah menyelidiki makna yang tersurat iaitu mengucapkan tahniah kepada Ahmad dan makna tersirat konteks ujaran tersebut iaitu sindiran atau gurauan. Kesimpulannya, guru tersebut sekadar bergurau dengan dengan pelajarnya, maka implikasi terhadap pelajar adalah positif.
- iv. Di dalam ujaran di atas, panggilan seorang guru terhadap pelajar dengan panggilan “Ahmad” dan panggilan seorang pelajar terhadap gurunya adalah “cikgu” lebih sesuai kerana perbezaan jarak. Keakraban seorang guru yang sekadar bergurau dengan pelajarnya sebagai satu tarikan semasa sesi pembelajaran.

Cook (1994) mengemukakan pendapat bahawa pragmatik ialah suatu bidang yang mengkaji fungsi dan perlakuan yang terkandung dalam ujaran dan aspek yang berkaitan hubungan makna ujaran antara penutur dan pendengar yang terlibat berdasarkan konteks ujaran, situasi peristiwa pertuturan, implikasi pertuturan dan sebagainya.

Crystal (1997) menyatakan bahawa pragmatik adalah kajian bahasa melihat konteks sosio budaya sesuatu masyarakat di dalam penggunaan bahasa tanpa sebarang paksaan. Pendapat beliau sejajar dengan Thomas (1995) yang melihat pragmatik dari dua sudut iaitu: yang pertama sudut pandang sosial, menghubungkan pragmatik dengan makna pembicara (*speaker meaning*); dan kedua, dengan menggunakan sudut pandang kognitif, menghubungkan pragmatik dengan interpretasi ujaran (*utterance interpretation*).

Selain itu, bidang pragmatik menjangkau cabang-cabang bidang yang lain termasuk

sosiolinguistik, neurolinguistik dan psikolinguistik. Hal ini kerana pragmatik merupakan ilmu pentafsiran makna yang melibatkan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik. Ini secara tidak langsung dapat membantu untuk memperolehi makna yang lebih berkesan dalam mengkaji interpretasi ayat yang taksa di samping mencari makna dalaman bagi sesuatu ujaran (Nor Hashimah, 1992).

Cumming (2005) melihat bidang pragmatik boleh dikaji dengan lebih luas kerana ia bersifat multidisiplin dan boleh dikaji daripada pelbagai perspektif. Contohnya, seperti kajian berkaitan pragmatik dengan semiotik (Kamus Linguistik 1997) melihat pragmatik yang terdapat dalam semiotik adalah kajian tentang bagaimana tanda dan lambang digunakan untuk berhubung dalam bahasa tertentu. Contohnya, bagi golongan bisu mereka menggunakan isyarat tangan sebagai tanda dan lambang perbualan sesama mereka.

Pendapat Wunderlich (1980) bahawa pragmatik adalah berkaitan dengan interpretasi terhadap ayat atau ujaran di dalam konteks yang lebih luas termasuk pemahaman terhadap wacana yang berkaitan, kepercayaan dan jangkaan oleh seseorang penutur dan pendengar, hubungan sosial mereka, tanggungjawab serta pengetahuan latar belakang dan sebagainya.

Levinson (1983) juga telah memberikan definisi pragmatik secara terperinci dengan mengaitkan teori ini sebagai menerangkan hubungan bahasa dengan penggunaannya. Hubungan bahasa termasuklah penggunaan deiksis, indeksikal, implikatur perbualan, praandaian, lakuan bahasa dan struktur perbualan. Markkan en (1985), beranggapan bahawa pendapat Levinson terhadap pragmatik adalah saling bertindih dengan sosiolinguistik kerana kesesuaian adalah satu aspek yang membincangkan ilmu

pragmatik.

Contoh ayat di bawah oleh Frank Parker (1986) dapat menghuraikan ciri-ciri pragmatik bahasa yang digunakan di dalam komunikasi:

(1) "I now pronounce you husband and wife"

Ayat ini merupakan ayat yang diujarkan oleh seorang paderi di dalam upacara perkahwinan untuk mengesahkan kedua-dua pengantin adalah sah menjadi suami isteri. Jika ayat yang sama diujarkan oleh seorang kanak-kanak, maka ujaran tersebut tidak memberi makna apa-apa bagi kedua-dua pengantin.

Rumusannya adalah pragmatik merupakan suatu bidang yang mengkaji maksud yang dikehendaki oleh penutur dan difahami oleh pendengar di dalam konteks suatu ujaran. Oleh hal demikian, sekiranya seseorang tidak menguasai ilmu pragmatik sepenuhnya, kemungkinan berlaku salah faham antara penutur dan pendengar yang akan menjejaskan komunikasi dua hala dan komunikasi akan terbatas pada tahap yang tertentu. Justeru, pragmatik merupakan antara aspek yang penting bagi meningkatkan tahap penguasaan komunikasi bahasa Arab di kalangan para pelajar.

### **2.1.2 Perbandingan Pragmatik dengan Disiplin-Disiplin yang Lain.**

Huraian di bawah membahaskan perbandingan bidang pragmatik dengan disiplin-disiplin yang lain seperti balaghah, semantik dan tatabahasa. Hal ini agar dapat melihat batasan-batasan bidang pragmatik secara umum.

#### **2.1.2.1 Perbandingan Pragmatik dan Balaghah Arab**

Balaghah menurut Qazwi:ni: dipetik daripada buku karangan al-Sayyid Ahmad al-Hashimi: (1991) adalah:



“البلاغة في الكلام مطابقتها لمقتضى الحال مع فصاحته”

Menurut beliau, “Balaghah di dalam pertuturan adalah kesesuaian lafaz dengan konteks atau situasi serta menjaga kefasihan bertutur (bahasa baku)”. Selain itu, pertuturan tersebut perlu menjauhi kecacatan dari sudut perkataan, susunan dan ayat. Di samping itu, definisi balaghah yang diutarakan oleh al-Asfaha:ni: (507) dipetik daripada buku karangan Faḍḍal Hassan (2004) menunjukkan bahawa bidang balaghah merangkumi tiga aspek penting iaitu:

- a) Bahasa yang digunakan mestilah betul dan tepat iaitu bahasa Arab standard yang diterima masyarakat Arab dan bukan bahasa pasar, dialek dan sebagainya.
- b) Bahasa yang dituturkan sesuai dengan maksud yang dikehendaki di dalam situasi.
- c) Penutur semestinya menjiwai maksud yang hendak disampaikan serta bahasa dituturkan memberi kesan pada diri seseorang.

Menurut al-Sayyid Ahmad al-Hashimi: (1991, 45-360), terdapat tiga cabang penting di dalam ilmu Balaghah iaitu:

- a) Ilmu Ma‘ani :  $أَصُولٌ وَقَوَاعِدُ يُعْرَفُ بِهَا أَحْوَالُ الْكَلَامِ الْعَرَبِيِّ الَّتِي يَكُونُ بِهَا مُطَابِقًا$

لِمُقْتَضَى الْحَالِ"

yang bermaksud “Satu ilmu yang diketahui dengannya keadaan lafaz Arab yang sesuai dengan konteks ujaran.”

Di dalam  $عِلْمُ الْمَعَانِي$ , tajuk-tajuk yang dibahaskan adalah seperti  $الْحَبْرُ، الْإِنْشَاءُ$  dan sebagainya. Contoh yang diberikan di dalam  $عِلْمُ الْمَعَانِي$  adalah seperti berikut:

a) **الخبْر** : Adalah ayat yang penuturnya dapat digolongkan sebagai orang yang benar atau dusta. Apabila berita itu sesuai dengan kenyataan, maka penuturnya adalah benar dan apabila ayat itu tidak sesuai dengan kenyataan, maka penuturnya itu adalah dusta. Contohnya satu ujaran yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar yang **حَالِي الذِّهْنِ** yaitu tidak ragu-ragu dan juga tidak ingkar seperti ujaran **إِلَى الْمَسْجِدِ مُحَمَّدٌ يَذْهَبُ** yang bermaksud “Muhammad pergi ke masjid”.

b) Ilmu Baya:n: **أَصُولٌ وَقَوَاعِدُ يُعْرَفُ بِهَا إِتْرَادُ الْمَعْنَى الْوَاحِدِ، بِطُرُقٍ يَخْتَلِفُ بَعْضُهَا عَنْ بَعْضٍ، فِي**  
**وَضُوحِ الدَّلَالَةِ الْعُقْلِيَّةِ عَلَى نَفْسِ ذَلِكَ الْمَعْنَى**

yang bermaksud “Satu ilmu yang diketahui dengannya penyampaian satu makna dengan pelbagai cara untuk menjelaskan makna secara logik pada maksud tersebut. Di dalam **عِلْمُ الْبَيَانِ** pula, tajuk-tajuk yang terdapat di dalamnya adalah seperti **الِاسْتِعَارَةَ، التَّشْبِيهَ،** **المِجَازَ، الحَقِيقَةَ الكِنَايَةَ،**

Contoh yang diberikan oleh pengkaji di dalam **عِلْمُ الْبَيَانِ** adalah seperti berikut:

a) **التَّشْبِيهَ** : “ialah satu perbandingan yang mempunyai kesamaan sifat dengan perkara lain dan ianya selalu menggunakan huruf **كاف** atau sejenisnya sama ada dengan jelas atau dengan cara tersembunyi”. (Muklas Asy-Syarkani, 2010). Contohnya: **هَاشِمٌ كَأَلَسَدٍ**

الشَّجَاعَةِ فِي هَاشِمٍ yang bermaksud “Hashim seperti singa dari sudut keberanian”. Perincian

ungkapan adalah seperti berikut:

- i) Perkataan هَاشِمٍ adalah الْمُشَبَّه
  - ii) Huruf كَافٍ adalah أَدَاةُ التَّشْبِيهِ
  - iii) Perkataan الْأَسَدِ adalah الْمُشَبَّه بِهِ
  - iv) Frasa فِي الشَّجَاعَةِ adalah وَجْهُ الشَّبَهِ
- c) Ilmu Badi:': هُوَ الْعِلْمُ الَّذِي يُعْرَفُ بِهِ الْوُجُوهُ، وَالْمَزَايَا الَّتِي تَزِيدُ الْكَلَامَ حَسَنًا وَطَلَاوَةً،

وَتَكْسُوهُ بِهَاءٍ وَرَوْنَقًا بَعْدَ مُطَابَقَتِهِ لِمُقْتَضَى الْحَالِ"

yang bermaksud “Satu ilmu yang diketahui dengannya tentang aspek-aspek dan kelebihan yang menambahkan kecantikan di dalam percakapan. Penambahan ciri-ciri kecantikan tersebut selepas mengikut konteks ujaran”. Tajuk-tajuk yang dibahaskan di dalam عِلْمُ الْبَدِيعِ adalah seperti السَّجْعُ، الإِقْتِبَاسُ، الْجِنَاسُ dan sebagainya. عِلْمُ الْبَدِيعِ terbahagi

kepada dua perbahasan iaitu:

- i) Perbahasan dari sudut kecantikan lafaz: Tajuk-tajuk yang dibahaskan seperti, السَّجْعُ، الإِقْتِبَاسُ الْجِنَاسُ dan sebagainya.

Contoh yang akan diberikan oleh pengkaji dari sudut kecantikan lafaz adalah seperti berikut:

a) الجِنَاسُ iaitu terdapat kemiripan pengungkapan dua lafaz yang berbeza maknanya

Contohnya firman Allah S.W.T di dalam surah Rom ayat 55: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

{ وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُنْفِثُ الْمُجْرِمُونَ مَا لَبِئُوا غَيْرَ السَّاعَةِ }

Perkataan “السَّاعَةُ” yang pertama membawa maksud hari kiamat dan perkataan “السَّاعَةُ”

yang kedua membawa maksud “masa”.

b) الاقتِباسُ : “ Mengambil sebahagian dari al-Quran atau Hadis, kemudian dicampur

dalam susunan syair atau puisi tanpa menyebut bahawa ianya dari al-Quran atau Hadis”

(Mukhlas Asy-Syarkani 2010).

ii) Perbahasan dari sudut kecantikan makna: Terdiri dari tajuk-tajuk seperti، الطَّبَّاقُ، التَّوْرِيَّةُ،

حُسْنُ التَّعْلِيلِ dan sebagainya. Contohnya, firman Allah S.W.T di dalam al-Quran, surah

Ibrahim ayat yang pertama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

{ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ }

Contoh perkataan yang digariskan merupakan الطَّبَّاقُ. Hal ini kerana, terkumpul dua

perkataan yang mempunyai makna yang berlawanan antara satu sama lain. Perkataan

الظُّلُمَاتِ membawa maksud “kegelapan” dan perkataan النُّورِ membawa maksud “cahaya”.

Definisi yang diberikan oleh al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimi: (1991) terhadap cabang di

dalam ilmu balaghah menunjukkan bahawa kepentingan “لِمُقْتَضَى الْحَالِ” setiap ujaran

yang dilafazkan mengikut situasi konteks ujaran antara penutur dan pendengar. Walau bagaimanapun, ilmu balaghah mempunyai skop yang lebih terperinci mengenai konsep “مُتَّضِيَ الْحَالِ” kerana merangkumi ketiga-tiga cabang ilmu balaghah.

Balaghah merupakan sebahagian yang penting di dalam bahasa Arab dan merupakan satu disiplin linguistik yang amat penting bagi para pelajar. Balaghah di dalam bahasa Arab menumpukan kepada lakuan pertuturan yang sarat dengan matlamat komunikasi. Selain itu, balaghah merupakan gabungan pengetahuan lakuan pertuturan dengan pengetahuan sesuatu konteks situasi. Ini bermaksud penutur atau pendengar perlu memahami konteks ujaran dengan lakuan pertuturan. Dengan mendalami ilmu balaghah seseorang mampu menyampaikan maklumat dengan lebih tepat dan jelas. Hal ini kerana, ilmu balaghah Arab merupakan salah satu alat yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan memberi kesan yang mendalam kepada pendengar.

Salah satu kepentingan mempelajari balaghah adalah untuk menyampaikan maksud yang dikehendaki oleh penutur kepada pendengar seperti yang dinyatakan oleh Hussein Abdul Raof (2006)

“However, the major aim of Arabic rethoric is to enable the learner of Arabic to relay his or her intended communicative meaning to the addressee through the application of rethorical means and eloquent criteria”

Akan tetapi, terdapat pertindihan antara ilmu balaghah dan pragmatik kerana kedua-dua disiplin tersebut menumpukan kepada konteks ujaran yang dikendaki oleh penutur dan pendengar seperti yang dinyatakan oleh beliau:

“Arabic rethoric is a disipline through which linguistic, pragmatic, and asthetic overlap.”

Di dalam buku karangan beliau telah menjelaskan bahawa wujudnya pertindihan di dalam *عِلْمُ الْمَعَانِي* dan *عِلْمُ الْبَيَانِ*. Antaranya di dalam tajuk *الْحَبْرُ، الْإِنْشَاءُ* dan juga *التَّشْبِيهِ*. Hal ini kerana peranan balaghah yang penting terhadap fungsi pragmatik kepada pendengar seperti yang dinyatakan oleh Hussein Abdul Raof (2006).

Antara perkaitan perbahasan antara Pragmatik dan Balaghah Arab adalah seperti berikut:

1) Menurut Muklas Asy-Syarkani (2010) pada asasnya *الْحَبْرُ* mempunyai dua fungsi komunikasi penting iaitu *فَائِدَةُ الْحَبْرِ* dan *لَا زِمُ فَائِدَةُ الْحَبْرِ*. *فَائِدَةُ الْحَبْرِ* adalah memberitahu kepada orang yang diajak berbicara maklumat baru yang tidak diketahui olehnya dan *لَا زِمُ فَائِدَةُ الْحَبْرِ* adalah memberitahu bahawa si pembicara satu maklumat yang sedia ada dan bukan maklumat baru. Pendengar tersebut telah mengetahui maklumat itu dan penutur menyatakan kerana ingin memberitahu bahawa ia mengetahuinya. Akan tetapi, kedua-dua fungsi komunikasi di dalam tajuk *الْحَبْرُ* dapat memberi maksud implikatur secara tersirat di sebalik interpretasi luaran sesuatu interaksi seperti yang dinyatakan oleh Hussein Raof (2006), bahawa implikatur merangkumi sebelas fungsi pragmatik di dalam kaitan dengan tajuk *الْحَبْرُ* iaitu:

i) Untuk merayu dan meraih simpati seperti ujaran:

“أَخْطَأْتُ بِحَقِّكَ، فَأَرْجُو مَعْدِرَتِي وَعَدَمَ مُعَاقِبَتِي” yang bermaksud “Saya telah melakukan

kesalahan ke atas awak, tolong maafkan saya dan jangan menghukum saya.

ii) Untuk menasihati seperti ujaran:

“الصَدِيقُ الْمَخْلِصُ يَقِفُ إِلَى جَانِبِ صَدِيقِهِ فِي الْأَزْمَاتِ” yang bermaksud “Kawanmu yang ikhlas sentiasa berada di sisi awak semasa menghadapi masalah”

iii) Untuk menyatakan kekesalan dan kekecewaan seperti ujaran:

“كَسَرْتُ السَّاعَةَ الذَّهَبِيَّةَ” yang bermaksud “Saya telah merosakkan jam tangan emas”

iv) Untuk memuji seseorang seperti ujaran:

“أَنْتَ رَجُلٌ مُنْصِفٌ” yang bermaksud “Awak seorang lelaki yang adil”

v) Untuk menunjuk-nunjuk sesuatu seperti ujaran:

“يَهَابُنِي النَّاسُ جَمِيعًا لِمَالِي وَ سُلْطَانِي” yang bermaksud “Semua orang gerun akan saya kerana saya mempunyai kekayaan dan kekuasaan”

vi) Untuk menolak pelawaan seseorang seperti ujaran:

“الْمُخَدَّرَاتُ تَضُرُّ بِصِحَّتِكَ” yang bermaksud “Dadah membahayakan kesihatan”

vii) Untuk memberi amaran seperti ujaran:

“سَيُعْلِقُ الْمَصْرَفُ حِسَابَكَ إِذَا لَمْ تَدْفَعِ الْقَائِرَاتِ” yang bermaksud “Bank akan tutup akaun awak sekiranya awak tidak menjelaskan bil”

viii) Untuk mengancam seperti ujaran:

إِذَا كَرَّرْتَ نَفْسَ الْأَخْطَاءِ ثَانِيَةً، فَسَوْفَ أَفْصِلُكَ عَنِ الْعَمَلِ  
awak mengulangi kesalahan yang lagi, saya akan buang awak!”

ix) Untuk menyatakan sesuatu kepentingan dan kelemahan oleh penutur seperti ujaran:

“عِنْدِي أَمٌّ شَدِيدٌ فِي أَسْنَانِي وَ نَزِيفٌ فِي اللِّثَةِ” yang bermaksud “ Saya mempunyai sakit gigi yang teruk dan gusi yang berdarah”

x) Untuk mengarah seperti ujaran

“يَنْبَغِي أَنْ تُنْجِرَ وَاجِبَاتِكَ الْمُنْزِلِيَّةَ الْآنَ” yang bermaksud “ Awak mesti melakukan kerja rumah awak sekarang!”

xi) Untuk menyatakan dan mengekspresi penafian dan teguran kepada seseorang seperti ujaran:

“كُلَّمَا أَعْمُو عَنْكَ، تَعُودِي ثَانِيَةً إِلَى نَفْسِ الْعَادَاتِ” yang bermaksud “Setiap kali saya memaafkan awak, awak kembali melakukannya buat kali yang kedua”

Contoh yang berikut dapat menghuraikan hubungan kesan balaghah terhadap fungsi pragmatik kepada penutur dan pendengar di dalam tajuk الحَبْر:

a) الطَّالِبُ قَائِمٌ yang bermaksud “Pelajar itu berdiri”

b) إِنَّ الطَّالِبَ قَائِمٌ yang bermaksud “Sesungguhnya pelajar itu berdiri”

c) إِنَّ الطَّالِبَ لَقَائِمٌ yang bermaksud “Sesungguhnya memang pelajar itu berdiri”

Dalam contoh di atas, perubahan yang berlaku dari sudut stilistik atau gaya bahasa berdasarkan kepada perbezaan konteks ujaran dan fungsi pragmatik. Contoh yang pertama adalah ujaran yang sesuai dituturkan kepada pendengar yang “خَالِي الذِّهْنِ” iaitu pemikiran yang tiada maklumat yang tidak ragu-ragu atau ingkar. Contoh yang kedua adalah sesuai dilafazkan sekiranya pendengar tersebut “مُتَرَدِّدٌ” iaitu ragu-ragu “*sceptic*”



bahawasanya pelajar itu berdiri. Penggunaan “إِنَّ” sebagai penguat ayat apabila ditanya oleh seseorang. Contoh yang ketiga dituturkan apabila pendengar “مُنْكَرٌ” dan penutur itu menolak penafian “denier” dari jawapan pendengar dengan menyatakan bahawa pelajar itu sememangnya berdiri. Oleh hal demikian, fungsi pragmatik berbeza mengikut konteks ayat. Justeru, kesan balaghah memberi impak yang berbeza terhadap fungsi pragmatik.

Balaghah merupakan “*language tool*” yang digunakan oleh penutur sebagai satu cara untuk menghormati, menghina, menghiburkan, mempengaruhi pendengar dan sebagainya. Penggunaan ayat الحَبْرَ dapat memberikan makna tersirat di dalam sesuatu komunikasi. Justeru, terdapat perkaitan antara perbincangan implikatur di dalam pragmatik dan balaghah di dalam tajuk الحَبْرَ

2) Di dalam tajuk الإنشاء terdapat perkaitan antara pragmatik dan balaghah berlaku di dalam topik النداء، الأمر، الاستفهام، dan juga sebagainya.

i) Di dalam topik الاستفهام terdapat ayat yang memberi kesan perlokusi seperti ayat tanya berbentuk arahan, larangan, teguran, sindiran dan sebagainya. Hal ini kerana, melalui ayat tanya memberi signifikasi pragmatik iaitu kesan perlokusi. Menurut Searle (1963), perlokusi salah satu perbincangan di dalam lakuan tuturan. Perlokusi ialah hasil lakuan dengan menyatakan sesuatu yang memberi kesan, contohnya:

a) Ayat kata tanya berbentuk arahan yang memberi kesan perlokusi.

“هَلْ أَنْتَ مُجِدِّ فِي دِرَاسَتِكَ” yang memberi kesan perlokusi iaitu “Awak perlu bersungguh-sungguh dengan pelajaran awak”

- b) Ayat kata tanya berbentuk larangan yang memberi kesan perlokusi.  
“أَتَخَالِفُ الْقَانُونَ” yang memberikan kesan perlokusi iaitu “Jangan melanggar undang-undang.
- c) Ayat kata tanya berbentuk teguran yang memberikan kesan perlokusi.  
“أَتَظُنُّ أَنَّكَ سَتَفْلِتُ مِنَ الْقَانُونِ” yang memberi kesan perlokusi iaitu “Awak tidak boleh lari dari undang-undang.
- ii) Di dalam topik الأمر sesuatu ayat berbentuk arahan atau perintah dapat memberi pengertian berbeza di dalam pragmatik. Menurut beliau terdapat tujuh fungsi pragmatik di dalam ayat perintah iaitu:
- a) Mengandungi unsur doa seperti:  
رَبِّ يَسِّرْ لِي دِرَاسَتِي yang memberi maksud “Oh Tuhan, permudahkanlah pembelajaranku”
- b) Mengandungi unsur panduan seperti:  
احذَرِ المِحْدَرَاتِ yang bermaksud “Jauhi dadah”
- c) Mengandungi unsur pilihan seperti:  
أَجِبْ عَنِ السُّؤَالِ الْأَوَّلِ أَوْ الثَّانِي yang bermaksud “Jawab soalan yang pertama atau yang kedua”
- d) Mengandungi unsur mencabar seperti:

عِشْ عَلَى الْقَمَرِ مَدَى حَيَاتِكَ yang bermaksud “Hiduplah sepanjang hidupmu di atas bulan”

e) Mengandung unsur ancaman seperti:

خَالَفَ الْقَانُونَ وَسَوْفَ تُسَجَّنُ yang bermaksud “Langgarlah undang-undang dan awak akan dipenjarakan”

f) Mengandung unsur sindiran seperti:

كُلْ أَيُّهَا الرَّئِيسُ yang bermaksud “Makanlah wahai tuan”

g) Mengandung unsur rayuan seperti:

أَقْرِضْنِي بَعْضَ الْمَالِ yang bermaksud “Pinjamkan saya sedikit wang”

iii) Di samping itu, terdapat peranan balaghah di dalam topik النَّهْيُ yang mempunyai fungsi pragmatik seperti contoh berikut:

a) Mengandung unsur doa seperti:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا yang bermaksud “Ya Tuhan kami, janganlah menghukum kami sekiranya kami terlupa atau melakukan kesilapan”

b) Mengandung unsur ancaman seperti:

أَنْتَ لَا تَحْتَرَمُ وَالِدَيْكَ وَلَا تَهْتَمُّ بِمُسْتَقْبَلِكَ yang bermaksud “Awak tidak menghormati kedua ibubapamu dan jangan engkau menumpukan masa depanmu”

c) Mengandung unsur sindiran seperti:

لَا تَدْرُسْ فَأَنْتَ لَسْتَ بِحَاجَةٍ إِلَى الْعِلْمِ yang bermaksud “Janganlah engkau belajar, awak bukan berkehendak kepada ilmu”

iv) Selain itu, terdapat pertindihan unsur-unsur pragmatik di dalam tajuk النَّدَاءِ.

Contoh di bawah dapat menerangkan mengenai unsur-unsur pragmatik yang terdapat di dalam tajuk النَّدَاءِ seperti:

a) Mengandung unsur kekesalan seperti ujaran berikut:

يَا لَيْتَنِي دَرَسْتُ بِحَدِّ bersungguh-sungguh”

b) Mengandung unsur sindiran seperti ujaran berikut:

يَا أَنْصَارَ الْبَاطِلِ yang bermaksud “Wahai penyokong yang tidak adil!”

v) Fungsi Pragmatik di dalam musnad ilaihi

Di samping itu juga, menurut Hussein Abdul Raof (2006), fungsi pragmatik di sebalik menyebut musnad ilaihi antaranya adalah:

a) Fungsi Pragmatik menyebut musnad ilaihi untuk menjelaskan: Musnad ilaihi merupakan komponen yang penting bagi sesuatu ayat di dalam bahasa Arab. Hal ini kerana, ketika berlangsungnya satu perbualan penutur sering menyebut musnad ilaihi agar pendengar tidak salah faham seperti ujaran berikut:

أَحْمَدُ سَافِرٌ yang bermaksud “Ahmad mengembara”

أَحْمَدُ دَفَعَ فَاثُورَةَ التَّلِيْفُونِ yang bermaksud “Ahmad telah membayar bil telefon”

Perkataan أَحْمَدُ merupakan pelaku atau musnad ilaihi. Fungsi pragmatik dengan menyebut musnad ilaihi adalah sebagai satu penjelasan. Ini bermaksud dengan menyebut musnad ilaihi iaitu “Ahmad mengembara” dan juga “Ahmad yang membayar bil

telepon” itu adalah sebagai satu penjelasan. Oleh hal demikian, lakukan tuturan di atas menunjukkan hubungan antara fungsi pragmatik dengan balaghah pada contoh di atas.

vi) Hubungan fungsi Pragmatik dengan membuang musnad ilaihi

Kadang-kadang, ujaran yang lahir daripada fikiran penutur itu merupakan tindakbalas segera terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana wujudnya unsur-unsur seperti memberi amaran dan meningkatkan tahap kesedaran kepada pendengar. Contoh di bawah menerangkan perihal membuang musnad ilaihi di dalam suatu komunikasi:

حَرِيقُ yang bermaksud Api!

Ayat di atas menunjukkan bahawa musnad ilaihi telah dibuang iaitu هذا. Penutur telah membuang musnad ilahi kerana tidak balas melihat api yang berada dekat dengannya. Oleh hal demikian, fungsi pragmatik dengan membuang musnad ilahi dapat memberi kesedaran dan amaran terhadap sesiapa yang berada ketika itu.

Menurut Hussein Abdul-Raof (2006, 208-209) terdapat empat perkaitan antara fungsi pragmatik dengan tajuk التَّشْبِيهِ iaitu:

a) Mengandungi unsur untuk memuji seseorang seperti ujaran:

أَنْتَ شَمْسٌ وَعَيْرُكَ كَوَاكِبٌ yang bermaksud “Awak matahari dan selain awak adalah bintang”

b) Mengandungi unsur untuk menghina seseorang seperti ujaran:

يَأْكُلُ زَيْدٌ كَالْبَهِيمَةِ yang bermaksud “Zaid makan seperti binatang”

c) Mengandungi unsur untuk memberi penjelasan seperti ujaran:

الرِّزَافَةُ مِثْلُ الْجَمَلِ دُونَ سِنَامٍ yang bermaksud “Zirafah seperti unta tetapi tanpa bonggol”

d) Mengandung unsur untuk mengenal pasti khusus sesuatu perkara seperti ujaran:

الْحَسَدُ كَالنَّارِ تَأْكُلُ نَفْسَهَا yang bermaksud “Hasad dengki seperti api yang memakan ianya sendiri.

Selain itu, terdapat perkaitan fungsi pragmatik dengan tajuk بَحَازِ عَقْلِيَّيَّI antaranya adalah seperti berikut:

a) Ringkas dan memberi kesan seperti contoh yang berikut:

نَقَلَ رَئِيسُ الوُزَرَاءِ الْبَرِيطَانِيَّ مَقَرَّ حُكُومَتِهِ مِنْ لَنْدُنْ إِلَى اِدْنَبُرَةِ telah memindahkan pusat pentadbiran dari London ke Edinburgh. Ujaran di atas merupakan ringkasan daripada penutur dan melihat sebagai fungsi komunikasi. Fungsi komunikasi di atas adalah ujaran yang ringkas dan bertepatan dengan kehendak konteks ujaran. Ini dapat dilihat dengan persamaan Prinsip Kerjasama Grice yang menekan kepada beri maklumat yang perlu sahaja kepada pendengar. Prinsip Kerjasama Grice dilihat mempunyai perkaitan dengan topik perbahasan balaghah yang mementingkan konsep الإيجاز.

أَصْدَرَ رَئِيسُ الوُزَرَاءِ الْبَرِيطَانِيَّ أَمْرًا بِنَقْلِ مَقَرِّ حُكُومَتِهِ مِنْ لَنْدُنْ إِلَى اِدْنَبُرَةِ وَقَامَتِ شَرِكَاتُ نَقْلِ الْأَثَاتِ بِإِرْسَالِ سِيَّارَتِهَا وَعُمَّالِهَا لِتَنْقِلَ أَثَاتِ وَمِعْدَاتِ حُكُومَتِهِ مِنْ لَنْدُنْ إِلَى اِدْنَبُرَةِ yang bermaksud “Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan

agar memindahkan pusat pentadbiran dari London ke Edinburgh dan syarikat

pemindahan telah menghantar pekerja-pekerjanya dan kereta-kereta untuk memindahkan perabot-perabot dan perkakasan Perdana Menteri dari London ke Edinburgh.

Kesimpulannya, kajian bidang pragmatik dan balaghah mempunyai perkaitan di dalam beberapa tajuk seperti *المُسْنَدُ، التَّشْبِيهِ، بَحَارُ عَقْلِيٍّ، الإِسْتِفْهَامُ* dan sebagainya seperti yang diberikan perincian oleh pengkaji sebelumnya. Akan tetapi, terdapat sedikit perbezaan antara pragmatik dan balaghah iaitu dari sudut fokus. Pragmatik bidang yang fokus melihat makna disebalik ujaran penutur dan balaghah adalah bidang yang mengkaji ayat tersebut berdasarkan penggunaan perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa yang mempunyai fungsi yang tertentu. Ini memberi erti fokus pragmatik adalah kajian terhadap ujaran yang lahir daripada penutur diklasifikasikan mengikut maksud yang dikehendaki penutur manakala balaghah adalah setiap ayat diklasifikasikan mengikut tajuk yang berkaitan dengan fungsi ayat, susunan dan perkataan. Oleh hal demikian, pragmatik adalah sebahagian daripada ilmu balaghah Arab yang lebih menumpukan kepada penutur, pendengar dan konteks ujaran.

#### **2.1.2.2 Perbandingan Pragmatik dan Semantik**

Terdapat perbezaan di antara pragmatik dan semantik. Menurut Brown dan Levinson (1983), kajian pragmatik adalah kajian mengenai hubungan antara tanda “lambang” dengan pentafsir sementara kajian semantik adalah kajian mengenai hubungan antara “lambang” dengan objek yang dipacu oleh tanda tersebut.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Empat (2009) semantik adalah ilmu mengenai makna atau erti kata serta penambahan atau perubahan makna kata. Hal ini berbeza dengan bidang pragmatik kerana pragmatik adalah kajian mengenai penggunaan bahasa

oleh penutur manakala semantik adalah kajian mengenai makna. Leech (1993) telah mendukung pandangan komplementarisme yang menyatakan bahawa semantik dan pragmatik perlu digabungkan bagi menghasilkan penjelasan yang memuaskan dari sudut makna perkataan dan ujaran.

Pandangan Siti Hajar (2010) bahawa pragmatik mempunyai hubungan perkaitan antara satu sama lain yang tidak dapat dipisahkan. Bidang semantik penting di dalam tatabahasa bagi menghuraikan sesuatu bahasa. Akan tetapi, bidang pragmatik memberi tumpuan kepada kepelbagaian jenis kemungkinan penggunaan bahasa dalam pertuturan dan perlakuan. Contohnya, apabila pengguna jalan raya melintasi kawasan sekolah terdapat satu papan tanda yang menunjukkan kanak-kanak melintas. Oleh hal demikian, pengguna jalan raya akan membawa tingkah laku pragmatik yang berikut: memperlahankan kenderaan, memandang kiri dan kanan dan bersedia untuk menekan brek jika berlaku kecemasan.

### **2.1.2.3 Perbandingan Pragmatik dan Tatabahasa**

Tatabahasa adalah pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat (penyusunan kata dalam ayat) dan lain-lain Kamus Dewan Bahasa Edisi Empat (2009). Oleh hal demikian, bidang tatabahasa adalah berbeza dengan bidang pragmatik. Hal ini kerana, bidang pragmatik tidak terlibat dalam penjelasan struktur, pembinaan struktur linguistik atau ciri-ciri bahasa dan hubungannya. Menurut Katz (1997), pragmatik sebagai sebahagian daripada perlakuan pertuturan yang menjelaskan bagaimana penutur dan pendengar mengaitkan konteks ayat dengan proposisinya.

“(Grammar) are theories about the structure of a sentence types. Pragmatics theories, in contrast, do nothing to explicate the structure of linguistic



constructions or grammatical properties and relation. The explicate the reasoning of speakers and hearers in working out the correlation in a context of a sentence token with a proposition. In this respect, a pragmatic theory is part of performance.”

### **2.1.3 Aspek-aspek Pragmatik**

Di dalam bidang pragmatik, terdapat tiga aspek yang menjadi topik perbincangan utama iaitu lakuan tuturan (speech acts), implikatur (implicature) dan praandaian (pre-supposition). Terdapat aspek-aspek yang lain di dalam bidang pragmatik yang tidak dibincangkan oleh pengkaji seperti deksis, anafora, sistem giliran bertutur (turn-taking) dan sebagainya. Hal ini adalah aspek-aspek pragmatik seperti lakuan tuturan, implikatur dan praandaian yang diketengahkan mempunyai pertalian dengan tajuk yang dijalankan oleh pengkaji.

Topik yang berhubungan dengan implikatur sering kali dikaitkan dengan sarjana Barat nama Paul Grice, seorang ahli falsafah yang telah mengemukakan konsep ‘implikatur perbualan’ di dalam makalahnya yang bertajuk ‘Logic and Conversation’ pada tahun 1975. Praandaian pula di dalam pertama kalinya telah dibincangkan dalam sebuah karya falsafah oleh P.F Strawson pada tahun 1950. Lakuan tuturan pula biasa dikaitkan oleh J.L Austin dan J.R Searle. Ketiga-tiga topik utama dalam topik pragmatik ini akan dihuraikan dan dibincangkan secara satu persatu dan rumuskan dalam bahagian-bahagian berikut.

#### **2.1.3.1 Lakuan tuturan (Speech Act)**

Lakuan tuturan adalah perbuatan yang dilakukan dengan cara bercakap, berjanji, bersetuju, arahan, perintah dan sebagainya. J.L.Austin merupakan pencetus kepada idea ini dan

dikembangkan oleh John Searle pada tahun 1969. Kesopanan di dalam lakuan tuturan bertujuan untuk memaksimalkan ilokusi santun dan meminimumkan kesan pernyataan tidak sopan. Lakuan tuturan yang membawa kepada tidak sopan akan dianggap sebagai kurang ajar atau tidak beradab manakala lakuan tuturan yang sopan membawa kepada nilai positif yang bermanfaat.

Lakuan tuturan ialah bicara mengenai makna yang memberi implikasi kepada penutur di dalam perlakuan kata kerja yang digunakan dengan melakukan tingkah-laku yang berbeza-beza. Kata kerja yang terdiri daripada kategori ini ialah kata-kata kerja performatif. Contohnya bertaruh, mengisytiharkan, cadang, janji, lantik, jatuhkan, jamin, nikahkan dan sebagainya. Ayat yang dapat dijadikan contoh kata-kata kerja performatif ialah :

- i) Saya cadang hendak pergi bercuti.
- ii) Saya janji saya akan membayar semua hutang-hutang awak.
- iii) Saya mohon untuk tidak dibuang daripada Universiti
- iv) Sebagai pemerintah tertinggi, saya mengisytiharkan genjatan senjata.

Austin (1962) menamakan ayat-ayat di atas sebagai ayat-ayat performatif manakala Searle (1969) menamakannya lakuan pertuturan. Bagi lakuan tuturan yang tidak mengandungi unsur-unsur performatif, lakuan itu tergolong di dalam kategori iaitu 'lakuan tuturan tidak langsung' (indirect speech-acts). Graham (1985) menyatakan bahawa lakuan tuturan tidak langsung bermula dengan ayat penyata yang sebenarnya dituturkan ayat perintah atau permintaan. Contoh-contoh ayat lakuan tuturan tidak langsung ialah :

Aman : Bukakan tingkap itu. Bilik ini sungguh panas

Lakuan Tuturan tidak langsung adalah ingin menyatakan bahawa bilik ini tidak dimasuki angin dan memberi perintah untuk membukanya. Ayat di dalam lakuan tuturan tidak

langsung di atas jelas sekali tidak mengandung kata kerja performatif namun mempunyai kuasa mendorong (illocutionary force) seperti mana lakuan tuturan yang menggunakan kata kerja performatif. Kuasa mendorong yang diberikan membawa kepada kesan tindakan tidak langsung kepada pendengar di dalam melakukan sesuatu lakuan yang dikehendaki penutur.

Kuasa mendorong atau kesahan terbahagi kepada tiga iaitu penutur terlibat di dalam konteks yang bersesuaian dengan peristiwa berlaku. Sebagai contoh, “Tolong Senyap!” di perpustakaan adalah wajar manakala jika ujaran “Tolong Senyap” diujarkan sewaktu konsert diadakan maka adalah tidak sah kerana lakuan pertuturan tidak bersesuaian dengan konteks peristiwa itu berlaku. Lakuan tuturan “Tolong Senyap” yang diujarkan oleh seorang pustakawan berada di dalam konteks bersesuaian maka ujaran akan dianggap sah.

Kuasa kesahan kedua ialah penutur hendaklah melakukan sesuatu perlakuan pertuturan di dalam keadaan sempurna. Contohnya, setelah sekian lama mengulangkaji pelajaran tiba-tiba Ali tidak dapat mengambil peperiksaan akhir akibat demam campak. Perlakuan yang dinyatakan adalah Ali telah mengulangkaji pelajaran di dalam keadaan sempurna namun akibat masalah kesihatan maka dia tidak dapat mengambil peperiksaan.

Konteks yang ketiga melihat penutur mempunyai hasrat di dalam lakuan pertuturan. Contohnya, dua orang sahabat iaitu Ahmad dan Ali berlumba-lumba untuk mendapat keputusan cemerlang di dalam PMR namun begitu hanya salah seorang daripada mereka yang berjaya dan ditawarkan ke sekolah berasrama penuh tetapi pada masa yang sama, Ahmad mengharapkan rakannya menolak tawaran tersebut.

Terdapat tiga jenis lakuan tuturan iaitu lakuan lokusi lakuan ilokusi dan perlokusi.

#### **2.1.3.1.1 Lakuan Lokusi**

Lakuan lokusi ialah sesuatu perlakuan kerja yang dilakukan dengan menyatakan sesuatu. Contoh lakuan lokusi ialah menghisap rokok sambil menyatakan kenikmatan menghisap rokok.

Contoh kedua:

- i) “Saya lapar”: Iaitu tindakan lokusi menyatakan bahawa beliau lapar.
- ii) “Saya lapar”: Iaitu tindakan ilokusi yang meminta makanan.
- iii) “Saya lapar”: Iaitu hasil daripada daripada tindakan ilokusi penutur maka tindakan perlokusi adalah pendengar akan menyediakan makanan.

#### **2.1.3.1.2 Lakuan Ilokusi**

Leech (1995), membahagikan lakuan ilokusi kepada empat bahagian iaitu :

- i) Matlamat ilokusi bersaing dengan matlamat sosial seperti memerintah, merayu, mendesak, mengarahkan dan sebagainya.
- ii) Matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial seperti beramah tamah dengan mempelawa, menyapa, mengucapkan terima kasih, menunjukkan rasa penghargaan.
- iii) Kolaboratif yang membawa kepada matlamat ilokusi tidak peka terhadap matlamat sosial dengan menyatakan, mengumumkan, memberitahu dan sebagainya,
- iv) Matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial seperti mengancam, menuduh dan sebagainya.

Ilokusi membawa kepada dua isu dengan menunjukkan nilai kesantunan yang berbeza-beza bagi setiap individu berdasarkan kedudukan sosial penutur. Contohnya di dalam ketenteraan, ucapan “Ya Tuan!” dianggap sebagai sopan berdasarkan kedudukan status kuasa seseorang dan sebagai tanda hormat kepada hierarki yang lebih tinggi. Isu yang

kedua adalah berdasarkan kesopanan di dalam memberikan sesuatu arahan sama ada bakal memberi kesan positif atau negatif terhadap seseorang yang telah diberi arahan. Contoh kesan positif kepada ilokusi memberikan sesuatu arahan ialah :

Samat : Jemput masuk dan silakan duduk. Makanlah kuih itu.

Ali : Terima kasih.

Berdasarkan ujaran di atas, walaupun berbentuk arahan namun ilokusi lakuan tuturan bersifat positif dan wujud kesopanan di dalam situasi tersebut manakala ilokusi tuturan yang membawa kepada sifat negatif ialah :

Lia : Tolong ambil aku sekarang di pejabat!

Aza : Baiklah.

Ujaran yang dipertuturkan adalah tidak sopan kerana lakuan pertuturan memberi arahan dengan cara yang kasar.

#### **2.1.3.1.3 Lakuan Perlokusi**

Lakuan Perlokusi merupakan lakuan yang memberi makna yang diinginkan oleh penutur. Contoh lakuan perlokusi adalah apabila sesuatu pertanyaan yang diujarkan member makna yang ingin diketahui oleh penutur yang dapat dilihat menerusi ayat tersebut. “Kak, fotostat ukuran 4cm X 10cm berapa?. Ayat ini merujuk bahawa pengujar ingin mengetahui harga disebalik ujarannya dan bukannya ingin mengetahui ukuran pada kertas tersebut. Selain itu, perlokusi pada dasarnya merupakan daripada tindak tutur yang mempengaruhi lawan penutur dari segi perasaan, pemikiran atau perilaku. Contohnya, apabila seseorang ingin meminjam wang daripada orang lain maka penutur akan mengujarkan keinginannya dengan apa cara sekalipun dan berharap bahawa si bakal peminjam akan dipengaruhi lantas meminjamkan wang tersebut.

### 2.1.3.2 Implikatur

Implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat (Grice 1975). Pada tahun 1975, ahli falsafah Grice telah memperkenalkan konsep implikatur perbualan dalam artikelnya yang bertajuk “Logic and Conversation”. Grice telah menyatakan bahawa suatu pertuturan boleh bermaksud suatu cadangan iaitu suatu kenyataan bahawa ia bukanlah merupakan sebahagian daripada pertuturan dan ia juga tidak semestinya turutan sesuatu pertuturan.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992) :

“Implikatur dalam erti kata lain yang mudah ialah mesej yang tersirat dan cuba disampaikan dalam perbualan. Mesej yang diperolehi merupakan mesej yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan”.

Jamaliah Mohd Ali (1996) mendefinisikan implikatur sebagai kajian yang melibatkan aspek-aspek makna yang tidak diliputi bidang semantik. Menurut beliau, kita harus mengetahui batasan makna yang dilitupi dalam bidang ini, keluasan makna yang dilitupi termasuk ironi, metafora dan juga kandungan komunikasi implisit dalam sesuatu ujaran. Apabila disebut implikatur perbualan, maka sering kali dikaitkan dengan ahli falsafah Grice yang mengemukakan konsep implikatur perbualan dan prinsip perbualan.

Implikatur adalah berkait rapat dengan “Prinsip Kerjasama” yang diutarakan oleh Grice.

Prinsip ini mempunyai empat maksim seperti yang berikut :

- i) Maksim Kuantiti – mengatakan apa yang benar sahaja dan apa yang anda ketahui yang benar sahaja.
- ii) Maksim Kualiti – mengatakan yang perlu sahaja jangan terlebih dan jangan terkurang.
- iii) Maksim Hubungan – mengatakan yang berkaitan dengan topik

perbualan sahaja (be relevant)

- iv) Maksim Cara – hendaklah menggunakan bahasa yang padat, katakan secara ringkas dan hindarkan ketidakjelasan dan ketaksaan.

Berikut adalah contoh Implikatur:

Ahmad : Cik Lizah dan keluarga akan datang ke rumah kita petang ini.

Zainab : Kalau begitu lebih baik saya simpan barang-barang berharga.

Berdasarkan perbualan di atas, kita dapat membuat interpretasi maksud ujaran Zainab bahawa Cik Lizah mempunyai anak yang ramai yang nakal dan suka merosakkan harta benda di rumah mereka. Justeru, mengikut pendapat Grice ujaran Zainab menghasilkan implikatur. Implikatur pada dasarnya adalah ujaran yang mengandungi makna yang melampaui makna ujaran semata-mata. Sekiranya Ahmad tidak mengetahui atau tidak dapat menafsir apa yang diperkatakan oleh Zainab maka ujaran Zainab ditafsir secara literal. Sekiranya berlaku pentafsiran secara literal, maka hubungan komunikasi antara dua pihak akan terputus. Implikatur hanya boleh berlaku sekiranya pendengar masih menganggap penutur masih mematuhi maksim-maksim perbualan atau prinsip kerjasama.

### **2.1.3.3 Praandaian**

Praandaian merupakan apa yang penutur jangkakan sudah diketahui oleh pendengar, iaitu suatu hal atau keadaan yang telah pendengar ketahui tanpa perlu diucapkan oleh penutur. Praandaian merupakan suatu bentuk tuduhan, fitnah, prasangka, prejudis dan lain-lain yang dianggap tidak sopan. Praandaian (presupposition) merupakan satu konsep yang agak sukar dibincangkan kerana ia agak kabur dan pelbagai pentafsiran.

Contoh yang pertama:

Ahmad : Saya tidak tahu perkara tersebut. Awak membayangkan yang saya tahu segalanya. Jika awak masih bertanya perkara tersebut, hubungan kita

tamat.

Hani : Awak, kita sememangnya tidak mempunyai hubungan.

Contoh di atas menunjukkan bahawa Ahmad telah membuat praandaian yang beliau dan Hani mempunyai hubungan tetapi disangkal oleh Hani.

Praandaian membawa kepada perlakuan yang kurang sopan kerana kadangkala bentuk andaian yang ditafsirkan adalah tidak benar dan bakal menyinggung seseorang. Oleh hal demikian, praandaian adalah satu tindak balas yang negatif yang membawa kepada keperihalan sesuatu perkara yang wujud di dalam minda seseorang untuk membuat fitnah dan andaian palsu.

## **2.2 Kesopanan Berbahasa**

Bidalan Melayu yang berbunyi “Orang berbudi, kita berbahasa” meletakkan budi sebagai timbal balik bagi bahasa. Bidalan ini meletakkan bahasa yang sopan menjadi teras di dalam masyarakat Melayu dan juga bahasa indah bahasa Melayu itu sendiri. Melalui bidalan Melayu ini, dapat kita ungkai bahawa setiap budaya di dalam masyarakat meletakkan kesopanan berbahasa sebagai teras utama. Kesopanan berbahasa yang tinggi menggambarkan budi pekerti yang baik pada setiap insan. Tutur kata yang sopan menggambarkan siapa diri kita dan budi pekerti kita.

### **2.2.1 Definisi dan Konsep Kesopanan Berbahasa**

Di dalam bahasa Melayu ungkapan seperti tidak tahu bahasa, tidak faham bahasa merujuk kepada kesopanan dan kesantunan seseorang itu. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Empat (2009), perkataan “sopan” membawa erti “hormat dengan tatatertib; baik budi bahasanya; baik perangai dan lakuannya; berasa segan silu”. Kesopanan bermaksud perihal sopan (tingkahlaku, tuturkata dan sebagainya: adab sopan



santun, tatasusila, tingkahlaku (tuturkata yang baik). Perkataan “sopan” sinonim dengan perkataan “santun” perkataan yang sama maknanya tetapi berbeza asal usulnya (Asmah Haji Omar, 2007). Dari segi bahasa, perkataan sopan dapat diistilahkan sebagai adab, adat, berdisiplin, santun dan lemah lembut.

“Kesopanan yang betul-betul memberi perhatian kepada peranan sosial pameran latar, judul percakapan, dan menyesuaikan peraturan pertuturan dengan keadaan sebenar”.

(Asmah Hj. Omar, 1996)

Manakala perkataan “berbahasa” berasal daripada “bahasa” iaitu keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi suara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat berinteraksi.

Apabila melihat kepada konsep kesopanan bahasa kebanyakan definisi yang diutarakan oleh beberapa pendapat pakar bahasa adalah merujuk kepada bahasa itu sendiri dengan penggunaan ungkapan yang sesuai dengan situasi, seperti yang diutarakan pandangan oleh Syarifah, Najmah dan Rosdah (2007) memperlihatkan ciri-ciri kesopanan bahasa iaitu dengan penggunaan ungkapan bertatasusila, penggunaan kata ganti nama dan sebagainya. Oleh hal demikian, kehalusan bahasa yang menggunakan kosa kata yang sopan, halus, bertatasusila dan mempunyai nilai-nilai hormat yang tinggi digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan jelas kepada pendengar.

Melalui penggunaan bahasa yang halus, maka dapat memberi kesan yang mendalam kepada pendengar. Ini dapat dibuktikan dengan pendapat Abdul Ghani dan Abd. Rahman (2009) bahawa kesopanan berbahasa merupakan kata-kata lembut penuh kesopanan yang menyentuh hati dan emosi kepada pendengar dan mampu memberi bekas yang mendalam serta mampu mengubah tingkah laku positif pada masa hadapan. Lebih penting lagi, kesopanan berbahasa dapat memberi rasa halus dalam jiwa penasihat

dan sebagai orang yang dinasihati dalam konteks perhubungan sesama manusia. Rasa halus dan kemurnian dalam hati ini menjelaskan bahawa perlunya unsur pesan memesan atau pun ingat mengingati antara satu dengan lain dalam membina kehidupan yang lebih harmonis. Perhubungan itu berlandaskan kepada Tuhan menghendaki setiap manusia agar sentiasa hidup dengan aman dan harmoni sesama sendiri serta sedia memikul tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini.

Akan tetapi, faktor lain yang perlu dititikberatkan mengenai kesopanan berbahasa adalah kepada faktor sifat semulajadi yang ada dalam diri penutur itu sendiri untuk berlaku sopan ketika berbicara. Menurut Noraini (2004) melihat setiap perlakuan dan kesopanan bahasa bermula dari hati yang ikhlas, iaitu hati orang yang bertaqwa. Nilai-nilai Islam adalah pengukur dan penentu tahap nilai kesopanan orang Melayu yang beragama Islam, Kesopanan perlu bermula dengan kesopanan manusia terhadap Allah S.W.T kemudian akan timbul perlakuan yang sopan antara sesama manusia. Nilai-nilai diterapkan menjadi pengukur kepada sesuatu budaya, bangsa dan negara itu sendiri sekiranya masyarakat bersopan. Kata-kata yang penuh sopan dapat memberi kesan yang mendalam kepada pendengar.

Melalui kesopanan berbahasa dapat membentuk serta menjaga nilai komunikasi menjadi sesuatu yang lebih berguna, bermanfaat serta harmoni. Dalam konteks ini, kata-kata berhemah dan sopan mampu mendisiplinkan orang lain. Contoh yang terdekat ialah melalui institusi keluarga itu sendiri iaitu peranan sebagai ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang terbaik kepada anak-anak dan menggunakan nilai-nilai kesopanan yang tinggi di rumah. Penerapan nilai-nilai murni dapat membentuk akhlak anak-anak menjadi insan yang terdidik dan membentuk sahsiah diri.

Selain itu, konsep kesopanan berbahasa merujuk kepada penutur mempunyai tujuan yang tertentu untuk berlaku sopan seperti menghormati pendengar atau pembaca yang mempunyai taraf sosial yang tinggi di kalangan masyarakat. Menurut Teo Kok Seong (1996) kesopanan berbahasa adalah bentuk bahasa yang merujuk kepada kata, frasa, rangkai kata atau ayat yang digunakan secara berlapik dengan cara berlaku sopan kepada orang yang diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya, di samping memperlihatkan kehemahan pada orang yang bercakap itu agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa. Hal ini sejajar dengan pendapat Thomas (1995) bahawa kesopanan berbahasa sebagai strategi yang digunakan oleh penutur terhadap pendengar dalam usaha mencapai pelbagai matlamat, seperti memelihara perhubungan yang harmoni.

Pandangan yang diutarakan oleh Syarifah, Najmah dan Rosdah, (2007) menekankan kesopanan berbahasa haruslah wujud di dalam suasana yang menyenangkan dan tidak menyinggung perasaan pendengar atau pembaca di dalam menyampaikan sesuatu ungkapan. Secara tidak langsung, kesopanan berbahasa akan melahirkan individu yang bertatasusila serta mempunyai budi bahasa yang tinggi. Justeru, kesopanan berbahasa adalah merangkumi tutur kata yang sopan serta tingkah laku yang melambangkan seseorang itu berakhlak mulia bertujuan menghormati seseorang.

Takrif kesopanan berbahasa atau kesantunan berbahasa bukanlah suatu isu yang perlu diketengahkan. Hal ini kerana hanya terdapat sedikit perbezaan antara kesopanan berbahasa yang lebih bersifat am dan kesantunan berbahasa yang lebih bersifat khusus. Leech (1995) meletakkan kesopanan berbahasa asas kepada teori beliau iaitu Prinsip Kesopanan manakala kesantunan itu sebahagian daripada cabang daripada Prinsip Kesopanan beliau. Hal ini kerana, konsep kesopanan berbahasa merangkumi kepada

tingkah laku bukan bahasa dan dari segi bahasa seperti yang dinyatakan oleh (Asmah Hj. Omar 1996).

Definisi yang diberikan oleh beliau menunjukkan bahawa konsep kesopanan berbahasa merangkumi dua aspek yang penting yang pertama adalah tingkah laku bukan bahasa iaitu suatu perbuatan yang menggunakan anggota tubuh badan yang menunjukkan bahawa seseorang itu berlaku sopan seperti masyarakat Jepun menundukkan kepala sebagai tanda menghormati ketika berbicara. Aspek kedua adalah dari segi bahasa yang digunakan yang menggambarkan bahawa seseorang itu bersifat sopan seperti masyarakat Islam menggunakan ujaran “السَّلَامُ عَلَيْكُمْ” pada permulaan bicara dan dikira sebagai sopan. Manakala kesantunan berbahasa hanyalah merujuk kepada frasa, ungkapan, penggunaan bahasa yang bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang lain yang mendengar atau diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya di dalam situasi yang tertentu. Hal ini sejajar dengan Kho Thong Eng (1994) yang menyatakan kesantunan bahasa merujuk kepada bahasa yang digunakan bagi menggambarkan bahawa penutur atau penulis berperibadi mulia dan sentiasa menghormati orang lain yang berinteraksi dengannya. Oleh hal demikian, kesantunan berbahasa wujud di kalangan satu kelompok masyarakat yang saling hormat-menghormati. Persetujuan dicapai oleh masyarakat bahasa berkenaan hasil daripada sikap hormat menghormati dengan amalan sifat bertegur sapa.

Menurut S.Nathesan (2005) kesantunan bahasa merujuk kepada budi bahasa yang tergambar dalam amalan tegur sapa yang digunakan dalam satu-satu masyarakat bahasa. Amalan ini umumnya ditentukan secara konvensi, iaitu persetujuan secara sebulat suara oleh masyarakat bahasa berkenaan. Amalan bertegur sapa di dalam sesuatu masyarakat

tergambar dengan tutur kata yang sopan dan lemah lembut dan tidak meninggikan suara, tidak sombong dan sebagainya. Setelah masyarakat bahasa tersebut mencapai satu persetujuan sebulat suara mengenai kesantunan berbahasa, maka lahirlah peraturan-peraturan yang merujuk kepada santun bahasa.

Menurut Asmah Haji Omar (2002) menyatakan kesantunan berbahasa bagi sesuatu masyarakat merujuk kepatuhan kepada peraturan-peraturan bahasa itu menunjukkan bahawa penggunaannya bercirikan santun bahasa. Peraturan-peraturan penggunaan bahasa tersebut terdiri daripada peraturan linguistik, peraturan sociolinguistik dan peraturan pragmatik.

a) Peraturan linguistik: Peraturan linguistik adalah peraturan yang memastikan keteraturan sebutan dan nahu dalam penggunaan bahasa. Sebutan adalah cara manusia melahirkan bahasa melalui mekanisme pengaliran udara dari paru-paru menerusi kerongkong dan rongga mulut serta rongga hidung. Sesuatu komuniti bahasa itu mempunyai pelbagai rupa sebutan berdasarkan dialek yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat persetujuan dalam bentuk rupa sebutan dalam situasi tertentu apabila bahasa digunakan dalam situasi rasmi. Maka, lahirlah sebutan standard bagi bahasa kebangsaan yang menunjukkan identiti komuniti atau negara yang lain, walaupun menggunakan bahasa yang sama. Contohnya, bahasa kebangsaan Malaysia berbeza dengan bahasa kebangsaan Indonesia walaupun menggunakan bahasa yang sama.

Bahasa Arab merupakan entiti bagi bangsa Arab yang digunakan di seluruh dunia sebagai bahasa rasmi bagi mereka. Meskipun bahasa Arab menduduki ranking yang keenam di dunia sebagai bahasa yang paling ramai dituturkan iaitu sebanyak 120 juta orang, ini tidak bermakna kesemua masyarakat Arab menggunakan bahasa Arab standard di dalam kehidupan seharian. Hal ini adalah disebabkan bangsa Arab itu sendiri

terdiri daripada pelbagai puak, suku kaum dan negara. Walau bagaimanapun, terdapat persetujuan dalam bentuk rupa sebutan dalam situasi tertentu apabila bahasa digunakan dalam situasi rasmi. Maka bahasa Arab Quraish merupakan bahasa rasmi dan medium perantaraan antara negara-negara Arab di seluruh dunia. Contohnya di Mesir, penggunaan bahasa Arab mereka berbeza dengan masyarakat Arab di Syria, Lubnan dan sebagainya. Hal ini kerana perbezaan iklim, budaya masyarakat tempatan dan sebagainya. Walaupun perbezaan ini adalah ketara dari sudut sebutan huruf dan sebagainya, mereka masih mengiktiraf bahasa Arab Quraish sebagai bahasa rasmi bagi masyarakat Arab itu sendiri.

b) Peraturan sociolinguistik: Peraturan sociolinguistik ialah peraturan yang mengawal ketertiban sosial sesuatu budaya masyarakat antara orang yang berinteraksi secara bersemuka dan interaksi secara tidak semuka. Ini bermaksud sesuatu masyarakat mempunyai peraturan tersendiri dan mereka perlu mematuhi peraturan tersebut agar dapat mewujudkan suasana yang harmoni ketika berinteraksi. Hal ini kerana, penutur dan pendengar memahami dan mengikut peraturan yang ditentukan. Contohnya, di dalam budaya masyarakat Arab, sistem panggilan merupakan aspek yang penting untuk menjaga kelangsungan interaksi dengan penuh harmoni dan selesa. Di antara contoh berikut menggambarkan perihal kepentingan peraturan sociolinguistik di dalam masyarakat Arab:

“يَاعْمُّ، أُرِيدُ الْقَهْوَةَ” yang bermaksud “Wahai pakcik, saya mahu kopi”

Di dalam petikan ini, pakcik sebelah bapa di dalam bahasa Arab di panggil “عم”. Akan tetapi di dalam perbualan ini perkataan “عم” itu di gunakan kepada seorang pelayan

kedai kopi (lelaki yang agak berumur) untuk menunjukkan kesopanan penutur apabila berbicara.

c) Peraturan pragmatik: Terdapat pelbagai cara untuk mencapai matlamat dan tujuan dengan menggunakan bahasa kasar, halus, sopan dan sebagainya dalam komunikasi. Peraturan-peraturan untuk mencapai tujuan secara sopan dan santun serta berkesan dikenali sebagai peraturan pragmatik. Teori-teori yang terdapat di dalam bidang pragmatik seperti Prinsip Kerjasama, Prinsip Kesopanan, Implikatur dan sebagainya yang merupakan sebahagian daripada peraturan pragmatik. Peraturan pragmatik merupakan asas kepada komunikasi dua hala antara penutur dan pendengar.

Pelbagai teori dan pendapat seperti Prinsip Kerjasama yang diutarakan oleh Grice telah mengelaskan empat maksim iaitu Maksim Kualiti, Maksim Kuantiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara. Di dalam menentengahkan tentang kesopanan berbahasa, Leech (1993) telah mengutarakan Prinsip Kesopanan sebagai pelengkap kepada Prinsip Kerjasama. Alasan Leech adalah prinsip kerjasama tidak dapat menjelaskan mengapa pengujar tidak menyampaikan maksudnya secara terus serta tidak dapat menjelaskan pertalian antara maksud dengan kuasa dalam ayat selain ayat berita. Prinsip Kesopanan sendiri mengambil kira faktor budaya masyarakat, cara berkomunikasi dengan baik dan bersopan dengan mengambil kira faktor psikologi seseorang dengan apa yang kita bakal ujar. Dengan kata lain, Prinsip Kesopanan itu sendiri berfungsi sebagai pengawal di dalam mengekalkan keseimbangan sosial serta pertalian mesra di antara pengujar dan pendengar.

Awang Sariyan (2007) menyatakan bahawa ketiga-tiga peraturan tersebut iaitu peraturan sosiolinguistik, peraturan pragmatik dan juga peraturan linguistik merupakan asas

kesantunan berbahasa di dalam sesuatu masyarakat dan amat penting bagi sesebuah masyarakat. Menurut beliau juga, kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara.

Kesimpulannya, konsep kesopanan bahasa amat lebih luas tafsirannya dan tidak terbatas kepada tutur kata sahaja berbanding kepada konsep kesantunan berbahasa yang lebih fokus kepada tutur kata yang sopan. Akan tetapi kedua-dua konsep tersebut bertujuan untuk menghormati pendengar agar selesa dan tidak tersinggung hati ketika berbicara.

Justeru, kesantunan berbahasa merupakan sebahagian daripada konsep kesopanan berbahasa dan setiap masyarakat mempunyai entiti yang tersendiri untuk berlaku sopan. Kesopanan berbahasa merupakan asas penting kepada keharmonian sesuatu masyarakat kerana nilai sesuatu masyarakat diukur dengan kesopanan berbahasa ketika berbicara. Hilangnya kesopanan sesuatu masyarakat maka hilanglah keharmonian dan tamadun sesuatu masyarakat. Maka adalah penting untuk mengkaji sesuatu budaya masyarakat contohnya masyarakat Arab. Hal ini kerana untuk memahami budaya masyarakat tersebut kita perlu mendalami cara mereka berbicara dan berinteraksi.

### **2.2.2 Model-Model Kesopanan Berbahasa**

Terdapat tiga model kesopanan yang bersifat sejagat seperti Brown dan Levinson iaitu konsep mimik muka, Leech iaitu berdasarkan maksim-maksim tertentu serta Fraser B. berdasarkan perbualan kontrak. Selain itu, model kesopanan Asmah Hj. Omar yang menggunakan konsep “face” sebagai satu strategi ketika berkomunikasi. Kesemua model berikut merupakan salah satu cara untuk melihat kesopanan sesuatu masyarakat ketika berkomunikasi.



### 2.2.2.1 Model Kesopanan Brown dan Levinson

Brown dan Levinson (1987) memfokuskan kepada kesopanan yang bersifat sejagat berdasarkan kepada kajian mereka terhadap kesopanan silang budaya di antara penutur Inggeris di Amerika penutur Tamil di selatan India dan penutur Tzeltal di Mexico. Hasil kajian tersebut, mereka telah menggariskan beberapa strategi kesopanan interaksi penutur dan pendengar. Strategi kesopanan tersebut merujuk kepada muka seseorang apabila berbicara, emosi dan pemikiran seseorang.

Kesopanan dapat dilihat berdasarkan riak muka seseorang contohnya, apabila seseorang hendak meminjam kereta daripada kawannya atau seseorang individu hendak meminjam duit, strategi kesopanan dapat dilihat melalui penggunaan bahasa oleh individu tersebut melalui bahasa yang digunakan serta ancaman mimik muka individu tersebut seperti ujaran yang berikut:

“Kalau awak tidak keberatan, saya ingin meminjam kereta awak hari Ahad minggu ini, itu pun kalau awak kasi”.

Bahasa yang digunakan sopan dan beradab dengan pemilihan kosa kata yang sesuai agar tidak menyakiti pendengar serta intonasi yang rendah, masa dan keadaan yang sesuai. Masa memainkan peranan yang penting dalam strategi kesopanan. Sekiranya masa dan keadaan yang tidak sesuai maka boleh menimbulkan rasa marah, sakit hati dan sebagainya kepada pendengar. Ini kerana pengaruh luar telah mengganggu emosi pendengar. Oleh itu, adalah wajar memilih masa dan keadaan yang sesuai contohnya apabila seseorang itu dalam masalah seperti selepas bertengkar atau selepas kemalangan maka, adalah tidak wajar berbicara ketika itu.

Brown dan Levinson (1987) mengutarakan teori kesopanan berdasarkan konsep “riak wajah” atau dalam perkataan Inggeris disebut “*the concept of face*” bermaksud rupa

muka yang membayangkan sesuatu perasaan atau ekspresi perasaan terhadap sesuatu perkara. Konsep riak wajah mengikut Brown dan Levinson adalah nilai diri (self worth) atau imej diri (self-image) yang dipunyai oleh individu secara penilaian sosial masyarakat dan boleh dilahirkan oleh individu yang rasional dalam dua keadaan yang bervariasi, iaitu positif (positive face) dan negatif (negative face). Kedua-dua riak wajah adalah dilahirkan secara dalaman seseorang individu melalui interaksi. Riak wajah positif membawa keinginan individu untuk dihormati, dihargai, disayangi, diminati, dan disanjung di dalam hal-hal tertentu. Manakala keinginan untuk bertindak tanpa skala dikatakan riak wajah negatif.

Hasil kajian oleh Brown dan Levinson (1987) meletakkan beberapa strategi kesopanan di antaranya ialah :

a) Lakuan Tindakan Ancaman Muka Berekod

Ujaran berekod adalah ujaran yang terus ditujukan kepada pendengar sama ada melalui kenyataan atau pertanyaan secara langsung. Kesopanan ini terbahagi kepada dua iaitu kesopanan muka positif atau disebut sebagai riak wajah positif dan kesopanan muka negatif ataupun di sebut sebagai kesopanan riak wajah negatif.

i) Kesopanan riak wajah positif

Kesopanan riak wajah positif bermaksud keinginan individu dihormati disukai dan diterima oleh pendengar seperti ujaran berikut: “Saya dapat A di dalam subjek bahasa Arab, saya rasa awak pun dapat A dalam subjek bahasa Arab, betul tak?”.

ii) Kesopanan riak wajah negatif

Kesopanan riak wajah negatif bermaksud seseorang individu mempertahankan hak dan tidak membenarkan individu melanggar hak yang difikirkan betul seperti ujaran berikut:

“ Maaf encik, di sini adalah kawasan hospital”. Ujaran tersebut merujuk kepada pendengar tersebut yang merokok di kawasan hospital.

#### b) Lakuan Tindakan Ancaman Muka Tanpa Rekod

Lakukan tindakan ancaman muka tanpa rekod adalah bermaksud sesuatu ujaran itu tidak terus ditujukan kepada seseorang atau disebut juga sebagai kenyataan dan pernyataan secara tidak langsung contohnya, apabila seseorang hendak meminjam kereta daripada kawannya maka implikasi daripada ancaman tersebut adalah: “Hari Ahad minggu ini, saya hendak pergi ke Kuala Lumpur.” Ujaran tersebut merupakan ancaman muka tanpa rekod iaitu beliau mengelak tindakan ancaman muka terhadap pendengar tersebut dengan memberi jawapan bahawa beliau akan menggunakan kereta beliau pada hujung minggu ini. Justeru, jawapan secara tidak terus itu di sebut sebagai tanpa rekod.

#### c) Tidak Lakukan Ancaman Muka

Seseorang itu akan memilih lakuan ini jika ancaman muka daripada penutur lebih besar seperti ujaran berikut: “ Bagaimana awak buat kerja ni?, nampak sangat awak sangat cuai ” Individu (pendengar) memilih untuk tidak lakukan ancaman muka kerana penutur tersebut merupakan bos beliau. Oleh hal demikian, beliau memilih untuk tidak mengemukakan ujaran kerana itu dianggap lebih sopan.

Menerusi strategi kesopanan yang disebut oleh Brown dan Levinson, kajian mendapati :

- i. Riak wajah positif atau negatif boleh dipilih oleh individu yang rasional secara sama ada dimusnahkan, dikekalkan atau ditinggalkan semasa berinteraksi dengan orang lain.
- ii. Menjadi hak bersama individu yang berinteraksi untuk menjaga riak wajah dan riak wajah dapat dipengaruhi oleh perlakuan orang lain semasa berkomunikasi.

- iii. Riak wajah boleh diancam oleh beberapa perlakuan secara intrisik yang dikenali dengan 'Lakuan Mengancam Riak Muka' (LMA)

#### **2.2.2.2 Model Kesopanan Fraser B.**

Pendekatan konsep kesopanan yang dikemukakan oleh Fraser B. (1990) ialah :

“On entering a given conversation, each party brings an understanding of some initials set of rights and obligations that will determine at least for the preliminary stages, the limits of the interaction”.

(Fraser & Nolen 1981:94)

Fraser & Nolen (1981) menyatakan bahawa apabila sesuatu perbualan itu berlaku maka kedua belah pihak harus memahami kontrak perbualan di antara satu sama lain agar tidak berlaku limitasi di dalam perbualan.

Konteks perbualan yang dinyatakan adalah wujud satu persetujuan di antara pihak yang terlibat di dalam perbualan tersebut. Apabila berlaku sesuatu perbualan, setiap pihak yang terlibat perlu menghormati apa yang ingin dikatakan oleh pihak lain dan ia bergantung kepada masa dan tempat berlakunya sesuatu kontrak perbualan. Kesopanan yang wujud di dalam kontrak perbualan adalah kebebasan seseorang mengujarkan atau mengutarakan sesuatu bergantung kepada sifat hubungan antara pihak yang ingin diajak bercakap. Kesopanan wujud apabila pengujar mengetahui hubungan di antara dirinya dengan orang lain, maka timbul satu perasaan hormat berdasarkan status dan pangkat.

Konsep kontrak perbualan Fraser terbahagi kepada dua perbualan iaitu perbualan umum dan perbualan khusus. Perbualan umum dikaitkan dengan peraturan-peraturan sewaktu perbualan seperti giliran bercakap, cara bercakap, gaya komunikasi, penggunaan bahasa

serta maklum balas. Kontrak perbualan yang dinyatakan adalah bertujuan memberi satu ujaran yang baik untuk didengari oleh pendengar. Perbualan khusus pula adalah perkara-perkara mengenai perbualan seperti tempat berinteraksi, tujuan dan matlamat berinteraksi, ciri-ciri penutur, peranan dan status penutur, medan makna dan sebagainya. Kontrak perbualan khusus lebih menjurus kepada perbualan yang lebih formal dan jarang berlaku interaksi yang kurang sopan.

### **2.2.2.3 Model Kesopanan Leech**

Leech mengutarakan pendapat beliau mengenai kesopanan dalam sesebuah masyarakat dengan menggunakan istilah “Principle of Politeness” di dalam buku karangan beliau yang merujuk kepada Prinsip Kesopanan. Di dalam Prinsip Kesopanan terdapat enam maksim yang menjadi teras kepada konsep beliau. Enam Maksim tersebut adalah:

- a) Maksim Santun
- b) Maksim Kerendahan Hati
- c) Maksim Simpati
- d) Maksim Persetujuan
- e) Maksim Sokongan
- f) Maksim Kedermawaan

Perbahasan selanjutnya berkaitan Model Kesopanan pada bab ketiga di dalam tajuk Metodologi Kajian.

### **2.2.2.4 Model Kesopanan Asmah Hj. Omar**

Menurut Asmah Hj. Omar, kesopanan diukur dari dua aspek penting iaitu :

- a. Tingkahlaku bukan bahasa seperti gerak-geri dan sebagainya.

b. Melihat dari sudut bahasa.

Kesopanan terbahagi kepada dua iaitu:

a. Kesopanan asas

Kesopanan yang sedia ada di dalam sebuah masyarakat yang menjadi pedoman hingga kini.

b. Kesopanan Kendala

Kesopanan adalah menggambarkan usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dalam berhubungan satu sama lain. Di dalam kesopanan kendala terdapat aspek-aspek yang perlu diberi perhatian iaitu:

- i. Taraf dan peranan orang yang bercakap dengan kita.
- ii. Di mana atau dalam keadaan yang bagaimana percakapan itu berlaku.
- iii. Apa yang perlu dicakapkan.
- iv. Mengapa percakapan itu dituturkan.
- v. Cara percakapan itu disampaikan.

Beliau menyatakan bahawa kesopanan bukan strategi komunikasi akan tetapi kesopanan merujuk kepada ciri-ciri budaya yang menghendaki ahli-ahli masyarakat bersopan santun, berbudi bahasa dan sebagainya. Kesopanan kendala adalah hasil daripada gabungan daripada: Kesopanan Asas + Strategi = Kesopanan Kendala.

Faktor-faktor yang melibatkan kesopanan dengan strategi komunikasi adalah seperti berikut:

- i. Pengakuan adanya perkaitan peranan antara penutur.
- ii. Kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara penutur.
- iii. Kesedaran akan adanya kuasa dalam peranan dan taraf tertentu.
- iv. Menjaga air muka.
- v. Kepatuhan kepada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasan.

vi. Kepatuhan kepada peraturan mesyuarat.

Kesedaran wujudnya perbezaan taraf antara penutur contohnya menjadikan komunikasi sebagai landasan penting dalam berkomunikasi dengan menggunakan tutur yang sopan dan gelaran tanda hormat di antara penutur. Selain itu, kesedaran akan adanya kuasa dalam peranan dan taraf tertentu merujuk untuk penutur bersopan di dalam pembicaraan agar tidak menyinggung perasaan pihak tertentu. Contohnya, di dalam institusi diraja penutur harus hormat dan menyedari bahawa kuasa raja itu memainkan peranan yang besar didalam sesebuah negara. Oleh itu, penutur tidak boleh sewenang-wenangnya untuk tidak bersopan.

Konsep muka atau *face* memberi makna di sebalik jika digunakan berdasarkan budaya masyarakat masing-masing. Ungkapan air muka memberi makna menjaga nama baik orang lain atau diri sendiri. Ungkapan ini boleh diterjemahkan kepada “menjaga air muka”, tetapi “air muka” dalam budaya Melayu mempunyai makna yang lebih mendalam daripada *face* dalam budaya Barat (Asmah Hj. Omar 2007).

Air muka bagi orang Melayu mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih jauh dari itu. Air muka seseorang membawa pengertian lebih jauh dan mendalam, bukan setakat nama baik yang berkenaan malah meliputi juga didikan yang diperolehi daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga. Konsep air muka di dalam masyarakat Melayu mungkin berbeza dengan masyarakat Arab kerana masyarakat Melayu kaya dengan adat dan tatasusila yang membentuk kesopanan. Masyarakat Melayu juga sering berhati-hati di dalam tutur bicara agar tidak menjatuhkan air muka pihak yang lain. Jika jatuh air muka sesuatu

pihak maka akan timbul perselisihan faham dan sudah tentu tidak dapat menjalinkan hubungan yang harmonis.

### **2.3 Pengenalan Animasi**

Perkembangan dunia animasi menjadikan sesebuah animasi mendapat tempat di hati masyarakat khususnya kepada golongan kanak-kanak dan pelajar. Hal ini menyebabkan wujudnya banyak animasi seperti cendawan tumbuh selepas hujan yang dapat dijadikan daya penarik kepada medium penyampaian sesuatu cerita. Animasi bukan sahaja dapat dijadikan sebagai medium pembelajaran, namun ia juga dapat mengetengahkan sesuatu budaya masyarakat melalui medium animasi itu sendiri.

Kita dapat melihat bahawa animasi bukan sahaja dikatakan sebagai model animasi yang dihasilkan untuk tujuan tontonan tetapi dapat dinyatakan sebagai jiwa, hidup, nyawa dan semangat secara dalamannya. Hal ini memberi maksud tersirat bahawa setiap animasi mahupun model yang direka mempunyai karakter membawa kepada penerapan ragam serta unsur-unsur kehidupan yang dijalani. Melalui animasi tanah liat Arab, animasi bukan sahaja dijadikan sebagai medium penyampai maklumat bahkan kita dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu masyarakat dengan pendekatan yang lebih menarik.

#### **2.3.1 Definisi Animasi**

Animasi berasal dari bahasa Latin, “anima”, yang membawa maksud “ jiwa, hidup, nyawa dan semangat ”. Perkataan “animasi” diambil daripada perkataan Inggeris iaitu “animation” yang bermaksud “perbuatan (proses, hasil daripada) menjadikan sesuatu kelihatan hidup; seni atau proses menyediakan gambar-gambar animasi yang kelihatan



hidup;” Dewan Bahasa (2009). Menurut Prashant dan N.Venkateshwara (2009) berpendapat bahawa animasi merujuk kepada proses di mana setiap satu rangka di dalam filem atau cerita dihasilkan secara berasingan menggunakan grafik komputer atau proses di mana imej yang dihasilkan dilukis secara berturut-turut mengikut jalan cerita animasi. Selain itu, animasi membawa maksud satu proses yang dilakukan secara berulang kali dengan melakukan sedikit perubahan kepada sesuatu model (animasi tanah liat) dan proses tersebut direkod dengan menggunakan kamera untuk menghasilkan satu jalan cerita.

Menurut Saeba (2008) pada dasarnya animasi merupakan kumpulan imej sekuensial (berurutan) yang menyatakan pergerakan di mana imej tersebut ditampilkan secara berurutan dalam waktu relatif cepat. Dalam konsep animasi, setiap imej dalam sekuensial tersebut dikenal dengan istilah frame. Animasi juga dikenali dengan gambar dua dimensi yang seolah-olah bergerak. Animasi adalah suatu seni untuk memanipulasi gambar yang tidak bergerak seolah-olah menjadi hidup dan bergerak. Ia terdiri daripada animasi dua dimensi (2D) mahupun tiga dimensi (3D). Animasi 2D membuat benda seolah-olah hidup dengan menggunakan kertas atau komputer

Animasi 3D merupakan animasi yang dibuat dengan menggunakan model seperti yang berasal dari lilin, tanah liat, boneka / marionette dan menggunakan kamera animasi yang dapat merakam frame demi frame. Ketika gambar-gambar tersebut dipancarkan secara berurutan dan cepat, lilin, tanah liat, boneka / marionette tersebut akan kelihatan seperti hidup dan bergerak. Animasi 3D dapat juga dibuat dengan menggunakan komputer.

Animasi merupakan salah satu medium untuk mempelajari bahasa selain digunakan sebagai bahan santai untuk merehatkan minda di waktu lapang. Menurut Ross (1998)

“Television - and radio to a lesser extent - have replaced books as the main source of verbal entertainment”. Di Malaysia terdapat banyak animasi Melayu yang dihasilkan oleh tenaga tempatan seperti Upin dan Ipin, Usop Santorian, Pendekar, Animasi Lat dan sebagainya yang mewarnai kancah animasi-animasi tempatan selain animasi-animasi luar Malaysia yang turut menyumbang kepada aktiviti perkembangan animasi di dalam negara Malaysia.

Namun begitu, ada sesetengah pihak memandang serong aspek bahasa yang digunakan di dalam animasi. Kajian soal selidik terhadap penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dijalankan Nuramilah Husnah Alan (2011) menunjukkan kekerapan pembelajaran berasaskan animasi tidak sesuai dijadikan bahan pengajaran. Hal ini kerana, kemungkinan animasi-animasi tersebut tidak mempunyai ciri-ciri yang sesuai sebagai bahan pengajaran bahasa kedua seperti animasi Sin Chan yang memaparkan pertuturan yang kurang sopan dan perilaku yang tidak sesuai dengan budaya orang Islam. Akan tetapi, beliau berpendapat pembelajaran melalui animasi boleh dijalankan sekiranya animasi tersebut menjaga aspek pertuturan dan perlakuan.

Sebaliknya melihat senario yang terdapat di dalam bahasa Arab, hampir kesemua animasi berbentuk keagamaan menjaga nilai-nilai kesopanan bahasa daripada unsur-unsur atau anasir-anasir luar yang akan merosakkan bahasa. Bahasa yang digunakan di dalam animasi yang dipilih pengkaji adalah ringkas, mudah difahami, dan mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi kerana berbahasa itu merupakan lambang bagi sesuatu tamadun dan kebudayaan. Sekiranya hilangnya nilai berbahasa maka hilanglah tamadun dan budaya masyarakat itu sendiri.

### **2.3.2 Sejarah Perkembangan Animasi**

Sejarah perkembangan animasi secara amnya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu animasi pada zaman permulaan, zaman sekarang dan zaman masa hadapan.

Pada permulaan animasi, lukisan dihasilkan hanya pada dinding gua mengikut fenomena tertentu. Contohnya pada zaman Paleolitik, masyarakat ketika itu mempunyai kemahiran melakar ukiran, melukis dan menghasilkan mural. Mereka mulai melukis gambar-gambar binatang yang mempunyai kaki yang banyak lakaran tidak bergerak pada dinding gua.

Pada zaman Paleolitik, lukisan dilukis pada dinding gua mengikut fenomena jalan cerita pada zaman tersebut yang dijumpai pada zaman lukisan di dalam gua di mana lukisan binatang yang digambarkan mempunyai banyak kaki dan ditindih satu persatu menjadi satu jalan cerita yang berkembang. Menurut Prashant dan N.Venkateshwara (2009), secara khususnya sejarah perkembangan animasi dapat dilihat menerusi beberapa perkembangan, iaitu:

#### **2.3.2.1 Lukisan Gua**

Pada permulaan animasi, satu proses di mana mengabdikan satu fenomena realiti ke dalam satu lukisan yang tidak bergerak yang boleh ditemui di zaman Paleolitik. Pada zaman tersebut mereka melukis di dinding-dinding gua seperti binatang yang mempunyai kaki yang banyak dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan mereka cuba memindahkan apa yang mereka alami ke dalam satu lukisan yang menggambarkan satu jalan cerita.

### **2.3.2.2 Athens**

Ia merupakan satu seni lakaran terawal yang terdapat pada era pemerintahan kerajaan Greek. Lakaran-lakaran tersebut merupakan ukiran yang timbul yang terletak di dinding Parthenon seperti lakaran yang menceritakan para penunggang kuda yang memecut dengan pantas.

### **2.3.2.3 The Magic Lantern (1671)**

The Magic Lantern merupakan asal-usul terbentuknya projektor pada zaman sekarang. Ianya terdiri daripada lukisan minyak dan lampu dan apabila diletakkan di dalam bilik yang gelap, ini akan menghasilkan satu imej yang besar iaitu tayangan bergerak (slide show) di atas permukaan yang rata.

### **2.3.3.4 Thaumatrope (1824)**

Thaumatrope merupakan satu mainan yang digunakan pada era Victoria. Thaumatrope adalah cakera atau kad yang mempunyai gambar yang berbeza pada setiap sisi yang dilampirkan dengan menggunakan dua utas benang. Apabila tali tersebut ditarik dengan cepat, gambar di kedua-dua belah kad tersebut berpusing dan bergabung membentuk satu imej yang satu.

### **2.3.2.5 Zoetrope (1832)**

Zoetrope merupakan peranti yang dicipta untuk menghasilkan imej yang bergerak. Peranti ini dicipta oleh George Horner. Peranti ini pada dasarnya sebuah silinder dengan belahan tegak disisi. Sekeliling tepi dalam silinder ada siri gambar-gambar di sebelah yang bertentangan dengan belahan. Apabila silinder dipusingkan, gambar-gambar sekeliling kemudiannya kelihatan melalui belahan yang menghasilkan ilusi bergerak.

### **2.3.2.6 Praxinoscope**

Praxinoscope ialah peranti yang dicipta oleh saintis Perancis Charles-Emile Reynaud, peranti ini adalah versi yang lebih canggih daripada Zoetrope. Peranti ini menggunakan mekanisme yang sama iaitu asas jalur imej yang diletakkan di dalam sebuah silinder berputar, tetapi tidak melihat melalui belahan. Imej dilihat dalam siri cermin bergerak di seluruh bahagian dalam silinder dan animasi akan tinggal di tengah dan memberikan imej yang lebih jelas.

### **2.3.2.7 Buku Flip**

Buku flip pertama telah dipatenkan pada tahun 1868 oleh John Barnes Linnet. Buku flip merupakan satu inovasi yang lebih menghampiri kepada teknologi animasi. Buku flip adalah seperti Zoetrope di mana mencipta ilusi gerakan gambar berurutan yang dilihat dalam bentuk pergerakan laju dan tercetus kesan gerakan. Buku flip biasanya disusun secara halaman yang di dalamnya terdapat gambar-gambar yang berbeza mengikut jalan cerita.

### **2.3.2.8 Animasi Tanah Liat**

Stop motion ialah satu pergerakan yang hanya menggunakan objek secara fizikal dan bukannya imej gambar. Objek yang digunakan akan diambil gambar terlebih dahulu kemudian digerakkan sedikit mengikut pergerakan fizikal jalan cerita dan diambil semula gambar untuk pergerakan seterusnya. Apabila gambar-gambar yang diambil digerakkan dan dimainkan semula, objek akan kelihatan bergerak dengan sendirinya.

### **2.3.2.9 Animasi (Computer – generated imagery) CGI**

CGI ialah imej yang dihasilkan melalui komputer grafik, atau lebih khusus iaitu grafik 3D. Pada masa kini animasi CGI masih lagi diperingkat permulaan dengan hanya

beberapa filem animasi daripada Amerika menggunakan teknik CGI. Mungkin pada masa hadapan teknik CGI akan berkembang pesat dan menggantikan animasi yang sedia ada masa kini yang masih bergantung kepada penggunaan pensel dan kertas.

### **2.3.3 Jenis-jenis Animasi**

Jenis-jenis animasi dapat dikategorikan kepada beberapa jenis sejak kewujudannya di awal tahun 20-an. Perkembangan animasi dapat dilihat dengan wujudnya beberapa bentuk animasi yang terdiri daripada :

- i. Animasi Stop-Motion (Stop Motion Animation)
- ii. Animasi Tradisional (Traditional Animation)
- iii. Animasi Komputer (Computer Graphics Animation)

#### **2.3.3.1 Animasi Stop-motion**

Animasi stop-motion merupakan animasi clay iaitu animasi tanah liat di mana perkembangan jenis animasi ini menggunakan tanah liat (clay) sebagai medium objek yang digerakkan. Animasi tanah liat merupakan animasi pertama yang ditemui oleh Stuart Blakton pada tahun 1906 dengan mewujudkan ekspresi wajah animasi pada papan tulis dan diambil gambar dengan menggunakan kamera. Bagi animasi tanah liat (clay), wajah ekspresi animasi yang seterusnya akan diulang semula menggunakan tanah liat kemudian digerakkan bagi mewujudkan ekspresi seterusnya mengikut jalan cerita.

Teknik stop-motion sering digunakan di dalam efek visual pada era 50an dan 60an bahkan sehingga kini teknik stop-motion digunakan di dalam animasi animasi. Contoh animasi yang menggunakan tanah liat seperti Chicken Run, Wallace and Gromit, Nightmare before Christmas, Edward Scissor hands dan lain-lain lagi. Animasi stop-motion merupakan di antara animasi yang memerlukan kesabaran yang tinggi di mana bukan semua pengkarya animasi dapat melakukannya kecuali mereka mempunyai

ketekunan dan kesabaran dan memerlukan masa yang lama untuk menghasilkan satu jalan cerita.

### **2.3.3.2 Animasi Tradisional**

Animasi tradisional merupakan satu teknik yang umum dan diguna pakai sehingga kini. Teknik animasi ini dikembangkan melalui penggunaan celluloid transparent iaitu memiliki teknik yang sama dengan penggunaan transparensi OHP yang sering digunakan. Animasi akan dilukis pada sebuah kertas lut sinar kemudian ditindankan dengan latar belakang yang ingin digunakan seterusnya menjadi satu lakaran bagi sebuah cerita animasi. Animasi tradisional juga dikenali juga sebagai animasi sel atau juga disebut sebagai animasi 2D.

### **2.3.3.3 Animasi Komputer (Computer Graphics Animation)**

Animasi komputer merupakan sejenis animasi yang menggunakan aplikasi atau software komputer. Terdapat dua jenis aplikasi di dalam animasi komputer iaitu visual 3 dimensi (3D) dan visual 2 dimensi (2D). Dimensi berbentuk 3D menggunakan aplikasi Maya, 3D Max dan Lightwave manakala dimensi berbentuk 2D menggunakan Toon Boom dan sebagainya. Setiap produksi yang menghasilkan animasi akan menggunakan aplikasi yang khusus bagi digunakan di dalam pembuatan jalan cerita animasi.

## **2.4 Pengenalan Claymation / Animasi Tanah Liat Arab**

Animasi terdiri daripada pelbagai jenis di mana berkembang dari masa ke semasa melalui proses teknologi terkini. Melalui teknologi yang merentas masa, wujudnya pelbagai bentuk animasi terdiri daripada beberapa jenis iaitu stop motion, claymation, cell animation, time lapse, cut-out animation dan puppet animation. Wujudnya beberapa jenis animasi inilah yang membawa perubahan kepada dunia teknologi animasi yang

yang dihasilkan. Pada masa dahulu, “claymation” disebut dengan “clay animation” dan merupakan nama yang didaftarkan oleh Will Vinton pada tahun 1978 di Amerika. Setiap bahagian “animation” ialah sesuatu benda yang dapat diubah-ubah bentuknya misalnya Wax atau Plastisin Clay.

Teknik animasi “Stop Motion Clay Animation” ialah clay yang merupakan sebutan lain untuk tanah liat. Animasi clay dibuat dengan menggerakkan objek atau model dari boneka ataupun bahan elastik atau boleh ubah yang dibuat dari tanah liat atau tanah liat sintesis. Objek digerakkan sedikit demi sedikit dan kemudian diambil gambarnya satu per satu. Setelah diedit dan disusun, apabila rol filem dijalankan, akan memberikan efek seolah-olah boneka atau model tersebut bergerak. Contoh animasi yang menggunakan teknik ini adalah Nightmare Before Christmas dan sebagainya.

Penghasilan animasi tanah liat Arab masih mengekalkan ciri-ciri tradisional iaitu penggunaan tanah liat dan kamera sebagai asas pembikinan animasi. Penghasilan animasi tanah liat Arab masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan animasi tanah liat Barat dari pelbagai aspek seperti penghasilan kesan bunyi, penggunaan teknik komputer berteknologi tinggi, teknik tiga dimensi (3D), dua dimensi (2D) dan sebagainya. Hal ini kerana perkembangan animasi tanah liat Arab agak terbatas dan masih ditahap permulaan berbanding animasi tanah liat Barat yang seiring dengan peredaran zaman. Permasalahan ini berlaku kerana kurang tenaga pakar Arab di dalam bidang penghasilan animasi. Mungkin pada masa akan datang, para pengkarya Arab mampu menghasilkan dan menerbitkan animasi tanah liat yang setanding dengan negara Barat dari sudut kualiti penghasilannya.

Walaupun bagaimanapun, aspek yang perlu diketengahkan bagi setiap animasi adalah penghasilan kualiti bahasa dan jalan cerita yang menarik. Animasi tanah liat Arab menitikberatkan nilai-nilai murni masyarakat Arab Islam serta penekanan terhadap penggunaan bahasa Arab standard. Ini merupakan suatu kelebihan animasi Arab



berbanding dengan animasi negara Barat yang berunsur hiburan semata-mata. Kesimpulannya, animasi tanah liat Arab amat penting kerana menonjolkan nilai-nilai murni Islam serta penggunaan bahasa Arab standard yang dapat membantu para pelajar meningkatkan pemahaman makna konteks sesuatu ujaran.

## **2.5 Penutup**

Kesimpulannya, pragmatik merupakan suatu bidang yang mengkaji maksud yang dikehendaki oleh penutur dan difahami oleh pendengar di dalam konteks suatu ujaran. Oleh hal demikian, kajian bidang pragmatik dan balaghah mempunyai perkaitan di dalam beberapa tajuk seperti *الإِسْتِفْهَام، بِحَازِ عَقْلِي، التَّشْبِيهِ، الْمُسْنَد* dan sebagainya seperti yang diberikan perincian oleh pengkaji sebelumnya. Selain itu, konsep kesopanan bahasa amat lebih luas tafsirannya dan tidak terbatas kepada tutur kata sahaja berbanding kepada konsep kesantunan berbahasa yang lebih fokus kepada tutur kata yang sopan. Di dalam animasi dapat dilihat dengan jelas konsep kesopanan berbahasa digunakan selari dengan nilai-nilai murni masyarakat Arab. Selain itu, terdapat pelbagai animasi yang wujud pada masa kini seperti animasi tanah liat dan sebagainya. Walaubagaimanapun, penggunaan bahasa Arab standard amat penting bagi menilai kesopanan yang ada di dalam animasi tersebut.

## **BAB TIGA**

### **Metodologi Kajian**

#### **3.0 Pengenalan**

Kajian ini merupakan analisis terhadap teks lisan untuk melihat konsep kesopanan berbahasa yang terdapat di dalam animasi tanah liat Arab yang sesuai diketengahkan kepada para pelajar. Nilai-nilai mulia seperti ayat memuji, mulia dan berhemah amat sesuai dijadikan panduan dan tauladan.

#### **3.1 Kerangka Teori**

Pengkaji menggunakan Prinsip Kesopanan Leech sebagai landasan kajian. Di dalam teori Leech (1993) dipetik dari Siti Hajar Abdul Aziz (2010, 54-59), Leech mengemukakan pendapat beliau mengenai nilai-nilai kesopanan yang terdapat di dalam sesuatu masyarakat. Prinsip Kesopanan mempunyai enam maksim iaitu:

a) Maksim Santun

Terdapat dua jenis Maksim Santun iaitu:

i) Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos bagi orang lain, iaitu kos yang ditanggung oleh orang lain dari tindakan penutur. Contoh yang diberi pengkaji adalah seperti berikut:

Ahmad ingin meminjam wang dari kawannya Iqbal, maka ujaran Ahmad adalah seperti berikut: “ Kalau tidak keberatan Iqbal....Saya ingin meminjam wang dari awak. Itupun kalau tidak menjadi masalah bagi awak.” Ujaran Ahmad adalah untuk meminimumkan kos yang ditanggung oleh Iqbal kerana tindakan beliau ingin meminjam wang dari Iqbal. Oleh hal demikian, ujaran Ahmad dikira sebagai Maksim Santun Negatif.

ii) Maksim Santun positif iaitu maksimumkan manfaat bagi orang lain. Maksim ini lebih berpusatkan kepada orang lain. Ia bermaksud ujaran penutur memberi manfaat

kepada orang lain. Contoh yang diberi pengkaji akan menerangkan perihal Maksim Santun Positif adalah seperti berikut:

Ujaran berbentuk pujian oleh Aisyah Faranaz terhadap kawannya semasa menyambut hari lahir. “Selamat Hari Lahir Haslina, Semoga Allah panjangkan umur awak, dimudahkan rezeki dan hidup awak diberkati.” Ujaran yang dituturkan oleh Aisyah Faranaz memaksimumkan pujian dan memberi kesan positif kepada rakannya Haslina.

b) Maksim Kedermawaan

Terdapat dua jenis Maksim Kedermawaan iaitu:

i) Maksim Kedermawaan negatif iaitu minimumkan manfaat bagi diri sendiri. Ia bermaksud ujaran yang dituturkan oleh penutur memberi manfaat terhadap orang lain.

Contoh yang dibawah dapat menerangkan maksud Maksim Kedermawaan Negatif:

“Insyallah, esok saya akan pinjamkan kereta saya kepada awak”.

Ujaran yang dituturkan meminimumkan manfaat bagi penutur kerana kos yang ditanggung oleh beliau kerana meminjamkan kereta. Akan tetapi, ujaran tersebut memberi manfaat kepada pendengar yang mengimplikasikan kos dari penutur. Oleh hal demikian, ujaran tersebut dikira lebih sopan dan mematuhi Maksim Kedermawaan Negatif.

ii) Maksim Kedermawaan positif iaitu memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Maksim ini lebih berpusatkan kepada diri sendiri. Ia bermaksud ujaran oleh penutur memaksimumkan kos yang ditanggung oleh beliau. Contoh ayat di bawah menerangkan Maksim Kedermawaan Positif:

“Saya harap awak dapat datang ke rumah saya dan menikmati makan malam bersama keluarga saya”.

Ujaran tersebut memaksimumkan kos yang ditanggung oleh penutur itu sendiri kerana mempelawa rakannya datang ke rumah. Ini menunjukkan kedermawaan beliau memaksimumkan kos yang ditanggung dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada pendengar.

#### c) Maksim Sokongan

Terdapat dua jenis Maksim Sokongan iaitu:

i) Maksim Sokongan negatif iaitu minimumkan cacian terhadap orang lain. Contohnya ujaran yang dituturkan oleh Ahmad terhadap rakannya Jalal.

Contohnya: “Persembahan nasyid awak bagus akan tetapi saya rasa awak boleh lakukan dengan lebih baik lagi”

Ujaran yang dituturkan bertujuan meminimumkan cacian terhadap persembahan nasyid yang kurang memberangsangkan. Kritikan yang dituturkan oleh Ahmad adalah sebagai satu nasihat agar persembahan Jalal akan lebih baik di masa hadapan.

ii) Maksim Sokongan positif iaitu memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Maksim Sokongan ini boleh bersifat tidak jujur jika ujaran yang dilafazkan bertujuan untuk mengampu.

Contoh dibawah menerangkan Maksim Sokongan positif:

“Awak cantik seperti bulan purnama yang menerangi di malam hari”. Penutur memaksimumkan pujian dengan perumpamaan kecantikan paras rupa seperti bulan purnama. Penutur perlu bersifat jujur dan ikhlas memuji seseorang dan tidak bertujuan mengampu untuk kepentingan diri sendiri.

#### d) Maksim Kerendahan Hati

Terdapat dua jenis Maksim Kerendahan Hati iaitu:

i) Maksim Kerendahan Hati negatif iaitu minimumkan pujian terhadap diri sendiri. Contohnya, Azmi: “Saya bukanlah orang kaya tetapi saya mampu membahagiakan awak”

Zeti : “Tidak semua orang di dunia sempurna”

Ujaran petikan di atas jelas menunjukkan kerendahan hati Azmi meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dengan menyatakan beliau seorang yang sederhana dan tidak kaya. Akan tetapi, beliau mampu memberikan kebahagiaan kepada Zeti sepertimana orang lain memberikan kebahagiaan kepada seorang isteri.

ii) Maksim Kerendahan Hati positif iaitu maksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim Kerendahan Hati menunjukkan sifat yang lebih beradab dan sopan.

Contohnya: “Teruknya saya, sudah dua kali saya gagal dalam ujian memandu.”. Ujaran di atas menunjukkan kerendahan hati positif dengan menyalahkan diri sendiri. Cacian ini adalah kerana kegagalan penutur melepasi ujian memandu.

e) Maksim Persetujuan

Terdapat dua jenis Maksim Persetujuan iaitu:

i) Maksim Persetujuan negatif iaitu minimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain. Contohnya ujaran Ahmad terhadap Hashim di atas kematian neneknya:

“ Takziah di atas kematian nenek awak, semoga rohnya bersama para nabi.”

Ujaran tersebut menunjukkan persetujuan Ahmad di atas kematian nenek Hashim bertujuan meminimumkan perbalahan dengan Hashim. Di samping itu, beliau mendoakan agar rohnya dicucuri rahmat dan ini merupakan cara yang sopan akibat kos yang ditanggung oleh Hashim.

ii) Maksim Persetujuan positif iaitu maksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Contohnya ujaran Ibrahim terhadap Halim:

“Betul..saya sememangnya bersetuju dengan pendapat awak”

Ujaran yang dituturkan oleh Ibrahim bertujuan memaksimumkan persetujuan dengan Halim dengan penggunaan perkataan “Betul”.

f) Maksim Simpati

Terdapat dua jenis Maksim Simpati iaitu:

i) Maksim Simpati negatif iaitu meminimumkan kebencian antara diri sendiri dengan orang lain. Ia bermaksud ujaran yang dituturkan adalah untuk mengelak daripada berlakunya perbalahan atau menimbulkan masalah. Contohnya:

Guru : “ Cikgu mahu awak pergi ke tandas dan basuh muka”

Zali : “Baik cikgu”

Ujaran guru tersebut bertujuan meminimumkan kebencian antara beliau dengan muridnya. Hal ini kerana murid tersebut telah tertidur di dalam kelas semasa sesi pengajaran.

ii) Maksim Simpati positif iaitu memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Contohnya ujaran Asiah terhadap Zainab kerana tidak bernasib baik pada hari itu:

“Sungguh malang nasib yang menimpa ke atas diri awak”

Ujaran yang dituturkan oleh Asiah memaksimumkan simpati terhadap diri Zainab dengan menggunakan ujaran “Sungguh malang...” pada permulaan ayat.

### **3.2 Metodologi Pengumpulan Data**

Di dalam kajian ini, data dimuat turun daripada laman sesawang <http://media-pengajian.blogspot.com/p/animasi-islam.html>. Di dalam halaman tersebut, animasi tanah liat diletakkan di dalam empat bahagian yang khusus iaitu kisah para Nabi merangkumi 20 tajuk, cerita di dalam al-Quran merangkumi 23 tajuk, kisah para sahabat Nabi

merangkumi 8 tajuk, dan kisah orang yang dijamin syurga merangkumi 12 tajuk. Walau bagaimanapun, terdapat dua bahagian yang mengkhususkan kepada animasi biasa iaitu, 17 tajuk yang berkaitan hukum-hukum di dalam al-Quran dan 25 tajuk yang dipetik daripada hadis Nabi.

Data yang digunakan dalam kajian ini ialah satu tajuk dari kisah orang yang dijamin syurga dan satu tajuk dari kisah para nabi. Kajian rintis dilakukan dengan memilih tajuk ‘Gua Thur’ dan ‘Siti Fatimah’ yang berdurasi selama 30 minit setiap satu dan transkripsi memakan masa selama 5 jam setiap satu tajuk. Transkripsi dilakukan setelah selesai melihat animasi tersebut sebanyak enam kali dan proses ini dilakukan dengan berhati-hati secara manual sebelum ditulis semula menggunakan komputer.

Pengkaji menggunakan transliterasi bahasa Arab yang dikeluarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya. Setelah selesai menjalani proses transkripsi, analisis dijalankan mengikut enam Maksim di dalam Prinsip Kesopanan Leech.

### **3.3 Metodologi Analisis Data**

Analisis animasi tanah liat Arab dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan memaparkan peratusan data yang diperolehi serta menyediakan rajah dan jadual sebagai bukti sokongan. Prinsip Kesopanan Leech (1993) digunakan bagi memaparkan dan menghuraikan fenomena yang berlaku mengikut dua tajuk yang dipilih. Contoh-contoh di dalam animasi tersebut dikeluarkan dan dianalisis secara terperinci dari aspek-aspek kesopanan yang wujud di kalangan masyarakat Arab seperti penggunaan sistem panggilan, ungkapan rabbani dan sebagainya. Hal ini agar dapat melihat konsep

kesopanan di dalam bahasa Arab dengan lebih jelas dan teratur. Analisis terbahagi kepada dua iaitu:

i) Analisis mengikut tajuk

Analisis dijalankan mengikut dua tajuk yang dipilih. Ujaran-ujaran yang terdapat di dalam animasi dikeluarkan dan dianalisis seiring dengan maksim Kesopanan Leech.

ii) Analisis keseluruhan

Pengkaji akan melihat kedua-dua animasi tersebut dan menganalisis mengikut maksim yang banyak digunakan secara keseluruhan. Justifikasi analisis ini dijalankan adalah melihat unsur maksim paling menonjol seperti Maksim Santun dan sebagainya.

### **3.4 Penutup**

Di dalam bab ini dapat dilihat Prinsip Kesopanan Leech sebagai landasan kajian pengkaji yang terdiri daripada enam maksim. Selain itu, penerangan oleh pengkaji mengenai metod pengumpulan data yang dipilih serta bagaimana data yang dianalisis di dalam animasi tersebut.



## **BAB EMPAT**

### **Analisis Data**

#### **4.0 Pengenalan**

Di dalam bab empat, membicarakan analisis mengikut enam maksim Prinsip Kesopanan Leech. Perincian setiap perbualan dilakukan mengikut aspek-aspek yang menonjol di dalam animasi tersebut seperti aspek pengulangan, taraf sosial, sistem panggilan, ungkapan rabbani, kata tanya, ungkapan doa dan sebagainya. Tidak semua aspek tersebut terdapat di dalam setiap analisis perbualan pengkaji. Pengkaji melihat aspek-aspek yang paling menonjol dan mematuhi maksim yang terdapat di dalam Prinsip Kesopanan Leech dianalisis dengan terperinci agar mudah difahami.

#### **4.1 Sorotan ringkas tajuk-tajuk animasi**

Pemilihan tajuk oleh pengkaji amat sesuai diketengahkan kepada para pelajar seperti Siti Fatimah az-Zahra r.a dan Gua Thur. Setiap tajuk yang dianalisis, pengkaji menyetengahkan serba ringkas cerita atau sepintas lalu setiap cerita agar para pelajar mengetahui jalan cerita bagi setiap tajuk di dalam animasi tersebut.

##### **4.1.1 Siti Fatimah az-Zahra**

Siti Fatimah az-Zahra r.a merupakan puteri bongsu kepada Nabi Muhammad s.a.w bersama Siti Khadijah r.a. Kelahiran Siti Fatimah az-Zahra r.a merupakan satu rahmat kepada Rasulullah s.a.w dan isterinya Siti Khadijah r.a. Siti Fatimah az-Zahra r.a dilahirkan di Makkah, pada hari Jumaat, 20 Jamadil Akhir, lima tahun sebelum Rasulullah s.a.w diangkat menjadi Rasul.

Siti Fatimah az-Zahra adalah puteri bongsu yang paling disayangi dan dikasihani Nabi Muhammad s.a.w. Puteri bongsunya itu adalah puteri yang paling berkenan di hati baginda dan yang paling dekat di sisinya sepanjang masa. Beliau Siti Fatimah az-Zahra

r.a merupakan puteri kesayangan Nabi s.a.w. mendapat gelaran al-Siddiqah (wanita yang dipercayai), al-thahi:hirah (wanita suci) al-Muba:rakah (yang diberkati Allah) dan yang sering disebut adalah Fatimah az-Zahra' (bunga yang mekar semerbak). Dia juga digelar al-Batuul, mempunyai makna memusatkan perhatiannya pada ibadah atau tiada bandingnya dalam hal keutamaan, ilmu, akhlak, adab, hasab dan nasab. Demikian besar rasa cinta Rasulullah s.a.w kepada puteri bongsunya itu dibuktikan dengan Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. Menurut Hadis tersebut, Rasulullah s.a.w bersabda kepada Sayyidina: 'Ali r.a bermaksud:

"Wahai Ali, sesungguhnya Fatimah adalah sebahagian dari aku. Dia adalah cahaya mataku dan buah hatiku. Barang siapa menyusahkan dia, ia menyusahkan aku, dan siapa yang menyenangkan dia, ia menyenangkan aku".

Penyataan baginda s.a.w itu bukan sekadar cetusan emosi, melainkan suatu penegasan bagi umatnya, bahawa puteri baginda itu merupakan lambang keagungan peribadi yang ditinggalkan di tengah umatnya. Siti Fatimah az-Zahra' r.a membesar di bawah naungan wahyu Ilahi, di tengah kancah pertarungan sengit antara Islam dan jahiliah, di kala sedang hebatnya para pejuang Islam melawan penyembah berhala orang kafir Quraish.

Sewaktu Siti Fatimah r.a masih kanak-kanak, dia sudah pun merasai dan mengenali erti kesusahan, penderitaan dan pahit getir menegakkan kebenaran dan keadilan umat Islam. Walaupun masih kecil dan tidak mampu berbuat apa-apa namun hati Siti Fatimah r.a tetap teguh bersama-sama ayah dan bondanya melalui kehidupan yang pahit getir. Lebih tiga tahun dia merasai penderitaan, merasakan kelaparan dan kehausan apabila ayah dan bondanya di buang daerah oleh orang-orang kafir Quraish. Penderitaan serta kesedihan

tidak bertanggung berterusan apabila wafatnya bonda tersayang iaitu Siti Khadijah r.a selepas tiga tahun penderitaan mereka.

Ketika masih kanak-kanak, Siti Fatimah az-Zahra' r.a menyaksikan sendiri ujian-ujian getir yang dialami oleh ayahanda dan bondanya, baik berupa gangguan-gangguan, mahupun penganiayaan-penganiayaan yang dilakukan orang-orang kafir Quraish. Suasana perjuangan umat Islam dan keluarganya itu membekas sedalam-dalamnya pada jiwa Siti Fatimah az-Zahra' r.a di dalam pembentukan peribadinya iaitu dari segi mental, fizikal dan rohani. Setelah ibundanya wafat, Siti Fatimah Az-Zahra' r.a hidup bersama satu-satunya orang yang paling dicintai iaitu ayahandanya Nabi Muhammad s.a.w. Siti Fatimah r.a merupakan orang yang menjadi tempat pengubat luka lara Nabi Muhammad s.a.w.

Jiwa Siti Fatimah az-Zahra' penuh dengan kesabaran dan ketabahan kerana dia sering melihat ayahnya diseksa oleh orang Quraish. Namun jauh dilubuk sanubari, dia merasa sedih ayahnya diperlakukan kejam oleh orang Quraish dengan menyaksikan ayahandanya pulang dengan tubuh penuh dengan kotoran kulit janin unta dan najis. Namun begitu, Rasulullah tetap memperlengkapkan rohani anakanda beliau dengan semangat juang yang tinggi menegakkan syiar agama Islam tercinta.

Sejarah menyaksikan bahawa Fatimah puteri Rasulullah adalah seorang wanita mulia yang menempuh berbagai ujian dan memerlukan pengorbanan yang cukup besar dalam hidupnya. Walaupun beliau adalah puteri Rasulullah s.a.w, namun hidupnya bukannya dilitupi dengan kemewahan, kesenangan dan kebanggaan, akan tetapi hanyalah dengan kemiskinan dan kesusahan. Siti Fatimah az-Zahra' telah berkahwin dengan Sayyidina

Ali. Siti Fatimah az-Zahra telah meninggal dunia sewaktu umurnya 28 tahun selepas lima bulan wafatnya baginda Nabi Muhammad s.a.w.

#### **4.1.2 Gua Thur**

Gua Thur juga dikenali dengan Jabal Thawr di dalam bahasa Arab merupakan gua yang menjadi tempat persembunyian Nabi Muhammad s.a.w bersama-sama dengan Sayyidina Abu Bakar. Gua Thur atau dikenali sebagai Gunung Lembu Jantan terletak di tanah rendah Mekah yang menjulur ke selatan daerah Misfalah. Gunung ini juga terletak kira-kira 4 km di sebelah selatan Masjidil Haram. Tinggi gunung dari aras laut adalah 748 meter, manakala dari aras bumi iaitu 458 meter. Pintu timur Gua Thur atau Ghar al-Thawr tingginya 1.25 meter, manakala lebar pintu guanya adalah 3.5 m X 3.5 m. Gua tersebut memiliki 2 pintu iaitu disebelah barat dan sebelah timur.

Gua Thur banyak menyimpan sejarah pahit getir Rasulullah s.a.w dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh umat manusia di mana pada malam hari 26 Safar 1 Hijrah bersamaan (9 September 622) Nabi Muhammad s.a.w dan Sayyidina Abu Bakar telah meninggalkan rumah dan berhijrah ke Madinah. Sebelum itu, Nabi Muhammad s.a.w telah meminta Sayyidina Ali Bin Abi Talib r.a menggantikannya tidur di atas katil. Rasulullah s.a.w telah mendapat petunjuk dari Allah S.W.T supaya keluar pada malam hari untuk memastikan orang Quraish tidak membunuhnya.

Pada ketika itu, Rasulullah s.a.w bersama Sayyidina Abu Bakar bertolak ke arah selatan untuk ke Gua Thur. Mereka berdua telah menyembunyikan diri di dalam Gua Thur dan menggunakan pintu di sebelah Barat untuk masuk ke dalam gua. Pintu gua barat tingginya hanya 1 meter dan lebih kecil daripada pintu di sebelah timur. Mereka berdua

telah menyembunyikan diri selama tiga hari tiga malam dan selama mereka berada di dalam gua, Aisyah dan Asma' iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar yang bertanggungjawab menghantar makanan kepada mereka. Di dalam animasi ini dapat dilihat watak-watak penting berkaitan dengan peristiwa di gua Thur seperti watak Abu Hakam atau dikenali sebagai Abu Jahal. Beliau merupakan ketua pemimpin Quraish yang paling berpengaruh di Kota Mekah dan lantang menentang dakwah yang disebarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sehingga memaksa Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar r.a berselindung di gua Thur. Hal ini kerana para pemimpin Arab Quraish telah mengeluarkan perintah agar Nabi Muhammmad s.a.w dan pengikutnya dihapuskan dari bumi Mekah.

Di dalam animasi ini, terdapat watak-watak penting seperti Abdullah dan Amir yang membantu menyediakan unta dan memberi petunjuk jalan ke Madinah selepas kegagalan menangkap Nabi Muhammad s.a.w di Mekah. Di samping itu, pertolongan dari Allah S.W.T yang mengutuskan dua ekor binatang iaitu labah-labah dan juga burung merpati membantu menghilangkan jejak Nabi Muhammad s.aw dan Abu Bakar r.a. Oleh hal demikian, para penunggang kuda dari kaum kafir Arab tidak berjaya menemui mereka berdua disebalik gua Thur.

Bertitik tolak dari peristiwa ini, maka bermulalah penghijrahan besar-besaran umat Islam ke Madinah dan disambut dengan penuh gilang-gemilang oleh penduduk Madinah yang terdiri dari kaum Ansar. Maka kaum Ansar Madinah bersatu dengan kaum Muhajirin Mekah membentuk satu ikatan yang kuat sehinggakan terdapat dikalangan kaum Ansar sanggup memberi tempat tinggal, makanan dan juga pakaian kepada kaum Muhajirin Mekah.

## 4.2 Analisis Animasi Tanah Liat Gua Thur mengikut Maksim

Analisis dilakukan mengikut Prinsip Kesopanan Leech iaitu Maksim Santun, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Sokongan, Maksim Persetujuan, Maksim Kedermawaan dan Maksim Simpati.

### 4.2.1 Maksim Santun

Kesopanan negatif iaitu meminimumkan kos bagi orang lain dan kesopanan positif ialah memaksimumkan manfaat bagi orang lain.

#### Konteks 1 : Perbualan seorang pengawal dengan pemimpin Quraish Abu Lahab.

Pengawal : أَهْلًا أَهْلًا، تَفَضَّلْ تَفَضَّلْ

: Ahlan, ahlan, tafaddal tafaddal.....

: Selamat datang, selamat datang. Silakan, silakan

Abu : هُوَ... هُوَ

Lahab : Hu:h

: Huh

Petikan ini berlangsung semasa perjumpaan ahli tertinggi Quraish di Kota Mekah. Pengawal itu menyapa Abu Lahab di pintu utama Dar al-Nadwah. Ujaran pengawal tersebut mamatuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos yang ditanggung oleh Abu Lahab. Maksud kos yang ditanggung oleh Abu Lahab ialah beliau perlu menghadiri mesyuarat di kalangan pemimpin Quraish. Oleh hal demikian, pengawal itu perlu menjaga tuturan dengan memulakan ujaran sapaan iaitu أَهْلًا أَهْلًا، تَفَضَّلْ تَفَضَّلْ

bermaksud “Selamat datang, selamat datang. Silakan, silakan” sebagai meraikan kedatangan beliau ke majlis itu.

Pengulangan ayat oleh pengawal itu dianggap sebagai sangat mengalu-alukan kedatangan Abu Lahab ke majlis Dar-Nadwah. Hal ini merupakan satu cara menunjukkan keprihatinan dan kesopanan pengawal itu apabila berkomunikasi. Maka Abu Lahab mendengar ujaran berikut yang memberi kesan positif kepada beliau agar berasa selesa dan gembira. Aspek pengulangan merupakan sebagai salah satu cara untuk memberi kesan kepada pendengar agar peka dengan apa yang diberitahu.

Pengulangan tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada pendengar, akan tetapi merupakan cara yang sopan ketika permulaan bicara. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam animasi tanah liat Arab iaitu pada permulaan bicara, kadang-kadang mereka menggunakan ayat pengulangan sebagai satu strategi komunikasi. Pengawal itu pula berbicara menggunakan bahasa santun yang tinggi kerana beliau bertutur dengan mereka yang berstatus tinggi dalam masyarakat Arab Quraish. Oleh hal yang demikian, pengawal tersebut meminimumkan kos kerugian kepada Abu Lahab, manakala tindakan Abu Lahab hanya mengeluarkan bunyi “huh” sebagai tanda menyahut sapaan pengawal tersebut.

Tindakan Abu Lahab tidak mematuhi Maksim Santun kerana beliau meminimumkan manfaat bagi orang lain iaitu pengawal. Abu Lahab menganggap beliau tidak perlu menjaga nilai kesantunan apabila bertutur dengan seorang pengawal kerana beliau mempunyai status sosial sebagai salah seorang ketua di kalangan kaum Kafir Mekah. Justeru, beliau tidak perlu menjaga nilai kesantunan kerana beliau adalah seorang ketua bagi penduduk Mekah. Kemungkinan sikap yang sebegini akan memperlihatkan diri beliau sebagai seorang yang perlu digeruni.

**Konteks 2 : Perbualan di antara pengawal dengan syaitan yang berupa manusia.**

Pengawal : تَفَضَّلْ تَفَضَّلْ يَا سَيِّدِي تَفَضَّلُوا تَفَضَّلُوا مَرْحَبًا بِكَ وَلَكِنَّ مَنْ أَنْتَ يَا سَيِّدِي؟ هَلْ أَنْتَ

مِنْ سَادَةِ قُرَيْشٍ؟ أَنَا لَا أَعْرِفُكَ وَمَنْ أَرَكَ مِنْ قَبْلُ

: Tafaddal, tafaddal ya sayyidi: tafaddalu: tafaddalu:, marhaban bika wa la:kin...man anta ya sayyidi:?. Hal anta min sa:dati Quraish?, ana: la: ‘arifuka wa lam ara:ka min qabl.

: Silakan, silakan wahai tuan (saya). Selamat datang diucapkan kepada kamu semua. Silakan kamu semua, silakan kamu semua. Selamat datang diucapkan kepada awak. Akan tetapi, siapakah awak wahai tuan/encik (saya) ini?. Adakah tuan dari kalangan pemimpin kaum Quraish?. Saya tidak pernah mengenali dan melihat tuan sebelum ini.

Pemuda : إِيَّاكَ عَنِّي كَيْفَ لَا تَعْرِفُنِي وَأَنَا الَّذِي يَعْتَبِرُ الْجَمِيعَ بِأَمْرِي....

Hayka ‘anni:, kayfa la: t‘arifuni: wa ana: alladhi: ya‘tabiru al-jami’ bi-amri:

Jauhi dirimu dariku, bagaimana kamu tidak mengetahuiku sedangkan aku seorang yang diikuti ramai dengan suruhanku....

Petikan ini berlaku sebelum berlangsungnya mesyuarat di Dar al-Nadwah. Perbualan tersebut antara seorang pemuda (syaitan) dengan seorang pengawal di pintu utama dewan mesyuarat. Ujaran pengawal di atas mematuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos bagi pemuda (syaitan). Maksud meminimumkan kos dalam konteks perbualan ini adalah kos yang ditanggung oleh pemuda itu kerana kedatangan beliau tidak dijemput ke mesyuarat itu. Oleh hal demikian, ujaran pengawal itu sebagai mengalu-alukan kedatangan pemuda itu agar beliau berasa selesa berbicara dengan pengawal itu. Ucapan aluan oleh pengawal itu sebagai satu permulaan yang sopan dan



santun walaupun beliau tidak mengetahui nama pemuda tersebut iaitu “مَرْحَبًا بِكَ وَلَكِنَّ مَنْ”  
“أَنْتَ يَا سَيِّدِي؟”.

Dalam perbualan ini, pengawal tersebut menggunakan pengulangan “تَفَضَّلْ تَفَضَّلْ” dalam  
ujaran ketika beliau berbicara dengan seorang pemuda yang tidak dikenali (syaitan)  
merupakan kesopanan tinggi yang ditunjukkan oleh pengawal itu sebagai permulaan  
sapaan. Beliau berhati-hati ketika berkomunikasi dengan seorang lelaki yang tidak  
pernah dilihat dan kenali sebelum ini agar tidak timbul perselisihan faham.

Di samping itu, pemuda itu iaitu syaitan tersebut mematuhi Maksim Santun negatif di  
mana ujaran beliau “إِلَيْكَ عَنِّي كَيْفَ لَا تَعْرِفُنِي وَأَنَا الَّذِي يَعْتَبِرُ الْجَمِيعَ بِأَمْرِي...” bermaksud  
“Jauhi dirimu dariku, bagaimana engkau tidak mengetahui aku sedangkan aku dikenali  
ramai dengan segala suruhanku?”. Oleh hal demikian, ujaran tersebut bersifat  
meminimumkan kos bagi pengawal tersebut. Maksud meminimumkan kos dalam  
konteks ujaran ini adalah kos yang ditanggung oleh pengawal itu akibat tidak  
mengetahui dan mengenali pemuda itu (syaitan). Pengawal tersebut menggunakan kata  
ganti yang sesuai terhadap pemuda itu. Beliau menggunakan perkataan ‘سَيِّدِي’ iaitu  
bermaksud “tuan saya atau encik saya secara literal” sebagai menghormati pemuda  
tersebut.

### **Konteks 3 : Perbualan seorang pengawal dengan encik atau tuan Aba Hakam**

Aba : كَيْفَ حَالُكَ أَيُّهَا الْقَيِّمُ وَالْخِدْمَةُ دَارِ النَّدْوَةِ؟

Hakam : Kayfa haluka ya ayyuha al-qayyim wa khidmat dar al-Nadwat?  
: Apa khabar wahai seorang lelaki penting dan berkhidmat kepada Dar al-Nadwah?

Petikan ini berlangsung semasa kedatangan Aba Hakam dan beliau menyapa pengawal di luar pintu masuk ke tempat mesyuarat. Dalam perbualan ini, Aba Hakam mematuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos ditanggung oleh pengawal. Maksud meminimumkan dalam konteks perbualan ini adalah kos yang ditanggung kerana beliau seorang pengawal yang tidak mempunyai jawatan penting di kalangan pemimpin Quraish.

Di samping itu, beliau terlebih dahulu menyapa pengawal itu sebelum memasuki ke dalam dewan dengan bertanya khabar terhadap pengawal iaitu **كَيْفَ حَالُكَ أَيُّهَا الْقَيِّمُ** وَخِدْمَةُ دَارِ النَّدْوَةِ؟. Keprihatinan Aba Hakam terhadap pengawal itu dapat mengurangkan perasaan rendah diri iaitu meminimumkan kos dalam diri pengawal tersebut. Walaupun Aba Hakam salah seorang daripada ketua kaum Quraish, ujaran beliau terhadap pengawal tersebut sangat sopan dan tidak seperti ketua-ketua Arab Quraish yang lain. Ujaran pengawal tersebut juga memenuhi Maksim Santun negatif kerana pengawal tersebut mengetahui dengan siapa beliau berbicara.

**Konteks 4 : Abdullah datang ke rumah Amir menceritakan tentang penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w.**

Amir : **وَلَكِنَّ، مَا الَّذِي أَتَى بِكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ فِي هَذَا الْمَسَاءِ؟**  
: Wa la:kin, man alladhi: ata: bika ya Abdullah fi hadha: al-masa:’?

: Akan tetapi, apa yang mendorong awak datang pada petang ini wahai Abdullah?

Abdullah : جِئْتُ لِأَمْرِ خَطِيرٍ

: Ji'tu li amrin khati:r

: Saya datang kerana perkara penting.

Petikan ini berlaku semasa Abdullah datang ke rumah Amir untuk menceritakan penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. Pertuturan Amir mematuhi Maksim Santun positif iaitu memaksimumkan manfaat bagi sahabat beliau Abdullah dengan ujaran مَا الَّذِي أَتَى

بِكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ فِي هَذَا الْمَسَاءِ؟. Maksud memaksimumkan manfaat dalam konteks ujaran ini

adalah manfaat yang akan diterima Abdullah adalah beliau berasa selesa dan tenang hati ketika memulakan bicara. Maka Amir memulakan perbualan dengan Abdullah dengan menggunakan kata tanya مَا bermaksud “Apa” semasa bertanya kepada Abdullah dan

tidak menggunakan kata tanya “Kenapa” contohnya “لِمَ أَتَيْتَ هُنَا؟” bermaksud

“Kenapa awak datang ke sini”. Hal ini kerana kata tanya لِمَ tidak sesuai digunakan

pada ketika itu. Gaya bahasa مَا الَّذِي أَتَى بِكَ dilihat sangat sesuai dengan situasi yang

berlaku.

Ujaran tidak terus Amir menunjukkan ketinggian nilai kesopanan yang ditonjolkan ketika mempersoalkan kedatangan Abdullah. Amir tidak tergapah-gapah dan tidak terus bertanya secara melulu kerana beliau sedar mungkin kelihatan agak tidak beradab. Oleh hal yang demikian, perbualan kedua-dua sahabat Nabi mematuhi Maksim Santun positif.

**Konteks 5 : Perbualan di antara Abdullah dengan isteri Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq di rumah beliau.**

Abdullah : أَيْنَ أَبُو بَكْرٍ؟

: Ayna Abu Bakr?

: Di manakah Abu Bakar?

Isteri Abu : وَلَكِنْ مَا الَّذِي أَتَى إِلَيْنَا الْآنَ؟

Bakar : Wala:kin ma alladhi: ata: ilayna al-a:n?

: Akan tetapi, apa yang mendorong awak kepada kami sekarang ini?

Abdullah : سَيِّدِي أُرْسَلَ فِي إِخْبَارِهِ, أَيْنَ هُوَ؟

: Sayyidi: arsala fi: ikhba:rihi, ayna huwa?

: Tuan saya (Nabi Muhammad s.a.w) mengutus saya untuk menyampaikan suatu berita, di manakah dia (Abu Bakar)?

Perbualan di atas berlangsung di rumah Sayyidina Abu Bakar r.a antara Abdullah dengan isteri Sayyidina Abu Bakar r.a. Perbualan di atas mematuhi Maksim Santun positif iaitu ujaran isteri Abu Bakar r.a memaksimumkan manfaat terhadap Abdullah iaitu **وَلَكِنْ مَا الَّذِي أَتَى إِلَيْنَا؟**. Maksud memaksimumkan manfaat dalam konteks ujaran ini

adalah manfaat yang diterima Abdullah iaitu beliau berasa selesa dan tenang hati ketika memulakan bicara kerana beliau sedang sibuk menguruskan penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w dengan Abu Bakar r.a. Isteri Abu Bakar menggunakan kata tanya **مَا**

bermaksud “Apa” menggantikan kata tanya لِمَاذَا. Hal ini kerana, kata tanya مَا dilihat lebih sopan dan beradab berdasarkan kepada konteks perbualan.

Ujaran tersebut memaksimumkan manfaat bagi Abdullah agar belisu menceritakan lebih lanjut tujuan beliau datang ke rumah Sayyidina Abu Bakar r.a. Oleh hal demikian, ujaran tersebut menggambarkan ketinggian beliau ketika berbicara dengan Abdullah. Justeru, pada perbualan ini kita dapat melihat apabila gaya bahasa وَلَكِنْ مَا الَّذِي أَتَى إِلَيْنَا؟ adalah sangat sopan digunakan bagi mempersoalkan kedatangan seseorang.

Dalam ujaran ini, isteri Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq memenuhi Maksim Santun. Beliau menjaga pertuturan beliau kerana menjaga status sosial keluarga Sayyidina Abu Bakar r.a yang merupakan sahabat Rasulullah s.a.w. Oleh hal yang demikian, pertuturan amat dititikberatkan dalam menjaga nilai kesopanan dalam diri seorang wanita. Abdullah menggunakan panggilan سَيِّدِي lebih sopan dan beradab apabila berkomunikasi dengan isteri Sayyidina Abu Bakar r.a. Perkataan سَيِّدِي merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w.

#### **Konteks 6 : Perbualan ini ketika mesyuarat ketua-ketua Arab Quraish.**

Pemuda : أَنِ الْوَقْتُ لَنَا أَنْ نَتَدَخَّلَ. نَعَمْ، يَجِبُ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْتَقِمُوا مِنْ مُحَمَّدٍ وَصَحْبِهِ

: 'Anna al-waqtu lana: an natadakhkhal. Na'am, yajibu 'an tantaqimu: min Muhammad wa ṣahbih

: Telah sampai masa untuk kita masuk campur ke dalam mesyuarat

tersebut. Ya...kamu semua mesti membalas dendam terhadap Muhammad s.a.w dan kawannya.

Aba : وَلَكِنْ مَنْ أَنْتَ أَيُّهَا الرَّجُلُ؟

Hakam : Wala:kin man anta ayyuha al-rajul  
: Akan tetapi, siapakah awak wahai pemuda?

Abu : وَمَا الَّذِي جَاءَ بِكَ بِمَجْلِسِنَا؟

Lahab : Wa ma lladhi: ja:'a bika bi majlisina:?  
: Apa yang mendorong awak datang ke majlis kami?

Pemuda : أَنَا؟ الشَّيْطَانُ.....  
: Ana:? al-Syaiṭa:n  
: Saya? Syaitan.....

Perbualan ini berlangsung semasa seorang pemuda mencelah ketika mesyuarat pemimpin Quraish sibuk membincangkan langkah yang perlu diambil terhadap Muhammad s.a.w. Di sini dapat dilihat apabila Aba Hakam mematuhi Maksim Santun negatif iaitu bertanya kepada pemuda itu (syaitan) dengan ujaran وَمَا الَّذِي جَاءَ بِكَ

؟ وَمَا الَّذِي جَاءَ بِكَ iaitu “Apa yang mendorong awak ke majlis kami?”. Beliau meminimumkan kos

yang ditanggung oleh pemuda itu (syaitan) kerana mengganggu mesyuarat pemimpin Arab Quraish. Penggunaan kata tanya مَا dikira lebih sopan dan beradab berdasarkan

konteks perbualan. Hal ini kerana kata tanya لِمَاذَا tidak sesuai digunakan berdasarkan

konteks ujaran.

Akan tetapi pemuda itu memberi jawapan dengan mempersoalkan dirinya أَنَا iaitu “saya” dan seterusnya berkata “الشَّيْطَانُ”. Situasi ini menunjukkan pelanggaran Maksim Santun kerana beliau menunjukkan sifat sebenar syaitan iaitu sombong, angkuh beliau terhadap persoalan yang diutarakan oleh Aba Hakam. Ujaran syaitan itu seolah-olah beliau adalah pemimpin Quraish sepatutnya berkata “Bagaimana kamu tidak tahu siapa saya?” adalah dikira lebih sopan.

### **Konteks 7 : Perbualan di padang pasir.**

Amir : هَيَّا انْطَلِقْ... رَافِقَكُمَا السَّلَامَةَ

: Hayya intaliq, rafaqakuma; al-sala;mat

: Ayuh bertolaklah (Abdullah), semoga Allah bersama kamu berdua dengan selamat.

Konteks ujaran ini berlangsung ketika Amir menyuruh Abdullah dan Asma' bersembunyi di sebalik gunung-ganang. Hal ini kerana kedatangan tentera Quraish sedang mencari Nabi Muhammad s.a.w. Dalam ujaran ini, Amir mematuhi Maksim Santun positif iaitu ujaran beliau memaksimumkan manfaat bagi orang lain iaitu Abdullah dan Asma' dengan ujaran رَافِقَكُمَا السَّلَامَةَ . Di sini dapat dilihat ungkapan rabbani oleh Amir iaitu beliau mendoakan kepada mereka berdua agar selamat dari tentera Quraish. Maksud ujaran tersebut adalah “Semoga kamu berdua selamat daripada tentera Quraish dan Allah S.W.T sentiasa bersama kamu berdua”. Ini jelas menunjukkan kesopanan Amir mendoakan kepada mereka berdua kerana risau sekiranya mereka ditimpa musibah atau malapetaka di dalam perjalanan mereka.

**Konteks 8 : Abdullah berjumpa dengan Amir dan ingin memberitahu Amir sesuatu.**

Abdullah : اِسْمَحْ لِي يَا اٰخِي وَبَعْدَ قَلِيْلٍ وَعِنْدَمَا يُطْبِقُ الظَّلَامُ عَلٰى القَوْمِ، سَيَخْرُجُ سَيِّدُنَا اَبُو بَكْرٍ

مَعَ صَدِيْقِهِ مُحَمَّدِ ابْنِ عَبْدِ اللهِ قَاصِدِيْنَ اِلٰى يَثْرِبٍ وَسَأَسْأَلُهُمَ اِلَيْهِمَا رَاحِلَتَيْنِ عِنْدَمَا يَفْتَرِيَانِ

مِنْ هُنَا

: Ismaḥ li: ya: akhi:, wa ba‘da qali:l wa ‘idama: yuṭbiq al-ḡala:m ‘ala al-qawm sayakhruju sayyidina: Abu Bakr ma‘a: ṣadiqihī Muḥammad ibni ‘Abdillāh qa:ṣidayni ila: Yathrib wa sausalimu ilayhima: ra:hilatayni ‘idama: yaqtariba:ni min huna:.

: Maafkan saya wahai saudaraku, sebentar nanti ketika berlabuhnya malam ke atas kaum Arab, akan keluar Sayyidina Abu Bakar bersama sahabatnya Muhammad bin Abdullah yang hendak ke Yathrib (Madinah). Saya akan memberi kepada mereka dua ekor tunggangan (unta) ketika mereka hampir sampai di sini.

Amir : اَفْهَمَ مِنْ كَلَامِكَ

: Afham min kala:mik

: Saya faham daripada percakapan awak itu.



Konteks ujaran ini berlangsung di luar kota Mekah ketika Abdullah dan Amir sedang menyediakan unta kepada Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar r.a untuk berhijrah. Di dalam perbualan ini, Abdullah mematuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos bagi Amir semasa berbual iaitu ujaran **إِسْمَعْ لِي يَا أَخِي** . Maksud meminimumkan kos dalam petikan ini adalah kos yang akan ditanggung Amir iaitu pertolongan beliau untuk mengawasi perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh hal demikian, Abdullah meminta izin terlebih dahulu kepada sahabatnya Amir sebelum bercakap agar beliau tidak terkejut.

Di samping itu, Abdullah memanggil Amir dengan panggilan **يَا أَخِي** yang bermaksud “wahai saudaraku”. Panggilan “saudaraku” menunjukkan hubungan Abdullah dan Amir tampak lebih mesra dan akrab sebagai saudara seagama. Oleh hal demikian, disebalik ujaran itu menunjukkan kesopanan yang tinggi ditunjukkan oleh Abdullah terhadap Amir.

#### **4.2.2 Maksim Persetujuan**

Maksim Persetujuan negatif adalah meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan Maksim Persetujuan positif adalah memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.

#### **Konteks 1 : Perbualan di antara Abdullah dan Amir.**

Amir : **وَمَا دَوْرِي أَنَا؟ وَ مَا هُوَ الْمَطْلُوبُ مِنِّي؟**

: Wa ma dauri ana? Wa ma maṭlu:b minni:?

: Apa peranan saya dan apa yang dikehendaki dari saya?

Abdullah : وَأَنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ سَيِّدَنَا أَبَا بَكْرٍ يَتَّقُ بِكَ. وَهُوَ يَعْتَمِدُكَ عَلَى أَعْنَامِهِ وَمَوَاشِيهِ

: Anta ta'lam 'anna sayidana: Aba: Bakar yathiqu bika wa huwa  
ya'tamiduka ala: aghna:mihi wa mawa:shi:h

: Awak mengetahui bahawasanya Abu Bakar mempercayai kamu dan beliau  
bergantung kepada kamu untuk menjaga kambing dan haiwan ternakannya.

Amir : وَأَنَا أَهْلٌ بِهَذِهِ الثِّقَّةِ

: Wa ana: min hadhihi al-thiqqat

: Saya seorang yang boleh dipercayai.

Konteks ujaran ini berlangsung di rumah Amir antara Amir dan Abdullah. Mereka sedang membincangkan tentang tugas masing-masing bagi membantu Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah. Dalam ujaran ini, Amir mematuhi Maksim Persetujuan negatif iaitu meminimumkan perbalahan antara beliau dengan Abdullah. Maksud meminimumkan perbalahan dalam petikan ini adalah jawapan Amir dapat mengelak daripada berlakunya perbalahan. Beliau telah meyakinkan Abdullah bahawa beliau merupakan seorang yang boleh dipercayai dan tidak akan membocorkan rahsia dengan ujaran وَأَنَا أَهْلٌ بِهَذِهِ الثِّقَّةِ.

Justeru, ujaran Amir dapat memtenteramkan hati Abdullah. Hal ini kerana, dalam kalangan para sahabat Nabi, sifat-sifat negatif tidak wujud dalam diri mereka seperti berbalah, bertikam lidah dan sebagainya kerana mereka merupakan simbol dan ikon kepada masyarakat kafir Quraish Mekah. Maka, tidak timbul bagi mereka sifat-sifat yang negatif yang menjejaskan nilai kesantunan dalam diri mereka.

**Konteks 2 : Perbualan di antara para pemimpin Quraish Mekah.**

Abu : كَلَّ جَاءَ بِسَبَبِ مُحَمَّدٍ

Lahab : Kullu ja:'a bi sababin Muḥammad.

: Semua yang datang disebabkan oleh Muhammad.

Aba : أَجَلٌ, إِنَّهُمْ يَتَّبِعُونَ تَعْلِيمَهُ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ

Hakam : 'Ajal, 'innahu yattabi'u:h ta'li'mah wa yu'minu: bih!

: Betul...bahawa mereka mengikuti pengajiannya dan beriman dengannya!

Perbualan ini antara dua orang pemimpin Quraish iaitu Aba Hakam dan Abu Lahab yang tidak berpuas hati dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Dalam ujaran ini, Aba Hakam mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu memaksimumkan persetujuan dengan Abu Lahab dengan ujaran أَجَلٌ. Pernyataan Abu Lahab bahawa kedatangan Nabi Muhammad s.a.w membawa segala masalah kepada kaum Quraish Mekah.

Oleh hal demikian, Aba Hakam memaksimumkan persetujuan dengan Abu Lahab bahawa masyarakat Quraish mengikuti pengajian dan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dan beriman dengannya dengan ujaran أَجَلٌ, إِنَّهُمْ يَتَّبِعُونَ تَعْلِيمَهُ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ sebagai tambahan kepada pernyataan yang dilemparkan oleh Abu Lahab. Justeru, penggunaan huruf أَجَلٌ merupakan salah satu cara untuk memaksimumkan persetujuan di dalam konteks perbualan di atas.

### **Konteks 3 : Perbualan Abdullah dengan khadam Sayyidina Abu Bakar**

Abdullah : هَلْ سَيِّدِي أَبُو بَكْرٍ هُنَا؟  
: Hal sayyidi: Abu: Bakar huna:?  
: Adakah tuan Abu Bakar (saya) di sini?

Amir : نَعَمْ، وَمَاذَا تُرِيدُ؟  
: Ajal, wa ma:dha: turi:d?  
: Ya, apakah yang awak mahu?

Konteks ujaran di atas berlangsung ketika kedatangan Abdullah kali kedua ke rumah Sayyidina Abu Bakar r.a. Beliau bertemu dengan isteri Sayyidina Abu Bakar r.a yang menyambut kedatangan beliau pada ketika itu. Dalam perbualan ini, isteri Sayyidina Abu Bakar r.a mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu memaksimumkan persetujuan diri sendiri dengan Amir. Abdullah menggunakan kata tanya هَلْ maka jawapan Amir adalah نَعَمْ adalah tanda persetujuan terhadap Abdullah. Oleh hal demikian, dari sudut pragmatik, jawapan Amir نَعَمْ iaitu “Ya” bahawa Abu Bakar ada di rumah secara memaksimumkan persetujuan beliau dengan persoalan Abdullah dengan memberi jawapan segera.

### **Konteks 4 : Perbualan di antara Abdullah dengan Asma’ iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar.**

Asma’ : أَسْرِعْ يَا عَبْدَ اللَّهِ أَسْرِعْ يَا عَبْدَ اللَّهِ إِلَى الْعَارِ وَأَخْبِرْهُمَا أَنْ يَظْلَمَ مُحْتَبَأَيْنِ وَأَنَّ فُرْسَانَ مَكَّةَ

: Asri‘ ya: Abdullah, asri‘ ya: Abdullah ila: al-gha:r, wa akhbir huma: ’an yazalla mukhtabi’ayni wa anna fursa:n Makkaṭ yuhawwinu:n bi al-jiwa:r ghara ya:’isi:n min al-’uthu:r ‘alayhima:

: Cepatlah wahai Abdullah, cepatlah wahai Abdullah ke gua tersebut, khabarkan kepada mereka berdua yang bersembunyi bahawasanya penunggang-penunggang kuda Mekah tanpa berputus asa mencari mereka sekitar Kota Mekah.

Abdullah : سَأَنْطَلِقُ عَلَى الْفَوْرِ

: Sa’anṭaliq ala: al-fawr

: Saya akan bertolak dengan segera.

Konteks ujaran di atas berlangsung antara Abdullah dan Asma’ di sekitar kota Mekah. Dalam perbualan ini, Abdullah mematuhi Maksim Persetujuan negatif iaitu meminimumkan perbalahan beliau dengan Asma’ di mana beliau telah bersetuju untuk pergi ke gua tersebut dengan ujaran سَأَنْطَلِقُ عَلَى الْفَوْرِ setelah Asma’ meminta beliau untuk pergi ke gua itu. Ujaran Abdullah menunjukkan bahawa beliau telah bersedia untuk pergi ke gua tersebut kerana beliau tidak memberikan jawapan “baiklah” atau sebagainya. Perbualan ini menunjukkan nilai kesantunan yang ditonjolkan oleh Abdullah iaitu memberi jawapan yang memuaskan hati Asma’ kerana kemungkinan Asma’ begitu risau akan keselamatan ayahnya iaitu Sayyidina Abu Bakar dan juga Nabi Muhammad s.a.w. Justeru, Abdullah memberikan jawapan “saya akan bertolak dengan segera” kepada Asma’.

**Konteks 5 : Perbualan di antara Abdullah dengan Asma' iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar.**

Asma' : أَحْشَى أَنْ يَقُولُوا قَدْ عَثَرُوا عَلَيْهِمَا، هَلْ أَنْتَ مُتَأَكِّدُ أَنَّهُمَا فِي هَذَا غَارٍ؟  
: 'Akhsha: 'an yaqu:lu: qad 'atharu: alayhima:, hal ana muta'akkid 'annahuma: fi ha:dha: al-gha:r?  
: Saya takut mereka akan berkata bahawa telah mereka menemui mereka berdua. Adakah awak (Abdullah) pasti bahawa mereka berdua dalam gua ini?

Abdullah : أَجَلٌ، أَجَلٌ، هَذَا غَارٌ ثُورٍ وَأَنَا أَعْرِفُهُ جَيِّدًا، وَلَكِنْ كَيْفَ نَسَجَتِ الْعَنْكَبُوتُ عَلَى بَابِهِ

هَذِهِ الْخَيْوَطَةُ وَهَذِهِ الْحَمَامَةُ الْوَاضِعَةُ تَرْتُقِدُ الْبَيْضَ أَمَامَهُ

: 'Ajal, a'ajal ha:dha al-gha:r Thurwa ana: 'arifuhu jayyidan, wa la:kin kayfa nasajat al-'ankabu:t ala: ba:bihi ha:dha al-khuyu:t wa ha:dhihi al-hama:ma:maṭ al-wa:di'at tarquḍu bayḍ ama:mah  
Betul...betul inilah gua Thur, dan saya sangat mengetahui akan gua ini. Akan tetapi, bagaimana labah-labah tersebut telah membuat sarang di pintu gua dan burung merpati pula berada dan duduk depan telur.

Petikan di atas berlangsung di hadapan gua Thur antara Asma' dan Abdullah. Di dalam perbualan ini, Abdullah mematuhi Maksim Persetujuan negatif iaitu meminimumkan perbalahan dengan Asma' dengan ujaran أَجَلٌ، أَجَلٌ، هَذَا غَارٌ ثُورٍ. Hal ini kerana, beliau tidak ingin menimbulkan perbalahan dengan Asma' dan cuba menyakinkan Asma'. Walaubagaimanapun, Abdullah mengalami sedikit kekeliruan tentang gua tersebut kerana kewujudan sarang labah-labah dan sarang burung di depan pintu gua yang tidak

terusik seolah-olah berlakunya sesuatu yang di luar jangkaan dengan ujaran وَأَنَا أَعْرِفُهُ

جَيِّدًا، وَلَكِنْ كَيْفَ نَسَحَتِ الْعَنْكَبُوتُ.

Pengulangan perkataan أَجَلَ، أَجَلَ adalah untuk meminimumkan perbalahan dengan

Asma'. Justeru, Asma' terus ke gua itu dan memanggil ayahnya untuk memastikan jawapan yang diberikan oleh Abdullah itu adalah betul. Ujaran ini menunjukkan kesantunan Abdullah dalam memberi jawapan agak tidak berlaku perbalahan di antara beliau dengan Asma'. Lantas Asma' memanggil ayahnya di dalam petikan berikut:

Asma' : أَبِي أَيُّي، هَلْ أَنْتُمَا هُنَاكَ؟ أَسْمَعُ صَوْتِ أَبِي، أَبِي فِي الدَّاخِلِ، أَبِي فِي الدَّاخِلِ إِنَّهُمَا فِي

الدَّاخِلِ وَرَاءِ خَيْوُطِ الْعَنْكَبُوتِ

: Abi:... abi, hal antuma: huna:ka? 'Asma' sawt 'abi:, abi: fi: al-da:khil  
'annahumafi: da:khil wara:' khuyu:ṭ al-'ankabu:t

: Ayah.. ayah, adakah kamu berdua di dalam?. Saya mendengar suara ayah.....ayah di dalam ayah di dalam!. Mereka berdua di dalam di belakang sarang labah-labah ini.

#### 4.2.3 Maksim Sokongan

Maksim Sokongan negatif adalah meminimumkan cacian terhadap orang lain dan

Maksim Sokongan positif adalah memaksimumkan pujian terhadap orang lain.

#### Konteks 1 : Perbualan di antara Abdullan dan Amir.

Amir : أَلَمْ تُرَافِقْهُمَا فِي طَرِيقِهِمَا. وَأَنْتَ دَلِيلٌ مَاهِرٌ وَتَعْرِفُ كُلَّ طُرُقَاتِ مُؤَدِّيَةِ إِلَى يَثْرِبَ

: Alam tura:fiqhumu: fi: tari:qihima: wa anta dali:l ma:hir wa t'arif kulla

ṭuruqa:t muaddiyat̃ ila Yathrib.

: Tidakkah awak mengiringi mereka berdua di dalam perjalanan, awak merupakan petunjuk yang mahir dan awak mengetahui setiap jalan yang menuju ke Yathrib (Madinah).

Abdullah : نَعَمْ، سَوْفَ أَكُونُ هَادِيًا لَّهُمَا فِي سَفَرِهِمَا

: Na'am, saufa 'aku:n ha:diyan lahuma: fi: safarihima:

Ya, saya akan menjadi petunjuk kepada mereka berdua dalam perjalanan mereka berdua.

Konteks ujaran di atas berlangsung di rumah Amir ketika kedatangan kali pertama Abdullah ke rumah beliau. Dalam ujaran وَأَنْتَ دَلِيلٌ مَاهِرٌ وَتَعْرِفُ كُلَّ طُرُقَاتِ مُؤَدِّيَةِ إِلَى يَثْرِبِ

Amir mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu beliau memaksimumkan pujian terhadap Abdullah. Beliau memuji bahawa Abdullah seorang yang mahir arah tuju perjalanan ke Madinah. Ini kerana jalan yang akan dilalui oleh Nabi Muhammad s.a.w dan Sayyidina Abu Bakar r.a adalah jalan alternatif yang tidak diketahui oleh orang kafir Quraish. Oleh hal demikian, beliau memuji Abdullah sebagai tanda penghargaan di atas pertolongan beliau itu.

## **Konteks 2 : Ucapan tahniah kepada Asma'**

Abdullah : أَحْسَنْتِ يَا سَيِّدَتِي أَحْسَنْتِ

: Aḥsanti ya: sayyidati: aḥsanti:

: Baguslah wahai puan, baguslah.

Konteks ujaran di atas berlangsung ketika ketibaan di kawasan padang pasir di luar kota Mekah untuk menghantar makanan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar r.a. Ujaran Abdullah mematuhi Maksim Sokongan positif, iaitu lakukan mengucapkan



tahniah tersebut iaitu memaksimumkan pujian terhadap orang lain (Asma') **أَحْسَنْتِ يَا سَيِّدَتِي**.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Asma' kerana membawa makanan dengan menyembunyikan makanan tersebut di dalam ikatan kain selendang tanpa diketahui oleh kaum kafir Quraish. Makanan tersebut adalah untuk Rasulullah s.a.w dan ayahanda beliau iaitu Sayyidina Abu Bakar r.a. Pengulangan di dalam ujaran **أَحْسَنْتِ يَا سَيِّدَتِي أَحْسَنْتِ** membawa maksud beliau memuji tindakan yang dilakukan oleh Asma' dengan membawa makanan ke sana. Aspek pengulangan ini merupakan salah satu cara Abdullah memaksimumkan pujian kepada Asma'. Selain itu, Abdullah menggunakan panggilan 'سَيِّدَتِي' lebih sopan dan beradab apabila berkomunikasi dengan Asma' yang bermaksud "cik saya" secara literal.

### **Konteks 3 : Perbualan di antara isteri Abu Bakar r.a dengan Abdullah**

Abdullah : **مَا بِكَ يَا أَيَّتُهَا الْمَرْأَةُ الطَّيِّبَةُ هَلْ نَسَيْتِ لِي؟**

: Ma: bika ya: ayyatuhal mar'atu atṭayyibatu, hal nasiti li:?

: Ada apa dengan awak wahai seorang wanita yang baik, adakah awak telah terlupa akan saya?.

Isteri Abu Bakar r.a : **لَا، لَمْ أَنْسَكَ. كَيْفَ وَأَنْتِ مَنْ يَخْدُمُ يَا سَيِّدِي إِخْلَاصًا وَأَمَانَةً**

: La', lam 'ansak. Kaya wa anta man yakhdimu ya sayyidi: ikhla:san wa ama:naṭ

: Tidak, aku tidak lupa akan dirimu. Bagaimana aku boleh terlupa akan

dirimu, sedangkan kamu yang memberi khidmat dengan penuh keikhlasan dan beramanah terhadap agama, wahai tuan/encik.

Petikan ini berlangsung ketika kedatangan Abdullah kali ketiga ke rumah Abu Bakar r.a.

Di dalam ujaran ini, isteri Sayyidina Abu Bakar r.a telah mematuhi Maksim sokongan

positif iaitu memaksimumkan pujian terhadap Abdullah dengan ujaran **كَيْفَ وَأَنْتَ مَنْ يَخْدِمُ**

**يَا سَيِّدِي إِخْلَاصًا وَأَمَانَةً**. Beliau memuji terhadap Abdullah kerana bekerja dengan

bersungguh-sungguh untuk agama Islam dan tidak mungkin beliau terlupa peranan

Abdullah dalam menyebarkan Islam. Selain itu juga, keikhlasan Abdullah membantu

Nabi Muhammad s.a.w. bersama Sayyidina Abu Bakar r.a keluar dari kota Mekah

setelah diburu oleh kaum kafir Quraish menunjukkan peranan beliau dalam permulaan

dakwah Islam.

Pertanyaan Abdullah mematuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos bagi

isteri Sayyidina Abu Bakar r.a **مَا بِكَ يَا أَيْتُهَا الْمَرْأَةُ الطَّيِّبَةُ**. Maksud kos yang ditanggung

isteri Abu Bakar adalah masa lapang beliau di datangi oleh Abdullah kali yang kedua.

Selain itu, penggunaan kata tanya **مَا** lebih sopan berbanding dengan penggunaan kata

tanya **لِمَاذَا** berdasarkan kepada situasi di atas. Di samping itu juga, Abdullah memuji

isteri Abu Bakar dengan **الْمَرْأَةُ الطَّيِّبَةُ** seorang wanita yang baik dan solehah walaupun pada

permulaan sapaan beliau tidak pasti dengan kedatangan Abdullah.

#### 4.2.4 Maksim Kedermawaan

Maksim Kedermawaan negatif adalah meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan Maksim Kedermawaan positif adalah memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Maksim ini lebih berpusatkan kepada diri sendiri.

##### **Konteks 1 : Perbualan syaitan sewaktu berada pada majlis mesyuarat.**

Pemuda : أَنَا سَيِّدٌ مِنْ سَادَةِ الْعَرَبِ، جِئْتُ لِمُسَاعَدَتِكُمْ فِي مِحْنَتِكُمْ هَذِهِ

: Ana: sayyid min sa:dati: al-‘Arab, ji’tu li musa‘adatikum fi miḥnatikum  
ha:dhihi

: Aku adalah ketua dalam kalangan ketua orang Arab. Aku datang ke sini  
bagi membantu kamu semua untuk mencapai matlamat kamu.

Konteks ujaran di atas berlangsung di majlis mesyuarat pemimpin Arab. Melihat apa yang dituturkan oleh pemuda (syaitan) adalah amat jelas beliau mematuhi Maksim Kedermawaan positif iaitu memaksimumkan kos beliau sendiri dengan ujaran “ جِئْتُ

. لِمُسَاعَدَتِكُمْ فِي مِحْنَتِكُمْ هَذِهِ. Maksud memaksimumkan kos dalam petikan di atas adalah

pemuda itu memaksimumkan kos yang ditanggung oleh beliau sama ada berbentuk nasihat atau berbentuk fizikal. Pemuda itu berjaya menghasut para pemimpin Quraish agar membunuh Nabi Muhammad s.a.w semasa berlangsungnya mesyuarat dikalangan pemimpin-pemimpin Arab Quraish. Melalui pendapatnya yang bernas, pemuda tersebut menawarkan diri untuk membantu mereka.

Di sini terparap bahawa pemuda tersebut mematuhi maksim kesantunan di mana pemuda tersebut menggunakan perkataan sayyid سَيِّدٌ iaitu ketua di kalangan ketua Arab, sebagai tanda hormat. Meskipun mereka tidak mengundang beliau ke majlis itu, kesanggupan

pemuda itu untuk datang ke majlis tersebut menunjukkan kemurahan hati beliau untuk membantu mereka menyelesaikan segala kekusutan yang mereka di hadapi.

#### 4.2.5 Maksim Kerendahan Hati

Kesopanan negatif ialah meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan kesopanan positif ialah memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.

**Konteks 1 : Perbualan di antara Abdullah dengan Asma' iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar.**

Abdullah : عَفْوًا يَا سَيِّدَتِي عَفْوًا.....وَلَكِنَّ لَمْ أَرَّ بَيْنَ يَدَيْكَ شَيْئًا

: Afwan ya: sayyidati: afwan...wala:kin lam 'ara bayna yadayki shay'an

: Maafkan saya wahai puan, maafkan saya....dan akan tetapi saya tidak melihat di antara tangan kamu sesuatu.

Asma' : إِنِّي أَخْبَيْتُهُ فِي نِطَاقِي هَذَا

: 'Inni ukhbibi'uhu fi: niṭa:qi: ha:dha:

: Sesungguhnya aku menyembunyikan barangan di kawasan sekitar ini (di pinggang).

Konteks ujaran di atas berlangsung antara Asma' dan Abdullah di tengah padang pasir luar kota Mekah. Di dalam perbualan ini, Abdullah mematuhi Maksim Kerendahan Hati negatif, beliau meminta maaf terlebih dahulu iaitu meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dengan ujaran عَفْوًا يَا سَيِّدَتِي. Hal ini kerana soalan yang hendak Abdullah mungkin sensitif dan mungkin mengguris hati Asma'. Walaupun beliau tidak melakukan kesilapan, akan tetapi ujaran tersebut menunjukkan kerendahan hati beliau untuk bertanyakan sesuatu kepada Asma' iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar r.a.

bertujuan agar Asma' memberitahu beliau tentang makanan tersebut. Ketakterusan Abdullah menggambarkan ketinggian kesopanan beliau berbicara.

Terdapat pengulangan frasa di dalam komunikasi diantara Abdullah dan Asma' **عَمَوًا يَا**

**سَيِّدَتِي عَفَوًا**. Pengulangan tersebut menunjukkan kerendahan hati beliau pada masa yang

sama menarik perhatian Asma' ketika berbicara. Ini kerana, beliau gusar sekiranya

Asma' terasa hati dengan pertanyaan beliau. Oleh hal demikian, beliau tidak terus

bertanya kepada Asma' iaitu 'Adakah awak bawa makanan kepada mereka berdua' Hal

ini kerana, ujaran tersebut dikira sebagai kurang beradab dan nilai kesopanan yang

rendah. Pengulangan tersebut bertujuan untuk menarik perhatian Asma' dan kerendahan

hati beliau meminta maaf sebelum bertanya kepada Asma'. Menggunakan perkataan **يَا**

**سَيِّدَتِي** sebagai menghormati Asma' anak kepada Sayyidina Abu Bakar r.a.

**Konteks 2 : Perbualan di antara Abdullah dengan Asma' iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar sewaktu menceritakan keadaan jalan yang sudah selamat ke Yathrib**

Asma' : **الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى أَنْ أَصْبَحْتُ الطَّرِيقَةَ آمِنَةً، لَقَدْ كَفَى الْفُرْسَانُ عَنِ الْبَحْثِ، هَلْ أَنْتَ وَاثِقٌ يَا**

**عَامِرٌ؟**

: Alḥamdulillah ala: aṣbaḥat al-ṭari:qaṭ a:minaṭ , laqad kafa: fursa:n 'an al-baḥṭhi. Hal anta wa:siq ya: 'A:mir?

: Alḥamdulillah jalan telah selamat. Sesungguhnya telah berhenti penunggang-penunggang kuda (orang kafir) daripada mencari. Adakah

awak percaya wahai Abdullah?

- Amir : ثَلَاثَةٌ بَلَيْلِهَا وَالْفُرْسَانُ يُحْمَوْنَ فِي الْمَكَانِ قَدْ يَسُؤُوا وَأَنَا وَاثِقٌ بِأَنَّ الطَّرِيقَةَ آمِنَةٌ الْآنَ
- : Thala:thaṭ bi layli:ha: wa al-fursa:n yuḥawwimu:na fi al-maka: ,qad ya'isu:  
wa ana: wathiq bi 'anna al-tariqaṭ a:minaṭ al-a:n
- : Tiga hari termasuk tiga malamnya penunggang kuda mencari di semua tempat. Sesungguhnya telah berputus asa mereka itu....dan saya percaya sesungguhnya jalan telah selamat sekarang.
- Asma' : إِذْنٌ، سَوْفَ أَسْبِقُ إِلَيْهِمَا يَا عَبْدَ اللَّهِ إِلَى أَنْ تَأْتِي بِرَاحِلَتَيْنِ
- : Idhan saufa aṣḍiqu ilayhima: ya: Abdullah ila: 'an ta'tiya bi ra:hilatayni  
ana: urafiquka ya: sayyidi:
- : Oleh itu...saya pergi kepada mereka berdua terlebih dahulu, dan bawakan dua ekor tunggangan kepada mereka berdua wahai Abdullah.

Konteks ujaran di atas berlangsung di hadapan rumah Asma' membincangkan tentang kejayaan penghijrahan keluar kota Mekah. Asma' memulakan perbualan tersebut dengan mengujar *إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ عَلَى أَنْ أَصْبَحْتُ الطَّرِيقَةَ آمِنَةً* bermaksud “Puji-pujian bagi Allah, jalan telah selamat sekarang”. Ujaran tersebut mematuhi Maksim Kerendahan Hati negatif. Maksud Maksim Kerendahan Hati negatif di dalam petikan ini adalah beliau meminimumkan pujian terhadap diri sendiri bahawa perjalanan ke Madinah telah selamat untuk dilalui hanyalah dengan pertolongan dari Allah dan bukannya dari beliau sendiri. Oleh hal demikian, Asma' menggunakan ungkapan Rabbani sebagai menunjukkan kerendahan hati kepada Allah mengharap bantuan dariNya.

Sekiranya tanpa pertolongan Allah, maka pastinya orang kafir Quraish menemui mereka berdua. Hal ini kerana beliau telah berusaha bersungguh-sungguh bersama para sahabat

yang lain membantu agar perjalanan Nabi Muhammad s.a.w berserta Abu Bakar r.a selamat tiba ke Madinah. Tanpa bantuan Allah S.W.T tidak mungkin Sayyidina Abu Bakar r.a serta Nabi Muhammad s.a.w selamat tiba di Madinah. Justeru, ungkapan tersebut mematuhi Maksim kerendahan Hati.

### **Konteks 3 : Perbualan Amir dan Asma' di Gua Thur**

Abdullah : يَا إِلَهَ...أَرَى آثَارَ أَقْدَامِ الْفُرْسَانِ هُنَا

: Ya: Ila:hi, ara: a:tha:r aqda:m fursa:n huna:.

: Ya Allah....aku telah melihat kesan kesan tapak kaki penunggang kuda

Perbualan di atas berlangsung semasa Abdullah sedang mencari tempat persembunyian mereka berdua. Di dalam perbualan ini, Abdullah mematuhi Maksim Kerendahan Hati negatif iaitu meminimumkan pujian terhadap diri. Hal ini dapat dilihat apabila ketidakterusan ujaran beliau ketika mengujar يَا إِلَهَ...أَرَى آثَارَ أَقْدَامِ الْفُرْسَانِ هُنَا iaitu “Ya Allah!”. Ujaran tersebut menunjukkan kerendahan hati dengan penggunaan ekspresi “Ya Allah”. Beliau terkejut dan berasa hairan dengan kesan-kesan tapak kaki para penunggang kuda di depan pintu gua Thur iaitu tempat persembunyian mereka berdua.

Hal ini kerana, beliau telah membantu Nabi Muhammad s.a.w bersama Abu Bakar r.a dengan bersungguh-sungguh dalam misi penghijrahan tersebut. Akan tetapi, para penunggang kuda tersebut telah sampai ke pintu gua Thur dan terdapat kesan tapak kaki kuda yang jelas di hadapan pintu gua. Oleh hal demikian, di sebalik ujaran tersebut adalah jelas menunjukkan kerendahan hati Abdullah yang tinggi iaitu mengharapkan pertolongan daripada Allah yang Maha berkuasa terhadap hambaNya di dalam kesusahan dan kesulitan.

#### 4.2.6 Maksim Simpati

Maksim Simpati negatif adalah meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan Maksim Simpati positif adalah memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

#### **Konteks 1 : Perbualan semasa Amir mengintai mesyuarat yang berlangsung dikalangan pemimpin Arab Quraish**

Amir : مَسْكِينٌ أَنْتَ يَا مُحَمَّدُ، تَبَّ لَكَ أَيُّهَا الرَّجُلُ الْمَبِیْحُ، أَنْتَ وَاللَّهِ شَيْطَانٌ فِي هَيْئَةِ الْإِنْسَانِ  
: Miski:n anta ya: Muḥammad, tabballaka ayyuha: al-rajul al-qabiḥ. 'Annaka wa Allah shaṭa:n fi: ḥay'atin al-insa:n.  
: Kesian kepada awak wahai Muhammad, celakalah wahai Abu Jahal Demi Allah engkau adalah syaitan yang hidup di kalangan setiap insan.

Konteks ujaran di atas berlangsung ketika Amir mengintai majlis mesyuarat pemimpin Arab Quraish. Amir telah mematuhi Maksim Simpati positif iaitu memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan terhadap Nabi Muhammad s.a.w dengan ujaran مَسْكِينٌ أَنْتَ يَا مُحَمَّدُ.

Ujaran tersebut merupakan tanda simpati beliau terhadap perancangan pembunuhan Nabi Muhammad s.a.w oleh orang kafir Quraish Mekah. Beliau menggunakan ujaran مَسْكِينٌ أَنْتَ يَا مُحَمَّدُ yang bermaksud “awak wahai Muhammad” menunjukkan bahawa Abdullah begitu sopan dan beradab. Kata ganti diri ‘أَنْتَ’ itu menunjukkan bahawa seolah-olah beliau berbicara dengan Nabi Muhammad s.a.w



ketika itu. Di samping itu, beliau menemplak Abu Jahal dengan ujaran **تَبَّأَ لَكَ أَيُّهَا الرَّجُلُ** kerana kesanggupan membunuh anak saudara sendiri.

Amir menggunakan ungkapan berbentuk sumpahan iaitu **أَنْتَ وَاللَّهِ شَيْطَانٌ فِي هَيْئَةِ الْإِنْسَانِ** yang bermaksud “ Demi Allah engkau adalah syaitan yang berada di sekeliling manusia”. Ini menggambarkan bahawa beliau sangat bersimpati dengan Nabi Muhammad s.a.w dengan menemplak Abu Jahal adalah syaitan yang bertopengkan manusia.

#### **Konteks 2 : Di kawasan sekitar gua Thur.**

Amir : **فَلْتَحْمِلْهُمَا عِنَايَةَ اللَّهِ**  
: Faltahmilhuma: ‘ana:yatal Allah.  
: Semoga mereka berdua dalam pemeliharaan Allah.

Konteks ujaran di atas berlaku semasa di kawasan sekitar gua Thur. Di dalam perbualan ini, Amir mematuhi Maksim Simpati positif dengan menggunakan ungkapan Rabbani iaitu satu doa dan harapan agar mereka berdua selamat. Ujaran petikan di atas **فَلْتَحْمِلْهُمَا** merupakan satu cara untuk menunjukkan tanda simpati beliau terhadap Nabi Muhammad s.a.w dengan berdoa agar mereka berdua selamat. Hal ini kerana beliau risau akan ditimpa perkara buruk di dalam gua Thur seperti terjumpa binatang buas atau serangga liar di dalamnya ataupun mungkin para penunggang kuda menjumpai mereka pastinya akan dibunuh serta-merta. Ketakterusan dengan ungkapan rabbani oleh beliau menggambarkan kesopanan yang tinggi ditunjukkan di dalam ujaran tersebut. Oleh hal

demikian, ujaran tersebut bermaksud semoga Allah S.W.T menjaga mereka berdua dari segala musibah dan ancaman orang Quraish.

#### 4.2.7 Rumusan mengikut Maksim

Setelah dianalisis rajah di bawah menunjukkan penggunaan retorik di dalam animasi tanah liat Arab bertajuk “ Gua Thur ” iaitu, mengikut taburan kekerapan penggunaan enam maksim di dalam Prinsip Kesopanan Leech.

##### 4.1. Jadual Taburan Kekerapan Penggunaan Prinsip Kesopanan Leech

Bil.	Maksim	Transkripsi	Peratus
1.	Santun	8	36.4%
2.	Sokongan	3	13.6%
3.	Persetujuan	5	22.7%
4.	Kerendahan Hati	3	13.6%
5.	Simpati	2	9.1%
6.	Kedermawaan	1	4.5%
	Jumlah	22	100%

Daripada jadual taburan kekerapan, didapati Maksim Santun merupakan aspek yang penting. Ini menunjukkan di dalam sesuatu komunikasi, nilai kesopanan dan kesantunan diberi penekanan yang khusus. Ujaran-ujaran yang digunakan lebih memusatkan kepada sikap sopan dan santun yang mewakili masyarakat Arab secara keseluruhannya. Ini dapat dibuktikan iaitu, sebanyak 8 daripada 22 transkripsi atau 36.4%. Ini menunjukkan bahawa perbualan di dalam animasi ini mementingkan aspek kesopanan sebagai salah satu strategi komunikasi.

Di samping itu, di dalam animasi tersebut, penutur cuba mengelak sebarang tentangan, bantahan konflik dengan pendengar. Ini dapat dibuktikan dengan 3 daripada 22 atau 22.7% tergolong dalam retorik yang mematuhi Maksim Persetujuan. Selain itu, di dalam animasi tersebut, ujaran-ujaran yang menunjukkan sikap rendah diri mereka dan tidak sombong ketika berbicara. Hal ini kerana ujaran-ujaran yang dilafazkan menitikberatkan nilai-nilai ajaran Islam yang mementingkan sikap rendah diri di dalam diri masyarakat Arab. Hal ini dibuktikan sebanyak 3 daripada 22 atau 13.6% mematuhi Maksim Kerendahan Hati, manakala sebanyak 3 daripada 22 mematuhi Maksim Sokongan dan 9.1% mewakili Maksim Simpati dan 4.5% mematuhi Maksim Kedermawaan.

#### 4.2 Jadual Taburan Kekekapan Kesopanan Negatif dan Kesopanan

##### Positif Mengikut Maksim

Bil.	Maksim	Transkripsi
1.	Santun Negatif	4
	Santun Positif	4
2.	Sokongan Negatif	0
	Sokongan Positif	3
3.	Persetujuan Negatif	3
	Persetujuan Positif	2
4.	Kerendahan Hati (Neg)	3
	Kerendahan Hati (Pos)	3
5.	Kedermawaan Negatif	0
	Kedermawaan Positif	1
6.	Simpati Negatif	0

	Simpati Positif	2
7.	Jumlah	22

#### 4.3 Jadual Taburan Kekerapan Kesopanan mengikut Kesopanan Negatif dan Kesopanan Positif

Bil.	Kesopanan	Transkripsi	Peratus
1.	Kesopanan Negatif	7	31.8%
2.	Kesopanan Positif	15	68.2%

Rajah di atas menunjukkan bahawa ujaran di dalam animasi tanah liat gua Thur lebih cenderung kepada kesopanan yang positif sebanyak 68.% berbanding dengan ujaran kesopanan negatif iaitu sebanyak 31.8%

#### 4.3 Analisis Animasi Tanah Liat Fatimah Az-Zahra' mengikut Maksim

Analisis dilakukan mengikut Prinsip Kesopanan Leech iaitu, Maksim Santun, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Sokongan, Maksim Persetujuan, Maksim Kedermawaan dan Maksim Simpati.

##### 4.3.1 Maksim Santun

Kesantunan negatif adalah untuk meminimumkan kos bagi orang lain dan kesantunan positif adalah untuk memaksimumkan manfaat bagi orang lain.

##### Konteks 1 : Perbualan di hadapan rumah Fatimah

الرجل : بَارِكْ اللَّهُ يَا فَاطِمَةَ فِي أَوْلَادِكَ وَجَعَلَهُمْ كَمَا كُنْتَ بَارِكَةً لِأَبِيكَ

: Ba:rikillah ya: Fa:ṭimaṭ fi: aula:dik waja'alahum kama: kunti ba:rakatan  
li'abi:ki

: Semoga Allah memberkati anak-anak kamu wahai Fatimah dan menjadikan mereka sepertimana Allah S.W.T memberkati kamu untuk ayahanda kamu.

Konteks perbualan di atas berlaku di hadapan rumah Siti Fatimah r.a. ketika kelahiran Sayyidina Hasan dan Husin. Ujaran oleh seorang lelaki tersebut mematuhi Maksim Santun positif iaitu ujaran *بَارِكْ اللَّهُ يَا فَاطِمَةَ فِي أَوْلَادِكَ*. Maksud memaksimumkan manfaat dalam petikan di atas adalah manfaat yang diterima Siti Fatimah r.a iaitu ujaran berbentuk doa. Ujaran beliau merupakan satu doa yang manfaat kepada Siti Fatimah r.a di atas kelahiran cucu Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Sayyidina Hasan dan Sayyidina Husin agar sentiasa diberkati. Ini menunjukkan sikap ambil berat dan keprihatinan beliau di atas kelahiran Sayyidina Husin. Ujaran seperti “Semoga Allah memberkati” dapat memaksimumkan manfaat kepada Siti Fatimah serta anak-anak beliau agar mendapat keredaan dan keberkatan hidup seperti ayahandanya.

Pada ketika ujaran tersebut dituturkan, beliau menggunakan gaya bahasa berdoa seolah-olah beliau berbicara dengan Siti Fatimah r.a walaupun pada ketika itu Siti Fatimah r.a tidak ada. Ini dapat dibuktikan dengan penggunaan kata ganti diri yang kedua bersambung iaitu *ك* yang bermaksud “awak”. Oleh hal demikian, gaya bahasa yang digunakan oleh pemuda itu memberi kesan yang positif kepada keluarga Siti Fatimah r.a iaitu semoga keluarga beliau sentiasa mendapat keberkatan oleh Allah S.W.T.

## **Konteks 2 : Perbualan di hadapan rumah Rasulullah**

الرجل : مَا أَكْرَمَكُمْ يَا آلَ بَيْتِ مُحَمَّدٍ

: Ma: akramakum ya: a:li bayt Muhammad

: Alangkah mulianya kamu semua wahai ahli bayt (keluarga Nabi Muhammad s.a.w)

Konteks ujaran di atas berlaku di hadapan rumah Nabi Muhammad s.a.w ketika seorang wanita dari kalangan keluarga ahli bayt memberi makan kepada fakir miskin. Ujaran oleh seorang lelaki faqir di atas mematuhi Maksim Santun Negatif iaitu meminimumkan kos bagi orang lain. Maksud meminimumkan kos dalam petikan tersebut adalah kos yang ditanggung oleh keluarga Nabi Muhammad s.a.w. dengan menyediakan makanan kepada mereka (orang kafir).

Oleh hal demikian, ujaran oleh seorang pemuda yang bukan Islam merujuk kepada kebaikan dan kemurahan hati ahli keluarga Nabi Muhammad s.a.w. terhadap fakir miskin yang tidak mengambil kira agama, jantina atau bangsa. Justeru, penggunaan lafaz مَا أَكْرَمَكُمُ yang bermaksud “Alangkah mulianya kamu semua” adalah untuk meminimumkan kos yang ditanggung oleh keluarga Nabi Muhammad s.a.w.

Selain itu, ujaran “آل بَيْتِ” merujuk kepada ahli keluarga (keturunan) Nabi Muhammad s.a.w. Masyarakat Arab menggunakan perkataan عَائِلَةٌ atau أُسْرَةٌ yang bermaksud “keluarga” merujuk kepada ahli keluarga masing-masing. Akan tetapi, penggunaan perkataan آل بَيْتِ yang hanyalah dikhususkan kepada ahli keluarga Nabi Muhammad s.a.w sahaja dan dikira lebih sopan dituturkan. Penggunaan partikel seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sering digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik,

penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النِّدَاءِ** adalah lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

### **Konteks 3 : Perbualan di hadapan rumah Rasulullah**

امرأة : تَفَضَّلِي يَا خَالَةَ

: Tafaddali: ya: kha:lat

: Silakan wahai makcik (secara literal adalah makcik sebelah mak)

Petikan di atas berlangsung di hadapan rumah Nabi Muhammad s.a.w ketika seorang wanita tua datang untuk bertanya siapakah yang menyusu Siti Fatimah r.a. Ujaran oleh seorang ahli bayt mematuhi Maksim Santun positif. Maksud memaksimumkan manfaat dalam petikan di atas adalah manfaat kepada makcik tersebut agar tidak berasa kecil hati dengan ujaran **يَا خَالَةَ تَفَضَّلِي**. Ujaran tersebut dapat memaksimumkan manfaat sebagai mengalu-alukan kedatangan makcik ke rumah Siti Fatimah r.a. Beliau menggunakan lafaz **تَفَضَّلِي** yang bermaksud “silakan” sebagai mengalu-alukan kedatangan makcik tersebut.

Di samping itu, beliau memanggil seorang wanita tersebut dengan panggilan **يَا خَالَةَ** sebagai menghormati beliau yang lanjut usia dan berumur. Panggilan tersebut nampak sopan semasa dituturkan kerana beliau tidak mengetahui nama wanita tersebut. Justeru, sistem panggilan “wahai makcik” merupakan salah satu strategi berbahasa iaitu tidak mengguris hati perasaan wanita tersebut. Penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النِّدَاءِ** sesuai digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik,

penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

**Kontek 4 : Perbualan di dalam rumah Siti Fatimah r.a**

الرجل : أَلَا تَعْلَمِينَ أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَكْرَمَ فَاطِمَةَ بِإِكْتِنَارِ الطَّعَامِ فِي بَيْتِهَا؟

: Ala: t‘alami:n anna Allah qad akrama Faṭimat̄ bi’iktha:r al-ta‘a:m fi: baytiha:

: Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah memuliakan Fatimah dengan memberi nikmat makanan yang pelbagai di rumahnya?

Ujaran di atas dituturkan kepada seorang wanita yang datang menziarahi rumah Siti Fatimah r.a. Ujaran oleh seorang lelaki terhadap wanita itu mematuhi Maksim Santun negatif iaitu meminimumkan kos bagi wanita tersebut. Maksud meminimumkan kos dalam petikan di atas adalah kos yang ditanggung oleh wanita itu kerana tidak mengetahui bahawa makanan tersebut merupakan satu kelebihan terhadap Siti Fatimah r.a. Penggunaan gaya bahasa seperti **أَلَا تَعْلَمِينَ** yang bermaksud “tidakkah kamu mengetahui” bukan sebagai satu sindiran terhadap wanita itu, akan tetapi sebagai cara bagi meminimumkan kos terhadap wanita itu.

Oleh hal demikian, pertanyaan lelaki itu bukan menginginkan jawapan daripada wanita tersebut. Akan tetapi, pertanyaan beliau adalah untuk memberitahu bahawa kepelbagaian makanan yang terdapat di rumah Siti Fatimah r.a adalah kurniaan dari Allah S.W.T kepada Siti Fatimah r.a anak kepada Rasullah s.a.w. dengan ujaran **أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَكْرَمَ فَاطِمَةَ**



يَا كَثَارَ الطَّعَامِ فِي بَيْتِهَا. Wanita tersebut tidak mengetahui bahawa makanan tersebut adalah kurniaan Allah S.W.T yang merupakan satu kelebihan terhadap Siti Fatimah r.a. Justeru, ujaran lelaki itu dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh wanita itu.

### **Konteks 5 : Perpindahan keluar dari kota Mekah**

المرأة : سَوْفَ نَتْرُكُ الدَّارَ وَالْأَهْلَ لِنَسْكُنَ بِكُهُوفٍ وَمَعَاوِرَ

: Saufa natruku al-da:r wa al-ahla li naskun bi kuhu:f wa magha:wir

: Kita akan meninggalkan rumah dan ahli keluarga dan kita akan menetap di gua-gua

الرجل : أَلَيْسَ هَذَا أَفْضَلَ مِنَ الدِّهَابِ، وَالظُّلْمُ لَنَا

: Alaysa ha:dha: afdal min al-dhiha:b wa al-zalmu lana:?

: Bukankah ini lebih baik daripada pergi (berhijrah), sedangkan kezaliman menimpa ke atas diri kita?

Konteks ujaran berlaku setelah mendapat berita tentang perpindahan kaum muslimin untuk berhijrah dari kota Mekah ke gua-gua. Ujaran oleh seorang lelaki petikan di atas mematuhi Maksim Santun positif iaitu memaksimumkan memanfaatkan terhadap wanita itu. Maksud memaksimumkan manfaat dalam ujaran di atas adalah dapat mengurangkan kesedihan dan menenangkan hati wanita tersebut dengan dengan ujaran أَلَيْسَ هَذَا أَفْضَلَ مِنَ الدِّهَابِ

الدِّهَابِ، وَالظُّلْمُ لَنَا. Hal ini kerana, mereka telah mendapat arahan daripada Nabi

Muhammad s.a.w. agar berpindah keluar dari kota Mekah menuju ke kawasan pergunungan dan menetap di gua-gua di sana. Perpindahan keluar dari Kota Mekah memberi manfaat terhadap orang mukmin daripada menerima kezaliman kaum Quraish yang sentiasa menindas tanpa rasa belas kasihan.

## **Konteks 6 : Ungkapan Rabbani oleh seorang wanita**

النساء : فَلْتُبَارِكْهَا السَّمَاءُ، وَتَجْعَلْ فِي قُدُومِهَا الْخَيْرَ كُلَّهُ

: Faltuba:rikha: al-sama', wa taj'al fi: qudu:miha: khaira kullahu.

: Maka berkatilah Allah kepadanya dan jadikanlah kelahirannya memberi kebaikan keseluruhannya.

Ujaran petikan di atas berlangsung semasa kelahiran Siti Fatimah r.a oleh seorang wanita. Ujaran wanita tersebut mematuhi Maksim Santun positif iaitu memanfaatkan terhadap kepada Siti Fatimah r.a. Ungkapan doa merupakan satu cara atau kaedah yang memberi faedah kepada Siti Fatimah r.a. seperti ujaran di atas فَلْتُبَارِكْهَا السَّمَاءُ، وَتَجْعَلْ فِي

قُدُومِهَا الْخَيْرَ كُلَّهُ. Perkataan السَّمَاءُ merujuk kepada الله atau أَهْلُ السَّمَاءِ. Di samping itu, perkataan فَلْتُبَارِكْهَا merupakan kata perintah yang terkandung di dalamnya satu doa dan permintaan agar Allah S.W.T memberkatinya. Oleh hal demikian, ungkapan rabbani atau doa yang akan memberi manfaat kepada Siti Fatimah r.a agar beliau sentiasa diberkati oleh Allah S.W.T

### **4.3.2 Maksim Persetujuan**

Maksim Persetujuan negatif adalah untuk minimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain manakala Maksim Persetujuan positif adalah untuk maksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.

## **Konteks 1 : Perbualan di antara dua orang wanita**

بركة : وَلَكِنْ قُلِي لِي أَحَقًّا سَتَزَوِّجُ فَاطِمَةَ عَنْ ذَاكَ الشَّابِّ الذَّكِيِّ عَنِ النَّبِيِّ وَالْمُجَاهِدِ عَلِيِّ ابْنِ

أَبِي طَالِبٍ

: Wala:kin quli: li: ahaqqan satatazawwaj Fa:timat ‘an za:k al-shab al-zakiyy ‘an al-nabiyy wa al-muja:hid ‘Ali: bin Abi: Ta:lib

: Akan tetapi, katakan kepadaku adakah layak dikahwini Fatimah oleh Nabi Muhammad dengan seorang lelaki yang bijak dan pejuang iaitu Ali Bin Abi Talib

الخالة : بَلَّ إِنَّ الْأَمْرَ قَدْ حَصَلَ

: Bal inna al-amra qad ḥaṣal.

: Bahkan perkara itu telah berlaku ( perkahwinan Siti Fatimah)

Ujaran di atas antara dua orang wanita yang berborak tentang perkahwinan Siti Fatimah r.a dengan Sayyidina Ali bin Abi Talib. Ujaran petikan di atas mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu memaksimumkan persetujuan dengan wanita yang kedua. Pujian yang dilemparkan terhadap Sayyidina Ali r.a seorang lelaki yang bijak dan pejuang Islam sebagai menghargai sumbangan beliau terhadap agama Islam.

Ujaran wanita itu iaitu بَلَّ إِنَّ الْأَمْرَ قَدْ حَصَلَ yang bermaksud “Bahkan perkara itu telah

berlaku (perkahwinan Siti Fatimah)” menyatakan persetujuan secara langsung terhadap perkahwinan Siti Fatimah r.a dengan Sayyidina Ali r.a. Penggunaan huruf بل yang

bermaksud “Bahkan”, huruf إِنَّ yang bermaksud “sesungguhnya” dan huruf قَدْ juga yang

bermaksud “sesungguhnya” selepas kata kerja kala lampau فَعَلَ مَاضٍ adalah sebagai satu

cara untuk memaksimumkan persetujuan bahawa telah berlangsungnya perkahwinan Siti Fatimah r.a. dengan Sayyidina Ali r.a. Hal ini bagi menolak pernyataan Barakah yang masih lagi مُتَرَدِّدَة dengan perkahwinan Siti Fatimah r.a. Sistem panggilan memainkan peranan penting di dalam masyarakat Arab. Panggilan النَّبِيِّ merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu pengutus risalah Islam yang terakhir kepada umat Islam.

## **Konteks 2 : Perbualan di rumah Rasullah**

المرأة : لَقَدْ أَمَرْتُ سَيِّدَتِي أَنْ نَتْرُكَ مَتَاعَنَا لِنَخْرُجَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ إِلَى الْمَدِينَةِ

الأولى : Laqad amarat sayyidati: an natruka mata‘ana: li-nakhruja ma‘a Rasulillah ila: al-Madi:naṭ

: Sesungguhnya Puan Siti Fatimah telah mengarahkan kita supaya meninggalkan harta benda dan bersama-sama keluar berhijrah bersama Rasullah s.a.w ke Madinah.

المرأة : أَجَلُ يَا أُخْتَاهُ، وَأَنَا أَسْتَعِدُّ لِهَجْرَةٍ مَعَ بَاقِي الْمُسْلِمِينَ

الثانية : Ajal ya: ukhta:h wa ana: asta‘id li hijrat ma‘a ba:qi: al-muslimi:n

Sudah tentu wahai saudaraku. Saya bersedia untuk berhijrah bersama orang muslim yang lain.

Petikan di atas berlangsung di kota Mekah antara dua orang wanita yang mendapat berita tentang penghijrahan. Ujaran di dalam petikan di atas mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu beliau memaksimumkan persetujuan dengan wanita tersebut.

Ujaran أَجَلُ يَا أُخْتَاهُ bermaksud “ Sudah tentu wahai saudaraku”. Persetujuan untuk

berhijrah bersama Siti Fatimah r.a dan Rasulullah s.a.w ke Madinah adalah tuntutan agama dan persetujuan tersebut bukan meminimumkan perbalahan beliau dengan orang lain akan tetapi adalah memaksimumkan persetujuan dengan wanita yang pertama. Justeru, tanpa ragu-ragu beliau telah bersedia dari sudut mental dan fizikal untuk berhijrah bersama orang mukmin yang lain. Hal ini adalah jelas bahawa keikhlasan wanita tersebut untuk berhijrah dengan ujaran tambaha وَأَنَا أَسْتَعِدُّ لِهَجْرَةِ مَعَ بَاقِي الْمُسْلِمِينَ yang bermaksud “Saya bersedia untuk berhijrah bersama orang muslim yang lain”.

Ujaran يَا أُخْتَاهُ iaitu “wahai saudara perempuan secara literal” sesuai digunakan bagi seseorang yang mempunyai hubungan yang mesra dan rapat yang mempunyai nilai sopan yang tinggi. Selain itu, di dalam animasi tanah liat Arab, penggunaan partikel seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan ayat seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

### **Konteks 3 : Perjumpaan di tengah padang pasir**

الرجل : لَمْ يَعُدْ أَمَامَنَا سِوَى أَنْ نُقَاطِعَهُمْ مُقَاطَعَةً كَامِلَةً

الأول : Lam ya‘ud amamana: siwa: an nuqa:ti‘ahum muqata‘atan ka:milat

: Tidak akan ada lagi di hadapan kita kecuali memboikot mereka dengan dengan sepenuhnya.

الرجل : أَجَلٌ، عَلَيْنَا أَنْ لَا نَبِيعَ لَهُمْ وَأَنْ لَا نَشْتَرِيَ مِنْهُمْ

الثاني : Ajal, ‘alayna: an la: nabi:‘alahum wan an la: nashtariya: minhum.

: Betul...kita mesti tidak perlu menjual kepada mereka barangan dan kita tidak perlu membeli barangan dari mereka.

Petikan di atas berlangsung di padang pasir antara pemimpin Quraish Mekah. Ujaran petikan di atas mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu memaksimumkan persetujuan pemuda yang kedua dengan perancangan pemuda yang pertama dengan ujaran أَجَلٌ، عَلَيْنَا

أَنْ. Pemuda yang pertama menyatakan bahawa mereka perlu menentang habis-habisan

Nabi Muhammad s.a.w berserta pengikut beliau. Persetujuan pemuda yang kedua dengan menambah tekanan terhadap mereka dengan memboikot segala jenis urusan dengan kaum muslimin. Penggunaan ujaran أَجَلٌ عَلَيْنَا digunakan oleh masyarakat Arab

sebagai satu kemestian atau kewajipan ke atas mereka. Oleh itu, kesepakatan tercapai di antara mereka untuk membanteras aktiviti harian dan dakwah mereka.

#### **Konteks 4 : Perbualan semasa urusan penjualan hamba abdi**

الرجل : أَعْتَقِدُ أَنَّ ثَمَنَ هَذِهِ الْهَدِيَّةِ يَكْفِي لِشِرَاءِ الْعُلَامِ

الأول : ‘Ataqid anna thamana ha:dhihi: al-hadiyyat yakfi: li shira:’ al-ghula:m

: Saya fikir harga hadiah ini cukup untuk membeli hamba ini.

الرجل : أَجَلٌ، إِنَّهَا تُسَاوِي مَبْلَغًا مِنَ الْمَالِ يَكْفِي لِأَنْ تَبِيعَ الْعُلَامَ. هَذَا هُوَ لَكَ

الثاني : Ajal, innaha: tusa:wi: mablagh min al-ma:l yakfi: li anna tabi:'a al-ghula:m. Ha:dhihi: huwa lak.

: Betul, hadiah ini mempunyai nilai tuntutan dan cukup untuk membeli hamba ini. Hamba ini milik awak sekarang.

Ujaran penjual mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu memaksimumkan persetujuan dengan pembeli terhadap pembelian hamba. Penjualan hamba tersebut dengan pemberian hadiah oleh Siti Fatimah r.a yang berbentuk perhiasan wanita untuk ditebus dengan hamba. Oleh hal demikian persetujuan telah dicapai di antara pembeli dan penjual dengan nilai hamba abdi dengan penggunaan ujaran *أجل* yang bermaksud “Betul”. Siti Fatimah r.a berbuat demikian adalah untuk menyatakan bahawa memerdekakan hamba abdi adalah satu amalan yang mulia.

#### Konteks 5 : Perbualan semasa urusan jualan hamba abdi

غلام : أَنَا سَعِيدٌ لِأَنَّكُمْ إِشْتَرَيْتُمْ وَأَلْفَى مُعَامَلَةً حَسَنَةً عِنْدَكُمْ. وَلَكِنْ هَذَا الْعَرِيبُ أَنْ تُشْتَرَى بِهَدِيَّةٍ

زَيْنَةَ النِّسَاءِ

: Ana: sa'i:d li annakum ishtaraytum wa 'alqa: mu'a:malatan hasanatan 'indakum. wa la:kim ha:dha: al-ghari:b an tushtara bihadiyyat zi:naṭ annisa:'

: Saya gembira kerana kamu telah membeli dan saya melihat satu urusan jualan yang baik antara kamu. Akan tetapi, ini merupakan satu perkara yang agak ganjil, awak membeli hamba dengan hadiah perhiasan wanita.

الرجل : هَذَا صَحِيحٌ، إِنَّهَا هَدِيَّةٌ فَاطِمَةَ الزَّهْرَاءِ. وَمَنْ اشْتَرَتْ بِهَدِيَّتِهَا بَلْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ. إِنَّهَا

اشْتَرْت لِدِهَابِ حُرِّيَّتِكَ. أَنْتَ حُرٌّ يَا بُنَيَّ. اذْهَبِ مِنْ حَيْثُ مَا شِئْتَ

- : Ha:dha: şahi:h innaha: hadiyyatun Fa:ţimaţ az-Zahra' wa man ishtarar bi hadiyyatiha bal aktharu min dha:lik. innaha: ishtarar li-dhiha:b hurriyyatik. Anta hurr ya bunayya. idhhab haithu ma: shi'ta
- : Memang betul, sesungguhnya perhiasan ini merupakan hadiah Fatimah Az-Zahra' r.a yang telah membeli kamu bahkan lebih dari itu. Dia telah membeli kamu untuk membebaskan kamu daripada menjadi hamba abdi. Awak sudah bebas wahai anakku...pergilah ke mana yang kamu hendak pergi.

Konteks ujaran di atas berlangsung di sebuah pasar di kota Mekah selepas selesai urusan jual-beli hamba abdi. Ujaran di dalam petikan di atas mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu lelaki tersebut telah memaksimumkan persetujuan dengan seorang hamba dengan penggunaan ujaran هَذَا صَحِيحٌ. Ini menunjukkan bahawa persetujuan lelaki tersebut dengan pernyataan hamba itu bahawa beliau dibebaskan dengan sejumlah barang perhiasan wanita. Pembebasan hamba itu kerana jasa baik Siti Fatimah r.a yang sanggup memberi barang perhiasan untuk ditebus daripada seorang penjual.

Pada zaman dahulu, penjualan hamba abdi di kalangan masyarakat Arab bukan satu kesalahan dan tegahan. Kewujudan hamba abdi adalah disebabkan tawanan mangsa perang dan sebagainya. Di atas rasa simpati dan dan keikhlasan hati Siti Fatimah r.a, beliau sanggup memberi barang perhiasan untuk ditebus dengan seorang hamba.

Ujaran di atas menggunakan يَا بُنَيَّ bermaksud “wahai anakku” ketika berbicara.

Kebanyakan penggunaan يَا بُنَيَّ di kalangan masyarakat Arab adalah panggilan manja



untuk anak lelaki. Oleh hal demikian, pemilihan ujaran tersebut adalah sebagai menghormati beliau sebagai seorang anak kecil yang masih muda dan bukan sebagai seorang hamba yang patut dicela. Ini merupakan aspek penting yang ditekankan oleh ajaran agama Islam yang tidak membezakan darjat di antara satu sama lain.

#### **Konteks 6 : Perbualan antara dua orang wanita**

المراة : تَقْصِدِينَ أَنَّ فَاطِمَةَ قَدْ تَزَوَّجَتْ بِعَلِيِّ؟

الأول : Taqsudi: anna Fa:ṭimat qad tazawwaja bi 'Aliyy

: Awak bermaksud bahawasanya Fatimah telah berkahwin dengan Ali?

المراة : أَجَل، وَهَذَا أَرَدْتُ بِزِيَارَتِهَا وَأَنَّ أَفَاجِئَكَ بِهَذَا الْخَبَرِ السَّعِيدِ

الثانية : Ajal, wa biha:dha: aradtu bi ziya:ratin wa an ufa:jiaki biha:dha: al-khabar al-sa'i:d

: Betul...dengan ini saya hendak menziarahi beliau dan mengejutkan awak dengan berita baik ini.

Di dalam petikan di atas, ujaran wanita kedua mematuhi Maksim Persetujuan positif iaitu beliau memaksimumkan persetujuan dengan wanita yang pertama. Beliau telah menjawab persoalan wanita pertama berkaitan perkahwinan Siti Fatimah r.a dengan Sayyidina Ali r.a dengan penggunaan lafaz أَجَل. Selepas itu wanita tersebut menambah

penyataan beliau dengan ujaran وَهَذَا أَرَدْتُ بِزِيَارَتِهَا وَأَنَّ أَفَاجِئَكَ بِهَذَا الْخَبَرِ السَّعِيدِ sebagai

menyokong tentang perkahwinan Siti Fatimah r.a. Pertanyaan wanita yang pertama sebagai kepastian disebalik berita perkahwinan tersebut.

### 4.3.3 Maksim Sokongan

Maksim Sokongan negatif iaitu meminimumkan cacian terhadap orang lain dan Maksim Sokongan positif iaitu memaksimumkan pujian terhadap orang lain.

#### Konteks 1 : Perkarangan rumah Siti Fatimah r.a

الرجل : مَا أَعْظَمَ إِيمَانَكَ وَجُهْدَكَ يَا فَاطِمَةَ فِي الدَّعْوَةِ

: Ma: ‘azama ima:niki wa juhdiki ya: Fa:ṭimaṭ

: Alangkah hebatnya imanmu dan kesungguhanmu wahai Fatimah dalam berdakwah.

Konteks ujaran di atas berlangsung di perkarangan rumah Siti Fatimah r.a. Ujaran petikan di atas mematuhi Maksim Sokongan positif. Maksud memaksimumkan pujian dalam petikan di atas adalah pujian terhadap terhadap Siti Fatimah r.a dengan penggunaan **فِعْلُ التَّعَجُّبِ** iaitu perkataan **مَا أَعْظَمَ** yang bermaksud “Alangkah hebatnya” sebagai memaksimumkan pujian terhadap Siti Fatimah r.a.

Pujian yang dilontarkan kepada Siti Fatimah r.a bukan bertujuan mengampu atau sebagainya. Akan tetapi, sebagai menyokong perjuangan dan kekentalan iman Siti Fatimah r.a. Hal ini dapat dibuktikan dengan ujaran pemuda itu menggunakan perkataan **مَا أَعْظَمَ** adalah menyokong kesungguhan Siti Fatimah r.a menyebarkan dakwah bersama ayahanda beliau iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Oleh hal demikian, sokongan yang ditunjukkan oleh pemuda itu dengan ujaran-ujaran yang memuji tindakan yang dilakukan oleh Siti Fatimah r.a dalam menyebarkan dakwah.

Penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** sering digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

### **Konteks 2: Di rumah Nabi Muhammad s.a.w**

الرجل : مَا أَكْرَمَكَ يَا فَاطِمَةَ، مَا أَنْبَلَ يَا أَيَّتُهَا الزُّهْرَاءُ. أَنَا حُرٌّ وَمَا أَعْبُدُ عَبْدًا لِأَحَدٍ

: Ma: akramaki ya: Fa:ṭimat, ma anbala ya: ayyatuha: al-zahra'. Ana: hurr wa lam a'id 'abdan li-aḥadin

: Alangkah mulianya awak wahai Fatimah, Alangkah bijaknya wahai az-Zahra'. Saya merdeka dan tidak menjadi hamba kepada sesiapa

Konteks ujaran di atas berlangsung sebuah pasar penjualan hamba abdi di kota Mekah.

Ujaran oleh seorang hamba abdi itu mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu

memaksimumkan pujian terhadap Siti Fatimah r.a. Di samping itu, **مَا فِعْلُ التَّعَجُّبِ** iaitu

**مَا أَكْرَمَكَ** dan juga **مَا أَنْبَلَ** digunakan sebagai satu strategi komunikasi untuk

memaksimumkan pujian terhadap Siti Fatimah r.a. Pujian yang diujarkan sebagai

menyokong terhadap Siti Fatimah r.a bahawa beliau adalah seorang wanita yang mulia

di sisi Allah S.W.T

Selain itu, penggunaan kata ganti diri yang kedua **لِي** digunakan seolah-olah hamba abdi

itu berbicara dengan Siti Fatimah r.a. walaupun Siti Fatimah r.a tidak berada pada ketika

itu. Ini merupakan gaya bahasa yang digunakan untuk mendoakan kebaikan seseorang.

Penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** sering digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan partikel seruan **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

### **Konteks 3: Kelahiran Siti Fatimah**

المرأة : **نَحْتَفِلُ بِالْمَوْلُودِ الْجَدِيدِ وَقَدْ وَلَدَتْ سَيِّدَتِي خَدِيجَةَ وَأَنْتِ لَهَا بِطِفْلَةٍ كَأَنَّهَا الْبَدْرُ**

: Naḥtafil bi-al-maulu:d al-jadi:d wa qad waladat sayyidati: khadi:jat wa atat laha: bi al-tiflat ka'annaha: al-badr

: Kami menyambut kelahiran baru dan sesungguhnya puan (saya) Khadijah telah melahirkan seorang bayi perempuan (Siti Fatimah) yang berseri-seri seperti bulan purnama.

Konteks ujaran di atas berlangsung ketika menyambut kelahiran Siti Fatimah r.a. Ujaran seorang wanita tersebut mematuhi Maksim Sokongan positif. Maksud memaksimumkan pujian dalam petikan ini adalah pujian yang tinggi dilontarkan terhadap Siti Fatimah r.a dan bukannya bertujuan mengampu atau sebagainya. Ujaran di atas menggunakan ungkapan perumpamaan Siti Fatimah r.a dengan bulan purnama sebagai memaksimumkan sokongan kelahiran beliau memberi manfaat kepada umat Islam.

Perumpamaan itu adalah **يَا حَرْفُ النَّدَاءِ** yang bermaksud “engkau diberikan dengan seorang kanak-kanak yang cantik seperti bulan purnama”. Ujaran tersebut menunjukkan wanita itu menyokong bahawa Siti Fatimah r.a cantik seperti bulan purnama.

**Konteks 4 : Di rumah Siti Fatimah r.a**

المرأة : يَا لَهَا سَعَادَةٌ مِنْ أَبِيهَا مُحَمَّدَ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ وَأُمُّهَا خَدِيجَةَ بِنْتُ خُوَيْلِدٍ

العجوزة : ya:laha: sa'a:datu man abu:ha: Muhammad ibnu 'Abdillah wa ummuha:  
Khadi:jat bintu Khuwailid

: Alangkah gembiranya kedua dua ibu bapanya, Muhammad bin Abdullah dan Khadijah binti Khuwailid

Konteks ujaran di atas berlangsung di hadapan rumah Siti Fatimah r.a. Ujaran oleh seorang wanita tua itu mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu memaksimumkan pujian terhadap keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Penggunaan يَا لَهَا سَعَادَةٌ yang bermaksud “Alangkah gembiranya” iaitu merupakan ungkapan ekspresi positif bertujuan untuk menunjukkan keiklasan beliau memaksimumkan pujian. Ini menunjukkan kesopanan yang tinggi oleh wanita tersebut dalam berkomunikasi.

**Konteks 5 : Di rumah Siti Fatimah r.a**

الرجل : مَا أَعْظَمَ يَا فَاطِمَةَ وَأَنْتِ تُشَاهِدِينَ أَبَاكِ وَتُسَاعِدِينَهُ وَتَنْصُرِينَ دَعْوَتَهُ

: Ma: 'azama ya: Fa:ṭimat wa anti tusha:hidi:n aba:ki wa tusa:'idi:n wa tanṣuri:n daqwatahu.

: Alangkah hebatnya wahai Fatimah, awak menyaksikan (perjuangan) ayahmu, membantu dan menolong dakwahnya.

Konteks perbualan di atas dituturkan oleh seorang lelaki di rumah Siti Fatimah r.a. Di dalam petikan di atas, ujaran lelaki itu mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu memaksimumkan pujian terhadap Siti Fatimah r.a. Beliau merupakan antara tunjang di sebalik dakwah ayahanda beliau. Sokongan tersebut dilemparkan atas kesungguhan beliau memartabatkan agama Islam tanpa perasaan takut mahupun gusar.

Penggunaan ujaran *مَا أَعْظَمَ يَا فَاطِمَةَ* sesuai digunakan sebagai tanda sokongan terhadap pengorbanan yang ditunjukkan oleh Siti Fatimah r.a. Selain itu, penggunaan kata ganti diri yang kedua *كَ* dan *أَنْتِ* digunakan seolah-olah pemuda itu berbicara dengan Siti Fatimah r.a. walaupun Siti Fatimah r.a tidak berada pada ketika itu. Ini merupakan gaya bahasa yang digunakan untuk mendoakan kebaikan seseorang.

Di samping itu, partikel seruan *يَا حَرْفُ النَّدَاءِ* digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan partikel seruan *يَا حَرْفُ النَّدَاءِ* sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

#### **Konteks 6 : Di rumah Siti Fatimah r.a**

الرجل : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَارَكَ فِي بَيْتِ فَاطِمَةَ، جَزَاءً إِكْرَامِهَا وَإِحْسَانِهَا

: Alhamdulillah alladhi: ba:raka fi: bayti Fa:timat. Jaza' ikra:muha: wa  
ihsa:nuha:

: Puji-pujian kepada Allah yang memberkati rumah Siti Fatimah r.a.  
sebagai balasan atas kemuliaan dan kebaikannya.

Konteks perbualan di atas dituturkan oleh seorang lelaki ketika menziarahi rumah Siti Fatimah r.a. Ujaran lelaki itu mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu pemuda itu memaksimumkan pujian terhadap Siti Fatimah r.a. Ungkapan berunsur keislaman atau ungkapan rabbani iaitu *الْحَمْدُ لِلَّهِ* yang bermaksud “Puji-pujian kepada Allah S.A.W” mempunyai kesantunan yang tinggi. Ungkapan tersebut merupakan satu doa yang menyokong perjuangan beliau untuk agama Islam. Sokongan oleh pemuda itu agar

segala kebaikan yang dilakukan oleh Siti Fatimah r.a dibalas oleh Allah S.A.W. Hal ini dapat dibuktikan dengan ujaran **جَزَاءُ إِكْرَامِهَا وَإِحْسَانِهَا** yang menyokong agar dibalas dengan kebaikan. Perkataan **جَزَاءُ** merujuk balasan dari Allah S.W.T berbentuk pahala. Oleh hal demikian, ujaran berbentuk doa oleh beliau tersebut memberi kesan yang positif kepada Siti Fatimah r.a. sebagai tanda penghormatan dan keikhlasan hati beliau.

**Konteks 7 : Di rumah Siti Fatimah r.a**

الرجل : مَا أَعْظَمَ فَرْحَةَ رَسُولِ اللَّهِ بِأَبْنَائِكَ يَا فَاطِمَةَ

: Ma: ‘azam farhat Rasulillah bi abna:iki ya Fa:timat

: Alangkah gembiranya Rasulullah dengan anak-anakmu wahai Fatimah.

Konteks ujaran di atas berlangsung di hadapan rumah Siti Fatimah r.a. Gaya bahasa yang digunakan adalah berbentuk doa kepada Siti Fatimah dan merupakan salah satu cara untuk memaksimumkan pujian. Memaksimumkan pujian adalah sokongan positif iaitu sokongan terhadap kegembiraan Rasulullah s.a.w atas kelahiran yang baru.

Ujaran pemuda tersebut mematuhi Maksim Sokongan positif iaitu beliau memaksimumkan pujian terhadap keluarga Rasulullah sempena kelahiran Siti Fatimah r.a dengan penggunaan lafaz **فِعْلُ التَّعَجُّبِ** iaitu **مَا أَعْظَمَ فَرْحَةَ** . Ungkapan tersebut bermaksud “Alangkah gembiranya” amat sesuai digunakan bagi menggambarkan kegembiraan keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Penggunaan ujaran tersebut merupakan sokongan bahawa kelahiran Siti Fatimah r.a memberi kegembiraan kepada Rasulullah. Kelahiran yang dimaksudkan itu adalah Sayyidina Hasan dan Husin. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w sangat gembira dan teruja di atas kelahiran tersebut.

#### 4.3.4 Maksim Kedermawaan

Maksim Kedermawaan negatif iaitu minimumkan manfaat bagi diri sendiri dan Maksim Kedermawaan positif iaitu maksimumkan kos bagi diri sendiri. Maksim ini lebih berpusatkan kepada diri sendiri.

##### **Konteks 1: Perbualan di rumah Siti Fatimah r.a.**

الرجل : كُلي يا خالتي من هذا الطعام فهو كثير، وقد أراد دين فاطمة أن أوزع منه على جيرانها

: Kuli: ya: kha:lati min ha:dha: al-ta‘a:m fahuwa kathi:r. wa qad ara:da di:n  
Faṭi:maṭ an uwazzi‘a minhu ‘ala: ji:ra:niha:

: Makanlah wahai makcik (makcik saya secara literal) dari makanan ini yang banyak. Sesungguhnya Agama (Islam) Fatimah menghendaki saya mengagihkan makanan ini kepada jiran-jirannya (Fatimah)

Konteks ujaran petikan di atas berlangsung ketika seorang wanita datang menziarahi rumah Siti Fatimah r.a. Pada ketika itu Siti Fatimah r.a tidak ada di rumah. Ujaran pemuda itu yang menyambut kedatangan seorang wanita mematuhi Maksim Kedermawaan positif iaitu meminimumkan manfaat bagi diri beliau iaitu كُلي يا خالتي yang bermaksud “Makanlah wahai makcik (makcik saya secara literal”).

Ujaran tersebut menunjukkan kemurahan hati pemuda itu dan keluarga Siti Fatimah r.a dengan mengajak makcik tersebut menjamah makanan maka, meminimumkan manfaat bagi diri mereka. Ujaran itu mempunyai nilai sopan yang tinggi kerana beliau menyatakan bahawa agihan makanan kepada fakir miskin merupakan satu tuntutan ajaran agama Islam iaitu وَقَدْ أَرَادَ دِينَ فَاطِمَةَ أَنْ أُوزَعَ مِنْهُ عَلَى جِيرَانِهَا. Penggunaan huruf فَدْ yang bermaksud “sesungguhnya” adalah menguatkan lagi kenyataan pemuda itu. Oleh hal demikian, penekanan ajaran agama Islam supaya orang mukmin membantu



saudaranya yang fakir miskin serta orang bukan Islam dititkberatkan oleh Siti Fatimah r.a.

Ujaran pemuda itu memanggil wanita yang lanjut usia dengan يَا خَالَتِي iaitu “wahai makcik (sebelah emak secara literal)” menunjukkan kesopanan yang tinggi sesuai dengan taraf sosial wanita tersebut. Selain itu, di dalam animasi tanah liat Arab, penggunaan partikel seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sering digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan partikel seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

#### 4.3.5 Maksim Simpati

Simpati negatif iaitu meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain.

Simpati positif iaitu maksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

#### Konteks 1 : Perbualan di rumah Barakah

الرجل : مَا بِكَ يَا بَرَكَةَ، أَرَآكَ حَزِينَةً الْقَلْبِ

: Ma: biki ya: Barakat, ara:ki hazi:nat al-qalb

: Ada apa dengan awak wahai Barakah? Saya melihat awak bersedih hati.

Konteks perbualan ini berlaku di rumah Barakah ketika beliau memikirkan nasib yang menimpa ke atas diri Siti Fatimah r.a. Ujaran pemuda itu yang datang ke rumah Barakah mematuhi Maksim Simpati negatif. Maksud meminimumkan antipati dalam petikan ini adalah bagi mengurangkan perasaan tidak suka atau selesa Barakah di sebalik pertanyaan oleh pemuda itu dengan penggunaan ujaran مَا بِكَ يَا بَرَكَةَ. Oleh itu pemilihan

gaya bahasa pemuda itu ketika berbicara adalah tepat kerana bergantung kepada situasi yang dialami oleh Barakah. Selain itu, beliau berhati-hati ketika berbicara agar dengan Barakah agar tidak terguris hati dengan menggunakan ujaran **آرَاكِ حَزِيْنَةَ الْقَلْبِ** yang bermaksud “Saya melihat awak bersedih hati”. Hal ini kerana Barakah masih bersedih hati dan sedang memikirkan keselamatan dan kesihatan Siti Fatimah r.a. yang masih kanak-kanak yang terpaksa menerima kepungan tentera Quraish di Mekah selama beberapa hari. Kesimpulannya, tujuan lelaki itu bertanya kepada Barakah agar mententeramkan hati Barakah yang meratapi kesusahan yang dialami Siti Fatimah r.a. Oleh hal demikian, penggunaan ujaran **مَا بِكِ** lebih sesuai dan sopan jika dibandingkan dengan penggunaan ujaran **لِمَاذَا يَا بَرَكَةَ**.

## **Konteks 2 : Perbualan di rumah Barakah**

الرجل : **مَا بِكِ يَا بَرَكَةَ، وَأَنْتِ يَا أُخْتِي لِمَاذَا تَبْكِينَ؟**

: Ma: biki ya: Barakat, wa anti ya ukhti: lima:dha: tabki:n

: Ada apa dengan awak wahai Barakah, dan awak wahai saudaraku...  
(perempuan) kenapakah engkau menangis?

Konteks ujaran di atas berlangsung di rumah Barakah ketika beliau dan kawannya bersedih hati kerana kewajipan berhijrah umat Islam keluar dari kota Mekah. Ujaran pemuda tersebut mematuhi Maksim Simpati negatif. Maksud adalah untuk mengelak perasaan tidak suka atau selesa Barakah di sebalik pertanyaan. Pemuda itu berhati-hati ketika berbicara dengan Barakah dengan ujaran **مَا بِكِ يَا بَرَكَةَ**. Pemilihan gaya bahasa yang dituturkan oleh pemuda itu adalah sopan. Hal ini kerana Barakah dan kawannya masih lagi bersedih hati. Oleh itu, penggunaan ujaran **مَا بِكِ** memberi impak positif

terhadap Barakah agar tidak terguris hati atau berasa tidak selesa dengan pertanyaan tersebut.

Penggunaan ujaran أُخْتِي dikira sesuai dan sopan dituturkan kepada seorang wanita atau perempuan yang sama umur, lebih muda, kakak atau adik. Perkataan أُخْتِي bermaksud “saudara perempuan saya secara literal” tampak lebih sopan dan santun. Ini menunjukkan kehalusan bahasa Arab dan kepelbagaian gaya bahasa dalam memberi makna tertentu dan dapat memberi kesan yang mendalam terhadap kawannya. Di samping itu, يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sering digunakan untuk memanggil seseorang ketika berbicara. Dari sudut pragmatik, penggunaan ayat seruan يَا حَرْفُ النَّدَاءِ sebagai lebih sopan dan santun untuk memanggil seseorang ketika berbicara.

### **Konteks 3 : Perbualan ketika kewafatan Sayyidina Khadijah**

الرجل : أَتَرَى الْحُزْنَ تَفِيضُ عَلَى قُلُوبِ الْمُسْلِمِينَ

الأول : Atara: al-huznat tufi:du ‘ala: qulu:b almuslimi:n

: Adakah awak melihat kesedihan yang menyelubungi hati orang-orang mukmin.

الرجل : أَنْظُرُ... أَنْظُرُ... كَيْفَ يَبْكِيَانِ لِرُفَاةِ خَدِيجَةَ

الثاني : Unzur..unzur, kayfa yabkiya:n li-wafa:ti Khadi:jat

: Lihatlah..lihatlah bagaimana dua orang (lelaki ) menangis kerana kewafatan Siti Khadijah r.a

Ujaran di atas berlangsung ketika hari kewafatan Siti Khadijah r.a dan pada ketika itu ramai para sahabat menziarahi rumah Nabi Muhammad s.a.w. Ujaran di atas dituturkan oleh seorang lelaki yang mengunjungi majlis tersebut. Ujaran pemuda itu mematuhi Maksim Simpati positif iaitu memaksimumkan simpati terhadap umat Islam di atas kewafatan ibu kepada segala umat manusia iaitu Siti Khadijah r.a. Ujaran tersebut adalah berbentuk pertanyaan seperti كَيْفَ يَبْكِيَانِ لَوَفَاةِ خَدِيجَةَ yang bermaksud “Bagaimana dua orang lelaki menangis kerana kewafatan Siti Khadijah”. Pertanyaan daripada pemuda tersebut bukan menghendaki jawapan daripada pendengar tersebut akan tetapi, supaya pendengar itu dapat mengetahui bahawa kewafatan Siti Khadijah memberi kesedihan kepada mereka.

Oleh itu, pertanyaan tersebut menunjukkan ketidakterusan penutur dalam memaksimumkan simpati yang menimpa umat Islam dengan penggunaan kata tanya adakah iaitu أَتَرَى sebagai satu strategi dalam berkomunikasi untuk menyatakan sesuatu dan bukan menghendaki jawapan bagi persoalan tersebut.

#### **Konteks 4: Perbualan di dalam rumah Siti Fatimah r.a**

المرأة : يَا إِلَهَ سَاكِنِ مُتَوَاضِعٍ، أَبْنْتُ رَسُولِ اللَّهِ تَعِيشُ فِي هَذَا الْمَكَانِ الْبَسِيطِ وَتَطْحَنُ الْقَمْحَ وَتَقْفِسُ

الخبز

: Ya: ila:hi sa:kin mutawa:di‘, abintu Rasulullah ta‘i:shu fi: ha:dha: al-

maka:n al-basit wa taṭḥanu al-qamḥa wa taqbisu al-khubza

: Ya Allah...(ekspresi terkejut) tempat tinggal yang sederhana. Adakah anak Rasulullah tinggal di tempat yang biasa seperti ini...mengisar biji-bijian dan membakar roti.

Ujaran di atas dituturkan ketika seorang wanita datang menziarahi ke rumah Siti Fatimah r.a. Ujaran oleh wanita itu mematuhi Maksim Simpati positif iaitu memaksimumkan simpati terhadap keluarga Siti Fatimah r.a dengan ujaran يَا إِلَهَ سَاكِنٍ

مُتَوَاضِعٍ yang bermaksud “Ya Allah...(ekspresi terkejut) tempat tinggal yang sederhana”.

Hal ini adalah beliau menjangkakan rumah Siti Fatimah r.a. adalah cantik dan mempunyai kelengkapan yang mencukupi. Akan tetapi, jangkauan beliau adalah tidak tepat kerana kediaman Siti Fatimah r.a. hanya bersifat sederhana dan biasa sama seperti rumah orang lain. Selain itu, ujaran seperti تَعِيشُ فِي هَذَا الْمَكَانِ الْبَسِيطِ وَتَطْحَنُ الْقَمْحَ وَتَقْبِسُ

الْحَبِّ لafaz yang bermaksud “tinggal di tempat yang biasa seperti ini...mengisar biji-bijian dan membakar roti.” menjelaskan bahawasanya Siti Fatimah sama seperti orang lain yang melakukan kerja rumah seharian mengisar biji-bijian dan membakar roti.

Konsep ajaran agama Islam yang menekankan sifat bersederhana telah diterapkan di dalam kehidupan beliau. Justeru, timbul perasaan rendah diri التَّوَاضِعِ di dalam diri beliau

bahawa Siti Fatimah r.a adalah insan yang sama seperti orang lain dan tidak mempunyai keistimewaan atau mukjizat seperti ayahanda beliau Nabi Muhammad s.a.w.

Penggunaan kata tanya ‘adakah’ iaitu أَيْنَتْ رَسُولَ اللَّهِ bukan menghendaki jawapan

bahawa rumah ini bukan milik Siti Fatimah r.a atau sebagai satu sindiran terhadap Siti Fatimah r.a. Akan tetapi, ini adalah kerana beliau terkejut dengan keadaan rumah tersebut yang bersifat sederhana. Oleh itu, ujaran di atas mematuhi Maksim Simpati positif.

**Konteks 5 : Perbualan dua orang lelaki**

الرجل : مَسْكِينَةٌ أَنْتِ يَا فَاطِمَةَ لَمْ تَنْسَى بَعْدَ مَا الْآثَارِ حِصَارٍ حَتَّى جَاءَ يَوْمٌ أَلِيمٌ، أَنَا فَكَّرْتُ  
فِيهِ أُمُّ الْأُمَّةِ خَدِيجَةَ بِنْتَ خُوَيْلِدٍ

الصالح : Miski:nat anti ya: Fa:timat. Lam tansa: ba'da a:sa:r hiša:r hatta: ja:'a yawm ali:m. Ana fakartu fi:hi umma ummat Khadi:jat binta Khuwailid  
: Kesian kepada awak wahai Fatimah. Awak tidak akan lupa selepas kesan kepungan sehingga tiba hari yang menyedihkan. Saya fikirkan hari yang menyedihkan, wahai Khadijah binti Khuwailid.

Petikan ini berlangsung ketika dua orang lelaki soleh sedang membicarakan nasib yang menimpa ke atas Siti Fatimah r.a. Musibah yang menimpa ke atas beliau adalah kepungan oleh kaum Quraish Mekah selama tiga bulan di kawasan pergunungan di sekitar Mekah.

Ujaran oleh seorang lelaki itu mematuhi Maksim Simpati positif iaitu memaksimumkan simpati ke atas Siti Fatimah r.a dengan ujaran مَسْكِينَةٌ أَنْتِ يَا فَاطِمَةَ yang bermaksud “Kesian kepada awak wahai Fatimah”. Ungkapan tersebut merupakan satu rintihan bagi menggambarkan musibah yang menimpa ke atas Siti Fatimah r.a walaupun pada ketika itu Siti Fatimah tidak ada. Beliau berbicara seolah-olah Siti Fatimah r.a wujud pada ketika itu dengan penggunaan kata ganti diri yang kedua أَنْتِ dan juga kata kerja لَمْ تَنْسَى .

Ini merupakan salah satu cara rintihan bagi menggambarkan simpati yang mendalam terhadap Siti Fatimah r.a Di samping itu, bagi memaksimumkan simpati, pemuda itu memberi sebab kenapa beliau simpati kepada Siti Fatimah yang pertama adalah kerana kepungan oleh kaun Quraish dan yang kedua adalah kerana kematian Siti Khadijah r.a dengan ujaran لَمْ تَنْسَى بَعْدَ مَا الْآثَارِ حِصَارِ حَتَّى جَاءَ يَوْمُ أَلِيمٍ، أَنَا فَكَّرْتُ فِيهِ أُمُّ الْأُمَّةِ خَدِيجَةَ بِنْتُ خُوَيْلِدٍ.

#### 4.3.6 Rumusan mengikut Maksim

Setelah dianalisis rajah dibawah, hasil dapatan di dalam animasi tanah liat Arab bertajuk “Fatimah az-Zahra” mengikut taburan kekerapan penggunaan enam maksim dengan yang tertinggi adalah Maksim Sokongan sebanyak 28% diikuti dengan Maksim Santun dan Persetujuan sebanyak 24%.

#### 4.4 Jadual Taburan Kekerapan Penggunaan Prinsip Kesopanan Leech.

Bil.	Maksim	Transkripsi	Peratus
1.	Santun	6	24%
2.	Sokongan	7	28%
3.	Persetujuan	6	24%
4.	Kerendahan Hati	0	0%
5.	Simpati	5	20%
6.	Kedermawaan	1	4%
	Jumlah	25	100%

Dapatan daripada analisis animasi tanah liat Arab Siti Fatimah menunjukkan Maksim Sokongan merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak 28% diikuti Maksim Santun dan Maksim Persetujuan sebanyak 24%. Sebanyak 20% Maksim Simpati dan 4% Maksim

Kedermawaan. Akan tetapi Maksim Kerendahan Hati adalah 0%. Justeru animasi tanah liat Siti Fatimah tidak terdapat Maksim Kerendahan Hati. Ini mungkin tajuk animasi tersebut tidak mengkhususkan Maksim Kerendahan Hati.

4.5 Jadual Taburan Kekerapan Kesopanan Negatif dan Kesopanan Positif Mengikut Maksim

Bil.	Maksim	Transkripsi
1.	Santun Negatif	2
	Santun Positif	4
2.	Sokongan Negatif	0
	Sokongan Positif	7
3.	Persetujuan Negatif	0
	Persetujuan Positif	6
4.	Kedermawaan Negatif	0
	Kedermawaan Positif	1
5.	Simpati Negatif	2
	Simpati Positif	3
6.	Jumlah	25

4.6 Jadual Taburan Kekerapan Kesopanan mengikut Kesopanan Negatif dan Kesopanan Positif

Bil.	Kesopanan	Transkripsi	Peratus
1.	Kesopanan Negatif	4	16%
2.	Kesopanan Positif	21	84%



Rajah di atas menunjukkan bahawa ujaran di dalam animasi tanah liat Siti Fatimah lebih cenderung kepada kesopanan yang positif sebanyak 84% berbanding dengan ujaran kesopanan yang negatif iaitu sebanyak 16%.

#### **4.4 Penutup**

Kesimpulannya, unsur-unsur kesopanan yang terdapat di dalam animasi Gua Thur dan Siti Fatimah r.a mematuhi Prinsip Kesopanan Leech. Ini dapat dilihat dengan data yang dianalisis dengan terperinci sebelumnya. Di dalam animasi Siti Fatimah r.a Maksim Sokongan adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 28 % diikuti dengan Maksim Santun dan Persetujuan sebanyak 24%. Akan tetapi, di dalam animasi Gua Thur, Maksim Santun adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 36.4% diikuti dengan maksim Persetujuan sebanyak 22.7% dan Maksim Sokongan sebanyak 13.6%. Oleh hal demikian, dapat dilihat bahawa unsur-unsur kesopanan di dalam kedua-dua animasi itu mematuhi Prinsip Kesopanan Leech. Akan tetapi, kekerapan maksim adalah berbeza mengikut jalan cerita dan tajuk animasi tersebut.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini akan memperlihatkan kesimpulan-kesimpulan dan cadangan-cadangan umum terhadap perbincangan dan analisis pada bab yang lepas. Pengkaji akan menjelaskan cadangan-cadangan umum agar nilai-nilai kesopanan di dalam masyarakat Arab akan dipraktikkan di dalam kehidupan seharian.

#### **5.1 Kesimpulan**

Beberapa kesimpulan dapat dilihat di dalam kajian ini antaranya:

Setelah selesai analisis animasi tanah liat Arab, data-data perbualan yang diperolehi daripada animasi tersebut secara keseluruhannya mematuhi Prinsip Kesopanan yang diutarakan oleh Leech. Di dalam animasi tersebut, Maksim Santun merupakan paling tinggi yang digunakan sebagai strategi diikuti sebanyak 30.4% berbanding dengan Maksim Persetujuan dan Maksim Sokongan masing-masing sebanyak 21.7%. Manakala Maksim Simpati pula adalah sebanyak 15.3%, Maksim Kerendahan Hati sebanyak 6.5% dan yang terendah adalah Maksim Kedermawaan sebanyak 4.4%.

Watak-watak di dalam animasi seperti para sahabat, Siti Aisyah, Nabi Muhammad dan sebagainya diujarkan dengan ungkapan-ungkapan yang sopan bagi mewujudkan suasana yang harmoni tanpa perselisihan faham. Selain itu, musuh-musuh Islam seperti watak-watak Syaitan, Abu Lahab dan sebagainya menggunakan ujaran-ujaran yang sopan ketika berbicara dan tidak secara terus menghina dan mencela para sahabat nabi. Hal ini kerana budaya masyarakat Arab yang amat menitikberatkan ujaran-ujaran yang sopan dan santun. Oleh hal demikian, animasi tersebut sesuai ditonton dan digunakan sebagai bahan bantu mengajar kepada para pelajar. Meskipun terdapat teori kesopanan sarjana

barat yang lain seperti Brown dan Levinson (1983), Fraser (1990) dan Lakoff, Prinsip Kesopanan yang didokong oleh Leech adalah bersifat universal dan sesuai diaplikasikan di dalam kehidupan seharian. Prinsip Kesopanan tersebut sejajar dengan teras kesopanan masyarakat Arab yang meletakkan unsur-unsur kesopanan sebagai strategi komunikasi. Mereka saling menghormati di antara satu sama lain, merendahkan diri, sabar, pemurah, mendoakan kesejahteraan orang lain dan amat mementingkan ukhuwah sesama orang Islam. Ini merupakan diantara aspek-aspek yang ditekankan di dalam ajaran agama Islam. Meskipun tiada teori asas di kalangan sarjana Arab yang meletakkan aspek kesopanan sebagai strategi komunikasi akan tetapi, nilai-nilai kesopanan yang diterapkan oleh agama Islam telah diaplikasikan di dalam diri mereka sendiri.

Hasil kajian pengkaji, membuktikan animasi tanah liat Arab yang berunsur keIslaman kaya dengan pelbagai ungkapan dan ujaran. Ini kerana setiap animasi yang dihasilkan berdasarkan sirah-sirah para nabi serta para sahabat. Animasi tersebut menggambarkan perihal agama Islam sebagai sebuah agama yang bertoleransi dengan ajaran agama lain. Ini dapat dibuktikan dakwah yang dibawa agama Islam yang diterima penduduk Mekah dan Madinah.

Di samping itu, melalui tontonan animasi tersebut secara tidak langsung para pelajar didedahkan dengan budaya masyarakat Arab iaitu tradisi pemakaian pakaian mereka seperti jubah, igal, serban, imej dan penampilan serta tempat tinggal mereka. Ini dapat meningkatkan pemahaman adat dan budaya masyarakat Arab. Selain itu, kajian bidang pragmatik dan balaghah mempunyai perkaitan di dalam beberapa tajuk seperti *بَحَارُ عَمَلِي*,

*التَّشْبِيهِ، الْمَسْنَد، الْإِسْتِفْهَام* dan sebagainya seperti yang diberikan perincian oleh pengkaji

sebelumnya. Akan tetapi, terdapat sedikit perbezaan antara pragmatik dan balaghah iaitu dari sudut fokus. Pragmatik bidang yang fokus melihat makna disebalik ujaran penutur dan balaghah adalah bidang yang mengkaji ayat tersebut berdasarkan penggunaan perkataan, susunan ayat, gaya bahasa yang mempunyai fungsi yang tertentu. Ini memberi erti fokus pragmatik adalah kajian terhadap ujaran yang lahir daripada penutur diklasifikasikan mengikut maksud yang dikehendaki penutur manakala balaghah adalah setiap ayat diklasifikasikan mengikut tajuk yang berkaitan dengan fungsi ayat, susunan dan perkataan. Oleh hal demikian, pragmatik adalah sebahagian daripada ilmu balaghah Arab yang lebih menumpukan kepada penutur, pendengar dan konteks ujaran.

## **5.2 Cadangan-cadangan**

Antara cadangan-cadangan pengkaji adalah seperti berikut:

### **a) Penganjuran Kursus Intensif**

Penganjuran kursus-kursus intensif bahasa Arab komunikasi perlu diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi para pelajar yang akan menyambung pengajian ke Timur Tengah. Di dalam kursus tersebut, penerapan ilmu pragmatik dan balaghah Arab secara langsung dapat memperkasakan bahasa Arab di kalangan pelajar Malaysia. Meskipun ramai warganegara Malaysia menuntut di universiti-universiti Timur Tengah, akan tetapi tahap penguasaan kemahiran komunikasi masih lagi di tahap yang rendah dan lemah. Kegagalan dari aspek pertuturan memberi perspektif negatif masyarakat Arab terhadap rakyat Malaysia bahawa mereka tidak mesra dan ramah.

### **b) Pengenalan modul khusus bahasa Arab**

Syarikat-syarikat swasta atau kerajaan yang menawarkan kursus bahasa Arab komunikasi perlu memperkenalkan satu modul yang khusus merangkumi aspek pragmatik dan balaghah dalam satu tajuk yang khusus. Ini kerana sesuatu bahasa diukur sekiranya seseorang menguasai ilmu pragmatik penerapan nilai-nilai kesopanan

masyarakat Arab melalui ujaran-ujaran yang sopan dan lemah lembut dapat mengeratkan hubungan masyarakat Malaysia dengan masyarakat Arab amnya.

c) Animasi sebagai bahan bantu mengajar

Di samping itu, penggunaan animasi sebagai alat bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat meningkatkan minat para pelajar. Setelah selesai menonton animasi tersebut, para tenaga pengajar boleh mengetengahkan ujaran-ujaran yang digunakan di dalam animasi dan mempraktikkan kepada para pelajar di dalam mempelbagaikan teknik pengajaran. Melalui tontonan animasi, para pelajar akan menggabungkan empat kemahiran dalam mempelajari bahasa arab iaitu kemahiran melihat, kemahiran mendengar, kemahiran menulis dan bertutur. Ini secara tidak langsung dapat melatih minda untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

d) Kemahiran pertuturan

Pada pendapat pengkaji, bidang pragmatik bahasa Arab memerlukan latihan yang teratur, masa yang khusus serta tempat yang sesuai. Ini kerana aspek pragmatik diukur dan dinilai pada skala tahap penguasaan kemahiran pertuturan serta pemahaman bagaimana cara ujaran dilafazkan. Sekiranya tiada masa yang khusus, latihan yang teratur serta tempat yang sesuai, kemahiran komunikasi akan terbatas pada tahap yang tertentu. Oleh itu, usaha bagi melahirkan golongan cerdik pandai yang fasih bertutur bahasa Arab perlulah dijalankan pada masa kini bagi melahirkan generasi bijak pandai. Pada masa kini fungsi pembelajaran bahasa Arab bukan sekadar matlamat ilmu agama, akan tetapi skop pembelajaran bahasa Arab telah berkembang dengan skala lebih besar dan mempunyai matlamat tertentu seiring dengan peredaran zaman. Fungsi sebagai bahasa perantaraan di dalam dunia tanpa sempadan di kalangan golongan usahawan, profesional dan cerdik pandai adalah jelas menunjukkan bahawa peranan bahasa Arab amat penting di dalam masyarakat Islam di seluruh dunia. Sehingga kini bahasa Arab

menduduki tangga yang keenam bahasa yang paling ramai dituturkan oleh masyarakat di seluruh dunia.

e) Lakonan dan stimulasi

Lakonan atau stimulasi di dalam atau di luar kelas. Para pelajar diberikan tugas berdasarkan tajuk mengikut silibus yang ditetapkan. Implikasi daripada lakonan tersebut dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran hafalan serta penggunaan ungkapan-ungkapan yang dipelajari melalui animasi. Antara tajuk- tajuk yang digunakan di dalam lakonan seperti, perkenalan, pulang ke kampung, menziarahi ke hospital dan sebagainya.

f) Program pertukaran pelajar

Mengadakan program pertukaran pelajar dari Timur Tengah. Pada masa kini kebanyakan sekolah mengadakan program pertukaran pelajar atau lawatan ke luar negara seperti Amerika Ayarikat, Jepun, Korea dan sebagainya. Cadangan pada masa hadapan agar diadakan program pertukaran pelajar dari Timur Tengah. Implikasi daripada program pertukaran para pelajar akan didedahkan dengan aspek-aspek pragmatik yang diujarkan oleh penutur jati sendiri.

g) Pragmatik sebagai subjek khusus

Pragmatik sebagai salah satu tajuk di bawah d subjek balaghah Arab. Oleh itu, para pelajar didedahkan dengan ilmu pragmatik lebih awal diperingkat sekolah menengah dan universiti. Sekiranya pendedahan yang berterusan di dalam kelas samaada melalui teks lisan atau bertulis kepada pelajar, ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar bertutur dengan menggunakan ungkapan-ungkapan yang ditetapkan di dalam silibus pragmatik.

h) Tenaga pengajar luar

Selain itu, cadangan pengkaji agar mengambil guru dari negara-negara Arab dan ditempatkan setiap sekolah yang mempunyai aliran bahasa Arab. Justeru, guru-guru

tempatan dapat berkongsi pandangan dan pendapat ke arah pemantapan kemahiran pertuturan dari aspek pragmatik di kalangan para pelajar.

i) Skop Maksim

Di dalam Prinsip Kesopanan Leech, terdapat enam maksim mencakupi kajian pengkaji. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian dijalankan kepada skop yang lebih kecil iaitu melihat balaghah Arab dari satu maksim sahaja seperti Maksim Santun. Penyempitan ini membolehkan kajian yang lebih mendalam dan terperinci serta dapat melihat dengan lebih jelas maksim tersebut.

j) Mengimport bahan-bahan bermutu dari negara Arab.

Pihak swasta atau kerajaan seharusnya mengimport bahan-bahan teks bertulis seperti cerpen, novel, majalah dan sebagainya atau bahan elektronik seperti animasi Arab. Hal ini kerana sumber-sumber tersebut amat sukar dicari dipasaran tempatan. Selain itu, kemampuan tenaga tempatan untuk menghasilkan cerpen atau animasi agak terbatas kerana kurangnya pendedahan di Malaysia.

### **5.3 Penutup**

Di dalam bab ini pengkaji telah memberi kesimpulan serta cadangan-cadangan agar bidang pragmatik diberi perhatian. Hal ini kerana bidang pragmatik dapat membantu pelajar memahami bahasa Arab dengan lebih jelas dan teratur.

## 5.0 Senarai Rujukan

### Rujukan Buku

- Abdullah Bin Mohd Yasin (1998). *Kesopanan Berteraskan Prinsip dan Maksim Leech: Satu Analisis Teks Lembaga Budi*. Kuala Lumpur: (Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Abdul Ghani Abdullah dan Abd. Rahman Abd. Aziz (2009). *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2002). *Setia dan Santun*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Asmah Hj. Omar (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan, dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asy-Syarkani, Muklas. (2010). *Cara Belajar Bahasa Arab Balaghah*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Oxford: Oxford University Press.
- Awang Sariyan (2009). *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown,P. and S.Levinson (1983). *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Brown, P. and Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cook, G. (1994). *Discourse and Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Cumming, L. (2005). *Pragmatics: a Multidisciplinary Perspective*. New Jersey: LEA Publishers.
- Deirdre Wilson and Dan Sperber (2004). *The Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.



- Fraser, B. (1990) "An Approach to Discourse Markers", *Journal of Pragmatics*. Grice, H. P. (1975). *Logic and conversation*. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics: Speech acts*. New York: Academic Press.
- Hashimi, Ahmad. (1991). *Jawahir al-balaghah fi al-ma'ani wa al-bayan wa al-badi'*. Beirut Dar al-Fikr
- Hassan, Faḍḍal. (2004). *al-Bala:ghah: Funu:nuha: wa Afna:nuha: 'Ilmu al-Ma'a:ni: Amma:n: Da:r al-Furqa:n li al-Nasar wa al-Tauz'i:q*.
- Hussein, Abdul-Raof (2006). *Arabic Rethoric : A Pragmatic Analysis*. New York: Routledge.
- Jamaliah Mohd Ali (2002). *Why we don't say what we mean: A Study of verbal indirection in communication*. *Jurnal Bahasa Moden*
- Jens Allwood, Lars-Gunnar Andersson, and Osten Dahl (1977). *Logic in Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Katz, J. (1977). *Propositional Structure and Illocutionary Force*. New York: Crowell.
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, S.C. (1983), *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Look, T. J. (1997). *Retorik dalam Penjualan Insurans: Satu Analisis Prinsip Kerjasama dan Kesopanan*. (Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Markkanen, R. (1985). *Cross Language Studies in Pragmatics (Jyväskylä Cross Language Studies 11)*. Jyväskylä: University of Jyväskylä.
- Mohamed Haron (1996). *Mekanisme Komunikasi Verbal dalam Mesyuarat*. (Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

- Mohammad bin Idris (2000). Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu. (Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Morris, C. (1938/1971): Foundations of the theory of signs. In Writings on the Theory of Signs. The Hague: Mouton, pp. 17-74.
- Muhammad Yusof 'Ali (2004). Muqquadimah fi: 'Imay ad-Dila:lah wa at-Takha:tub. Beirut: Da:r al-Kita:b al-Jadi:d al-Muttahidah.
- Nor Azian Ab. Aziz (2005). Analisis Kesopanan Berbahasa: Satu Kajian Kes. (Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuramilah Husnah Alan (2011). Kesan Animasi Jepun (Anime) terhadap Peningkatan Minat Pembelajaran Bahasa Jepun dalam kalangan Pelajar Universiti Malaya. (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- N.Venkateshwara dan P.K.Mathur (2009). HandBook Of Animation, Cartoon and Multimedia. Delhi: Kanishka Publishing House.
- Ravi A/L Krishnan (2009). Kesantunan Bahasa dalam Perbualan Keluarga India. (Laporan Penyelidikan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- Ross, A. (1998). The Language of Humour. New York: Routledge.
- S. Nathesan (2001). Makna dalam Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Saw, B. (1999). Keberkesanan Animasi dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran. (Disertasi M.A, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

Searle, J.R. (1969). *Speech Acts : An essay in the philosophy of language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Sharifah Nor Syed Abd. Rahman, Nornajmah Najmuddin, dan Rosdah Omar (2007). *Bahasa Melayu Kertas 1&2 : Teks dan Rujukan Lengkap STPM Bahasa Malaysia*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Siti Hajar Abdul Aziz, (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Teo Kok Seong (1996). Kesopanan Bahasa. *Pelita Bahasa* 8 (10): 40-43.

Teo Kok Seong (2003). Kesantunan berbahasa: kes bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 3 (3): 14-23.

Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. Harlow: Pearson Education.

Thong Eng.K (1994). *Manifestasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.

Wunderlich, D. (1980). "Methodological remarks on speech act theory": *Speech Act Theory and Pragmatics*. Eds. J.R Searle, F. Kiefer and M. Bierwisch Dordrecht : Reidel Publishing Company.

Yule, G. (1996). *The Study of Language*. New York: Cambridge University Press.

*Kamus Bahasa Melayu Edisi Keempat* (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nathesan, S (2005). *Kesopanan Semakin Terhakis?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa

### **Sumber Bahan Elektronik**

Animasi Tanah Liat Arab. Diambil pada 20 Jun 2010, dari <http://media-pengajian.blogspot.com/p/animasi-islam.html>.

4,138 pelajar STAM layak masuk universiti.(1 Februari 2011). *Harian Metro*, ms12.

Animasi Tanah Liat Gua Thur

الحارس : أهلا , أهلا بسادة قريش وسادة مكة تفضلوا تفضلوا.....مرحبا سيدي

أبي لهب

أبو لهب : هو.....

أبو الحكم : كيف حالك أيها القيم و الخدمة دار الندوة

الحارس : مرحبا سيدي أبي الحكم

أبو الحكم : أين أبي لهب

الحارس : ينتظرك في الداخل

الحارس : تفضل تفضل يا سيدي مرحبا بكم تفضلوا تفضلوا, مرحبا بك ولكن

من أنت يا سيدي هل أنت من سادة قريش أنا لا أعرفك ولم أراك من

قبل

الشيطان : إليك عني كيف لا تعرفني وأنا الذي يعتبر الجميع بأمرى.....هو

ابن فحيرة : و الآن ماذا ستفعل قريش بعد رحل أصحاب محمد إلى يثرب و اخذوا

تجارهم و أموالهم

- عقبة : أنه يسؤانا أن يذهبوا بكل هذه أموال الطائلة إلى بلد آخر
- أبو الحكم : و أن يقيم تجارة عنية في بلد و نفس لنا
- أبو لهب : كل ما جاء بسبب محمد
- عتيبة : أجل, أنه يتبعواه تعليمه و يؤمنون به و بما يدعو إليه من دين جديد
- أبو الحكم : لن نسكت عن هذا, يجب أن نقاطع تجارتهم
- عقبة : أو نحاربهم
- الشیطان : أن القت لنا تتدخل. نعم يجب عليكم أن تنتقم من محمد و و صحبه
- أبو الحكم : ولكن من أنت أيها الرجل؟
- أبو لهب : و ما الذي جاء بك بمجلسنا؟
- الشیطان : أنا؟.....الشیطان
- أبو لهب : ماذا؟
- الشیطان : أنا سيد من سادة العرب ,جئت لإساعدكم في محتكم هذه.لابد أن من تتخلصوا من محمد
- أبو الحكم : وكيف؟

- عقبة : نقتله... نقتله
- أمية ابن خلف : ويحاربها بني عبد المناف من أجل
- الرجل الصالح : يحارب قريش و يجتمعون في دار الندوة, ترى ماذا يريدون لمحمد
- الرجل الصالح : أوضح السماع
- الشباب الصالح : أنهم يريدون أن يقتلوا محمد ولهم كفار اشارة
- الشیطان : اهدؤا اهدؤا..... ما بكم ؟ أتخافون أن قتل محمد ؟
- ابن فحيرة : أنا...أنا....
- عقبة : قل.....
- أبو لهب : أنا نأخذ من قبيلة فتى و نعطيهم سيفا و نطلب منهم أن يضرب محمد
- بسيوفهم ضربة واحدة
- أبو لهب : فيقتلواه ونستريح منه.
- أبو الحكم : وهكذا يتفرق قدمه بين قبائل جميعا فلا يستطيع بنو عبد المناف محاربة
- جميع قبائل

أبو لهب : هذا هو أفضل الرئيس أحسنت أبا الحكم

جميعا : أتفقنا...

الشباب الأول : مسكين أنت يا محمد

الشباب الثاني : تملك أيها الرجل قبيح, أنك الشيطان في حي متين الإنسان

زوجة أبو بكر : من؟ من الباب؟

عبدالله : أنا رسول من محمد عبدالله

عبدالله : هل سيدي أبي بكر هنا؟

زوجة أبو بكر : أجل... وماذا تريد؟

عبدالله : ابليغه أن محمد في طريقه إلى هنا

زوجة أبو بكر : ولكن محمدا لا يظورنا وقتنا ظهر

عبدالله : ابليغه سيدك واخذه و كفى

زوجة أبو بكر : لا بد أمرا مهما دفع محمد لزيارتنا في مثل هذا الوقت

لم أعرف كيف علم محمد بأمرا مأمرا. فتحه فوره إلى بيت صديقه أبي

بكر. أنه سيدي محمد , أعرف من طريقه قرح الباب من لطف وهدؤ

- القاتل الأول : سيوف قاطع, أليس كذلك؟
- زوجة أبو بكر : من يأتي إلينا في وقت المساء يا ترى؟ من بالباب؟
- عبدالله : أنا عبدالله ابن عرقه ليسي, ما بك يا أيتها المرأة الطيبة هل نسيت لي؟
- زوجة أبو بكر : لا لم أنسك, كيف و أنت من أكثر يخدم يا سيدي إخلاصا و أمانة
- زوجة أبو بكر : ولكن ما الذي أتى بك إلينا الآن؟
- عبدالله : سيدي أرسل في طلبي , أين هو؟
- زوجة أبو بكر : تفضل إنه في الداخل .ما الذي يجري من حولنا سيدي محمد يأتي ظهرا  
يمطش قليلا ويذهب مسرعا و سيدي أبو بكر يطلب من ابنتين عائشة  
و أسماء ألا تكونا في مجلس محمد كأن هناك سرا لا يريد محمد أن تطلع  
كلتا هما عليه
- عامر : وها هو عبدالله يأتي إلينا في مثل هذا الوقت, ما الأمر يا ترى
- عبدالله : أين أنت يا أخي
- عبدالله : من ؟ من هناك؟ من ؟ عبدالله .....مرحبا يا عبدالله
- عبدالله : كيف حالك يا عامر



- عامر : بخير...ولكن ما الذي أتى بك في هذا المساء ؟
- عبدالله : جئت لأجل الخطير.....
- عامر : أجل....وما هاتان رحلتان تزورهما ورأك
- عبدالله : هل لسر المكان
- عامر : تعال معي....قل ما وراءك
- عبدالله : اسمح لي يا أخي,وبعد قليل وعند ما يطبق الظلام على القوم سيخرج سيدي أبو بكر مع صديقه محمد ابن عبدالله قاصدين إلى يثرب وسأسلم
- راحتين عندما يقتربين من هناك
- عامر : أفهم من كلامك
- عبدالله : أنهما لا يريدان لأحد أن يعلم بأمر رحيلهما,فقد طلب إلي سيدي أبي بكر أن ينقل أمرا سرا بيننا
- عبدالله : ألم ترافقهما في طريقهما وأنت دليل ما هر و تعرف كل طرقا مؤدية إلى يثرب
- عامر : نعم سوف أكون هاديا لهما في سفرهما

- عامر : وما دوري أنا؟ وما هو مطلوب مني؟
- عبدالله : وأنت تعلم أن سيدنا أبا بكر يثق بك. وهو يعتمدك على أغنامه ومواشيه.
- عامر : وأنا أهل من هذه الثقة
- عبدالله : سيدنا أبي بكر يطلب منك أن ترصد الطريقة تاقدامة من مكة و ان تبلغني على الفور. إذا ما رأيت أحدا يتتبع أثرهما
- عامر : حسنا يا عبدالله اطمئن ولا تقلق سأظل أطوف و أنا أرافق طريق ولن يغمض لي الجفن
- القاتل الأول : ها هو بيت محمد....سوف أتوزع من حوله لنرصد خروجه
- القاتل الثاني : فنهجم عليه و نضربه بسيوفنا...وينتهي يا مكه منه
- القاتل الثالث : أنه ينام في فراشه,
- القاتل الثاني : سوف نرصد من نومه
- عبدالله : سيدي محمد سيدي أبا بكر اخرجنا من وراء الصحراء.ها قد أحضركما راحلتين

القاتل الأول : ترى مكوث محمد في الداخل

القاتل الثالث : ما زلت من الإنتظار

القاتل الثاني : هيا فنهجم عليه في بيته

عبدالله : القمر بدر ....وها قد قطعنا شوطا من الليل.أحشى أن يكون الذي

يتربصون سيدي محمد قد انكشف غيابه ها....قد وصلنا إلى منطقة

المغاور والكهوف,أرى أن تخلاً في أحدها فأنا أحشى إذا لحقوا بنا أن يروا

آثارالاقدام فوق الرمال القمريسطع نورفوق الصحراء فيستطيعون معرفة

بطريقتنا,اهبطا اهبطا الآن وتواريا في هذا الغار و أنا سأعد براحلتين

.أخبأهما استفعل الأمر.ومتى تأكدت من سلامة الطريق عدت

إليكما...هيا اسرع

القاتل الثالث : لقد هرب محمد ولم نر

: و عندما اقتحمنا بيته وجدنا فتى علي أبي طالب ينام في فراشه محمد.

القاتل الثالث : و ماذا سنفعل الآن؟

القاتل الأول : نبحث عنه...

- القاتل الثاني : أو نلحق به
- القاتل الثالث : أجل نلحق به
- فرسان أول : انظروا هذه آثار على الرمال
- فرسان ثاني : لا بد أنها على لمحمد
- فرسان ثالث : ومن معه أنه ليس وحده
- فرسان رابع : هذه آثار لأثار الرجل و أكثر من راحلة
- فرسان ثاني : لا شك أنه يتجهون و يثرب حيث صحبه
- فرسان أول : فنتبع بأسرع إذن...
- عبدالله : إني أخشى يا عا مر أن يعسر عليهما... فإن لم يكفوا عن البحث
- عليهما منذ الليلة البارحة، ألم تقل أنهما يختبان
- عامر : بلى، إنهما يختبان في غار ثور. أخشى أن يصادفهما في غار وحش أو
- أفعى
- عبدالله : إذ هم عشروا عليهما قتلوا هما
- عامر : فلتحملهما عناية الله

- فرسان أول : لم يأخذ هنا آثار نتبع هما
- فرسان ثاني : ترى الرياح ولكن قد كان ساكن ولا توجد الرياح
- فرسان أول : إذا كيف انقطع آثار
- فرسان رابع : هل يجوز أن يكون محمد قد عاد إلى مكة بسبب ما؟ أو أنه يختبأ مع  
من معه في أحد هذه مغاور
- فرسان ثاني : هذا كهف محجور قد نسج العنكبوت خيوطها على فتحته ورقدت أمامه  
هذه حمامة بسلام.
- فرسان ثالث : لا يمكن أن يكون داخله أحد
- عامر : اسرع يا عبدالله اسرع يا عبدالله.. إلى الغار و أخبرهما أن يظل مختبأين وأن  
الفرسان مكة مازالوا يحنون بجوار غير يائسين من العثور عليهما.
- عبدالله : سأنطلق على الفور.
- عامر : طيب, أحدا ما قادما إلينا....
- عبدالله : لا تخف, إنها سيدتي أسماء بنت أبي بكر, ما الذي أتى بها إلى هنا؟  
مرحبا يا سيدتي أسماء ...

- أسماء : مرحبا يل عبدالله
- عبدالله : جئت مبكرا
- أسماء : لم أستطيع على الإنظار أكثر
- عبدالله : هذا عامر ابن فحيرة, لقد رصد لنا الطريق وهي آمنة للآن. هل أتيت بالماء و الزاد
- أسماء : أجل
- عبدالله : عفوا يا سيدتي عفوا...ولكن لا آرا بين يديك شيئا
- أسماء : إني أحبته نطاقي هذا
- عبدالله : أحسنت يا سيدتي، أحسنت يا سيدتي
- عامر : هيا انطلق رافقكما السلامة.
- عبدالله : يا إله...أرى آثار أقدام فرسان هنا
- أسماء : أخشى أن يكونوا قد عشروا عليهما. هل أنت متأكد أنهما في هذا الغار؟
- عبدالله : أجل... أجل, هذا الغار ثور. و أنا أعرفه جيدا....ولكن كيف نسجت العنكبوت على بابه هذه الخيوط وهذه الحمامة الواضعة ترقد بيض

أمامها.

أسماء : أبي...أبي ,هل أنتما هناك؟أسمع صوت أبي...أبي في الداخل .أبي في

الداخل ..أنهما في الداخل ورائ الخيوطالعنكبوت هذا.يا عبدالله هذه

معجزة هذه معجزة , معجزة من السماء

عبدالله : لا بد أن الكفار كفى محجور فانصروا عنه

أبوالحكم : لقد مضى أيام ثلاثة على إحتفاء محمد

ابن فحيرة : ومن أثر له في الصحراء أو في طريقة يثرب

عقبة : أو ضروب خلفية منجزة إليهما

ابو لهب : كأنه عرض شاقة

أبوالحكم : كفوا عن البحث عنه

: ذلك هو القضاء ورسالة السماء لأشرف الأنبياء

أسماء : الحمد لله أصبحت الطريقة آمنة , لقد كفى فرسان عن البحث هل أنت

واثق يا عامر؟

عامر : ثلاثة بليلها و الفسان يحومون في المكان. لقد يئسوا وأنا واثق بأن طريقة

آمنة الآن

أسماء : إذن سوف أسبق إليهما يا عبد الله إلى أن تأتي براحلتين

عبد الله : أنا أرافقك يا سيدتي, هيا بنا.....

وهكذا خرج محمد ابن عبد الله من مكة إلى يثرب وهو يحمل معه رسالة السماء لبدأ رحلة الهجرة إلى أرض

جديدياقي فيها مصيرا آخر. و تلك لها قصة أخرى.



- الفقير : ا اكرمكم يا لآل بيت محمد
- النساء الأولى : تفضلي يا خالة
- الخالة : أنكم يتوزعون الطعام. هل في الدار أفرح؟
- النساء الأولى : نحتفل بالمولود الجديد وقد ولدت سيدتي خديجة وأنت لها بطفلة كأنها البدر
- النساء الثانية : لقد فرح ابوها بقدمها وسميها فاطمة الزهراء
- الخالة : يالها سعادة من أبوها محمد ابن عبد الله وأمها خديجة بنت خويلد
- الخالة : قلبي لي يا بنتي هل استحتر سيدتك من ترضع لها المولودة
- النساء الأولى : لا، سيدتي تقول أنها هي من سترضع الصغيرة ولم تأتي مرضعة كما باقي أخواتها
- الخالة : فلتبارك السماء وتجعل في قدمها خير كله
- الابن فحيرة : ولدت فاطمة الزهراء قبل نبوة بخمس سنوات وكان قريش الآن ذاك توجد بناء الكعبة. فستبشر والدها بها وهي أصغر بنات بعد رقية وزينب وأم كلثوم
- عنتية أبو هب : انظروا ها هو محمد وابنته فاطمة
- عنتية أبو هب : أليست هذه التي لها ولدت في أيام تجديد الكعبة، كم مضى من سنين؟
- عقبة أبي معيد : عدة سنوات وقد أصبح جافع

- عطبة ابن ربيعة : لها تتبع دين محمد وتؤمن به
- عتيبة أبو هلب : وهي تكاد لا تفارق والدها
- ابن فحيرة : ها هي تفارقة الآن وتعد أهلها
- عطبة ابن ربيعة : تعال لو نسخر من محمد ونرى ماذا سيقوم من أمره وأمر ابنته
- ابن فحيرة : انظروا أنه يصلي لربه
- عطبة ابن ربيعة : سنرميهم بالأقذار
- ابن فحيرة : وأنا من سيفعل هذا. هل هو الأخي يلقى الأقذار على ظهر محمد وهو سجد ولا يزال ساجدا
- عطبة ابن ربيعة : ها هي فاطمة الزهراء عن ظهر محمد قادمة نحوى أبيها. إنها تبعد الأقذار عن ظهر وتغسل عنه آثارها
- عقبة أبي معيد : إنها غاضبة تعنى فعقبة وتبعد عن طريق أبيها
- أبو هلب : قد أصبح لمحمد اتبعواه ويؤنوابه ويقوى بهم
- أبو الحكم : لم يعد أماننا سوى أن نقاطعهم مقاطعة كاملة
- ابن فحيرة : أجل علينا أن لا نبيع لهم و أن لا نشترى منهم

- عقبة : وأن نعاملهم أو نكلمهم
- ابن فحيرة : حتي نظرهم إلى أن يسلموا إلينا محمدا
- أبو الحكم : وبذلك نخمن دعوته
- الرجل الأول : ما بك يا بركة, و أنت يا أختي لماذا تبكين؟
- بركة : لقد أمرنا سيدي أن نحزم متاعنا لنخرج آل بيته والآخرين إلى شعاب من مكة
- المرأة الثانية : سوف نترك الدار و الأهل لنسكن بكهوف ومغاور
- الرجل الأول : أليس هذا أفضل من الذهاب، والظلم لنا
- الرجل الأول : بل ولكن مادام تلك الصغيرة فاطمة تعيش في شعاب الجبال
- بركة : لا تخزين من أجلها يا بركة يكفي أن ستقوم على أبويها
- أبو الحكم : أظن من آمن معه يهتمون بكهوف الجبال بسبب قطيعتنا
- أبو لهب : سوف نحارصهم مع أولادهم ونصدهم
- أبو الحكم : حتى يجانون من الجوع والبردة
- ابن فحيرة : إلى أن يعودوا ممن آمن به ويسلمون إلينا محمدا
- : واشتد حصار على مسلمين واستمرت على ثلاثة أشهر وفاطمة الزهراء مع

المحاصرين. وكانت تسمع من وراء الشعاب أصوات النساء و الأطفال وهم

يتكلمون من شدة الجوع

أبو الحكم : لا فائدة من خصارهم بعد الآن وقد صمدوا كما لم يصمت أحد. وقد خرج

المسلمون وأول من فاطمة ولا يزدها حصار إلا إيماناً وثباتاً على الإسلام وهي

ترد الله أكبر الله أكبر

الرجل : ما بك يا بركة, أراك حزينة القلب

بركة : لقد آثار حصار في صحة فاطمة

الرجل : لا تقلقي سوف تقاوم وتشفى وهي لا تزال شابة صغيرة السن

بركة : ولما أظن من ذلك. سيدتي خديجة هل ستشفى هي أخرى؟

الرجل الأول : أترى الحزنة تفيض على قلوب المسلمين

الرجل الثاني : انظر...انظر... كيف يبكيان لوفاة خديجة

الرجل الأول : مسكينة أنت يا فاطمة لم تنسى بعد ما آثار حصار حتى جاء يوم أليم. أنا

فكرت فيه أم الأمة خديجة بنت خويلد

الرجل الثاني : ولكن لم يزدها إلا تسليماً

- المرأة الأولى : بركة... بركة هل علمت بما جري؟
- بركة : ماذا في الأمر؟
- المرأة الأولى : لقد أمرت سيدتي فاطمة أن نخزم متاعنا لنخرج مع رسول الله إلى المدينة
- بركة : أجل يا أختاه و أنا أستعد لهجرة مع باقي المسلمين
- المرأة الأولى : ما أعظم يل فاطمة وأنت تشاهدين أباك وتساعدين وتنصرين دعوته
- بركة : وهكذا خرجت فاطمة مع من هاجر في سبيل الله إلى المدينة وفيها يخوض بالإيمان ونفسهـل تتلف بالإنـتشار الدعوة عاشت من سمون في المدينة ومن هاجر واستمرت الدعوة
- الخالة الأولى : هيا تعالى ندخل ونزور فاطمة
- المرأة الصالحة : وهل سترحب بنا قتل أن تعرف أنني مسلمة؟
- المرأة الصالحة : أجل، ستفرح بنا بعد ذلك وتهلل.
- الخالة الأولى : وها قد مضت على مجيئة في المدينة وهي لم تتوقف يوما عن مشاركة أبيها في حمل دعوته أبيها.
- المرأة الصالحة : هيا ندخل إليها هيا.....

الخالة الأولى : ولكن قلبي لي أحقا ستتزوج فاطمة عن ذاك الشاب الذكي أن النبي والمجاهد علي

بن أبي طالب

المرأة الصالحة : بل إن الأمر قد حصل

الخالة الأولى : تقصدين أن فاطمة قد تزوجت بعلي؟

المرأة الصالحة : أجل، وبهذا أردت بزيارة فاطمة وأن أفاجئك بهذا الخبر السعيد

الخالة الأولى : فاطمة.....فاطمة.....قد جئنا مبكرا

المرأة الصالحة : يا إله! ساكن متواضع، أمنت رسول الله تعيش في هذا المكان البسيط وتتحم

القمح وتقبس الخبز

الخالة الأولى : أجل...أجل والله والله إنها لا تؤثر العيشة البسيط على مال الدنيا كله ولا تطلب

إلا نشر الدعوة الإسلام.

المرأة الصالحة : ما أعظم إيمانك وجهدك يا فاطمة.

الخالة الأولى : فاطمة.....فاطمة....أين أنت؟

المشترى : أعتقد أن ثمن هذه الهدية يكفي لشراء الغلام

البائع : أجل أنها تساوى مبلغ من المال لأن تباع الغلام.

- المشترى : هيا يا غلام
- غلام : أنا سعيد اشتريتمني وسألقى معاملة حسنة عندكم ولكن هذا الغريب أن يشتري  
عبد بهدية لذهب النساء
- المشترى : هذا صحيح، إنها هدية فاطمة الزهراء ومن اشترت بهديتها بل أكثر من ذلك.  
إنها اشترى لذهاب حررتك، أنت حر يا بني اذهب ما شئت
- غلام : ما أكرمك يا فاطمة ما أنبل يا أيتها الزهراء، أنا حر ولم أعد عبدا لأحد  
وانتقلت فاطمة إلى بيت من بيوت بني النجار لتسكن بجوار أبيها وتقوم على  
رعايته وال عناية به، عاشت أيام هائلة ورزقه الله بولديها الحسن والحسين
- الرجل : بارك الله لك يا فاطمة في أولادك وجعلهم كما كنت باركة لأبيك
- الرجل : ما أعظم فرحة رسول الله بأبنائك يا فاطمة.
- جاراة فاطمة : واذهي خذي يا ابنتي هذا الطعام والذات إلى جارتنا
- ابنة جارة : سمعا وطاعة يا أمي
- ابنة جارة : أية فاطمة جئتك لبعض الطعام
- النساء : ما أظن ما بقي من الطعام بعد أكل رسول الله وأحفده وابنته أن طبق ملئ

## بالطعام

الخادم : كلي من هذا الكعام فهو كثير. وقد أرد دين فاطمة أن أوزع منه على جيرانها.

النساء : يا سبحان الله

الخادم : الآ تعلمين أن الله قد أكرم فاطمة بإكثار الطعام في بيتها؟

النساء : الحمد لله الذي بارك في بيت فاطمة. جزاء أكرمها و إحسانها.

وشهدت فاطمة في حياتها بغزوات رسول الله وشاركت في غزوين الخندق والخيبر. وظل فاطمة الزهراء قري

أبيها تدعوه وتساعده في دعوة إلى إلتحقت برب فحزم وفاته حوتا عميقا ما بعده حزناو بعد سنة من وفاة

رسول الله. توفيت وهي من ابنة تسعة وعشرين سنة كما جاء بعد الرواية وتتحقت رؤية رسول الله بأها

ستقوم أول أهل و أحون بعد أن بشرها بالجنة.